



Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia

MALAYSIA 2012

PRESTASI PELABURAN

Pelaburan untuk Transformasi



Isi kandungan

- | | |
|-----|--|
| 6 | Sepatah Kata Dari MIDA
<i>Meningkatkan profil Malaysia sebagai destinasi pelaburan</i> |
| 10 | Malaysia di Pentas Dunia
<i>Mengatasi persekitaran pelaburan global yang lembap</i> |
| 20 | Setahun Secara Ringkas
<i>MIDA dan rakan pelaburan mencipta rekod tahunan dalam pelaburan dan pekerjaan</i> |
| 40 | Peluang Baharu untuk Pertumbuhan
<i>Mencipta nilai baharu di dalam sektor perkilangan dan utama</i> |
| 114 | Halatuju Masa Depan
<i>Sektor perkhidmatan terus menyokong ekonomi negara</i> |
| 136 | Transformasi Berterusan
<i>Cabarani dan peluang di tahun akan datang</i> |
| 142 | Lampiran |



Laporan mengikut sektor

Perkilangan

Produk elektrikal dan elektronik	53
Pengangkutan	58
Automotif	60
Aeroangkasa	63
Pembinaan kapal dan pemberian kapal	63
Jentera dan peralatan	64
Sokongan kejuruteraan	70
Produk logam asas	72
Produk logam fabrikasi	76
Tekstil dan produk tekstil	78
Peranti perubatan	80
Pertanian	85
Pemprosesan makanan	86
Produk minyak sawit	87
Minyak sawit dan minyak isirung sawit	88
Oleokimia dan bahan terbitan	89
Biomas kelapa sawit	90
Farmaseutikal	92
Produk kimia	93
Bioteknologi	97
Petroleum dan produk petrokimia	98
Plastik	100
Getah	102
Kayu dan produk kayu dan perabot	104
Produk galian bukan logam	108
Kertas, percetakan dan penerbitan	112

Perkhidmatan

Pertubuhan serantau	117
Ibupejabat	
Operasi (OHQs)	118
Pusat Perolehan	
Antarabangsa (IPCs)	121
Pusat Pengedaran	
Serantau (RDCs)	122
Pejabat Serantau/	
Perwakilan (REs/ROs)	123
Hab operasi global	123
Perkhidmatan sokongan	128
Tenaga boleh diperbaharui	128
Kecekapan tenaga dan penjimatkan tenaga	130
Penyelidikan dan pembangunan	130
Perkhidmatan lojistik bersepada (ILS)	131
Syarikat Berstatus MSC	131
Hartanah (perumahan)	132
Utiliti	132
Hotel dan pelancongan	132
Pengangkutan	132
Telekomunikasi	133
Perdagangan pengedaran	133
Perkhidmatan kewangan	134
Perkhidmatan pendidikan	134
Perkhidmatan kesihatan	134

Utama

Pertanian	113
Perlombongan	113
Perlادangan dan komoditi	113

Rencana

Inisiatif pelaburan domestik	26
Ekosistem utama dalam industri E&E	56
Industri M&E di Malaysia	67
Industri sokongan kejuruteraan di Malaysia	71
Inisiatif menambahbaik ekosistem besi dan keluli	75
Potensi Malaysia sebagai pusat R&D farmaseutikal	94
Ekosistem produk industri berasaskan kayu	106
Malaysia: Ekosistem perniagaan ideal bagi operasi serantau dan logistik	126

Rakan pelaburan

Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER)	28
Koridor Ekonomi Wilayah Utara (NCER)	30
Kerjasama Penyelidikan dalam Kejuruteraan, Sains dan Teknologi (CREST)	30
Iskandar Malaysia	31
Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE)	32
Koridor Pembangunan Sabah (SDC)	34
Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC)	35
Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC)	37
InvestKL	38
TalentCorp	38
BiotechCorp	38

Senarai graf

Aliran masuk FDI ke ASEAN, 2011 (US\$ bilion)	15
Aliran masuk FDI mengikut ekonomi, 2006 - 2011 (US\$ bilion)	16
Aliran keluar FDI mengikut ekonomi, 2006 - 2011 (US\$ bilion)	17
Jumlah pelaburan diluluskan dalam ekonomi Malaysia, 2012	25
Jumlah pelaburan komited dalam ECER, 2012 (RM bilion)	29
Jumlah kumulatif pelaburan komited dalam Iskandar Malaysia, setakat November 2012 (RM bilion)	32
Teras strategik Digital Malaysia	37
Tiga teras strategik TalentCorp	39
Sumber pelaburan dalam projek diluluskan, 2012 dan 2011	43
Pelaburan dan pekerjaan dalam projek diluluskan, 2007 – 2012	44
Pelaburan dalam projek baharu mengikut industri, 2012 dan 2011	45
Pelaburan dalam projek pembesaran/pelbagaiannya mengikut industri, 2012 dan 2011 (RM juta)	46
Sumber utama pelaburan asing dalam projek diluluskan, 2012	48
Nilai pelaburan dari Jepun mengikut industri utama, 2012 (RM juta)	49
Pelaburan dalam projek diluluskan mengikut lokasi, 2012	50
Pelaburan dalam projek diluluskan mengikut industri utama, 2012 dan 2011	51
Pelaburan asing dalam projek diluluskan mengikut industri utama, 2012	51
Pelaburan domestik dalam projek diluluskan mengikut industri utama, 2012	51
Status pelaksanaan projek perkilangan diluluskan, 2008 – 2012	52
Struktur industri E&E	54
Pelaburan diluluskan dalam sektor E&E, 2012 (RM juta)	58
Pelaburan diluluskan dalam industri kelengkapan pengangkutan mengikut subsektor, 2012 (RM juta)	60
Gambaran keseluruhan industri M&E	66
Pelaburan dalam projek diluluskan dalam industri M&E mengikut subsektor, 2012 (RM juta)	68
Pelaburan dalam projek diluluskan dalam industri sokongan kejuruteraan mengikut subsektor, 2012 (RM juta)	70
Industri produk logam asas	72
Industri produk logam fabrikasi	76
Ekosistem tekstil dan produk tekstil	79
Pelaburan dalam projek diluluskan dalam industri tekstil dan produk tekstil mengikut subsektor, 2012 (RM juta)	80
Pelaburan diluluskan dalam sektor pemprosesan makanan, 2012 (RM juta)	87
Industri petroleum dan petrokimia	100
Pelaburan dalam projek diluluskan dalam industri produk plastik mengikut subsektor, 2012	101
Pelaburan diluluskan dalam industri getah mengikut subsektor, 2012 (RM juta)	103
Pelaburan diluluskan dalam industri berasaskan kayu mengikut subsektor, 2012 (RM juta)	104
Ekosistem seramik termaju	109
Pelaburan diluluskan dalam industri produk galian bukan logam mengikut subsektor, 2012 (RM juta)	110
Bilangan pertubuhan serantau diluluskan setakat 31 Disember 2012	118
Projek IPC diluluskan, 2012 setakat 31 Disember 2012	121
Pelaburan dalam perdagangan pengedaran, 2012 (RM juta)	133

Senarai jadual

Lapan industri utama mengikut pelaburan	45
Industri utama dengan projek berorientasikan eksport	46
Negeri dengan bilangan terbesar projek dilaksanakan bagi tempoh 2008 – 2012	53
Projek utama diluluskan dalam tahun 2012 – komponen elektronik	59
Projek utama diluluskan dalam tahun 2012 – elektronik pengguna	59
Projek utama diluluskan dalam tahun 2012 – elektronik perindustrian	59
Projek utama diluluskan dalam tahun 2012 – elektrikal	59
Jualan kenderaan bermotor dalam ekonomi utama ASEAN	62
Penglibatan industri dalam subsektor aeroangkasa	63
Projek utama diluluskan dalam tahun 2012 – industri sokongan kejuruteraan	71
Projek utama diluluskan dalam tahun 2012 – logam asas	72
Projek utama diluluskan dalam tahun 2012 – produk logam fabrikasi	76
Projek utama diluluskan dalam tahun 2012 – minyak sawit dan minyak isirung sawit	89
Projek utama diluluskan dalam tahun 2012 – oleokimia	89
Projek utama diluluskan dalam tahun 2012 – farmaseutikal	93
Produk utama industri kimia dihasilkan di Malaysia	96
Pelaburan dalam industri kimia, 2012	96
Projek utama diluluskan dalam tahun 2012 - bioteknologi	97
Projek Ibupejabat serantau diluluskan, 2012	117
OHQ baharu diluluskan, 2012	119
IPC baharu diluluskan, 2012	121
RDC baharu diluluskan, 2012	123
RE/RO baharu diluluskan, 2012	123
Pelaburan diluluskan dalam perkhidmatan sokongan, 2012	128
Projek utama diluluskan dalam tahun 2012 – tenaga diperbaharui	129
Projek utama diluluskan dalam tahun 2012 – kecekapan dan penjimatatan tenaga	129
Pelaburan dalam perkhidmatan pendidikan, 2012	134

Lampiran

Projek perkilangan diluluskan, 2012 dan 2011	144
Projek perkilangan baharu diluluskan mengikut saiz pelaburan modal, 2012 dan 2011	144
Projek perkilangan diluluskan mengikut industri, 2012 dan 2011	145
Projek perkilangan diluluskan dengan pelaburan RM100 juta dan ke atas, 2012	146
Projek perkilangan baharu dan pembesaran/pelbagaiannya diluluskan mengikut industri, 2012 dan 2011	147
Projek perkilangan diluluskan dengan hakmilik majoriti rakyat Malaysia mengikut industri, 2012 dan 2011	148
Projek diluluskan dalam industri sokongan kejuruteraan mengikut subsektor , 2012	149
Projek diluluskan dalam industri elektrikal dan elektronik mengikut subsektor, 2012	149
Projek perkilangan diluluskan dengan penyertaan rakyat asing mengikut sumber, 2012 dan 2011	150
Projek perkilangan diluluskan mengikut negeri, 2012 dan 2011	151

Sepatah kata daripada MIDA

Malaysia memecah kesemua rekod pelaburan dan pekerjaan pada tahun 2012, tetapi projek pelaburan berkualiti dan pekerjaan yang benar-benar menonjol.

Masa yang menarik bagi Malaysia.

Walaupun dengan persekitaran ekonomi global yang tidak menentu, Malaysia berjaya menarik pelaburan sebanyak RM162.4 bilion pada tahun 2012 iaitu melebihi daripada tahun-tahun yang lepas. Dalam masa yang sama, sejumlah 182,841 pekerjaan baharu telah diwujudkan yang merupakan satu pencapaian cemerlang memandangkan keadaan ekonomi dunia yang suram.

Apa yang lebih penting daripada bilangan dan jumlah pelaburan adalah kualiti pelaburan dan peluang pekerjaan yang diwujudkan.

Menjayakan pelabur

Sejumlah besar pelaburan pada tahun 2012 adalah dalam industri teknologi baharu dan baharu muncul khususnya dalam industri aeroangkasa, semikonduktor, solar, jentera dan kelengkapan, bioteknologi, petroleum dan produk petrokimia serta industri peranti perubatan dan juga sektor perkhidmatan. Pelabur memilih Malaysia sebagai persekitaran yang sesuai dalam menjayakan perniagaan mereka dalam industri tersebut.

Pencapaian luar biasa telah dapat dicapai hasil daripada strategi baharu Kerajaan untuk menarik pelaburan berkualiti dalam sektor yang disasarkan. Perkongsian strategik dengan agensi-agensi pembangunan ekonomi negara telah menyokong usaha MIDA dalam meningkatkan profil Malaysia sebagai lokasi yang ideal bagi perniagaan bernilai ditambah tinggi. Sejak beberapa tahun



Sorotan

Tahun 2012, Malaysia:

kebelakangan ini, MIDA dan rakan-rakan agensi pelaburan telah menumpukan usaha dalam memperkuatkan ekosistem Malaysia untuk pelabur tempatan dan asing. Malaysia kini telah mencapai reputasi yang baik sebagai hab operasi global dan serantau bagi perkilangan dan perkhidmatan dengan menarik pelaburan yang akan mempercepatkan peralihan negara kepada industri bernilai ditambah tinggi, berteknologi tinggi, berintensifkan pengetahuan serta berdasarkan inovasi.

Pendekatan ekosistem MIDA dalam pembangunan pelaburan memainkan peranan penting dalam memastikan kejayaan ini. Setelah empat dekad bagi menggalakkan dan menyelaras pembangunan perindustrian, Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) menerima nama baharu dan skop tanggungjawab yang lebih luas pada tahun 2011. Dengan pelancaran Model Baru

- Menarik jumlah pelaburan langsung tertinggi yang pernah direkod: **RM162.4 bilion**
- Menjana **182,841** pekerjaan – melebihi daripada tahun-tahun sebelum ini
- Meningkatkan **lanskap pelaburan domestik**
- Melaksanakan kemajuan kukuh dalam pembangunan industri bagi **teknologi baharu dan baharu muncul**
- Memperkuatkan ekosistem **industri sedia ada** seperti semikonduktor, diod pemancar cahaya (LED), solar dan jentera & kelengkapan (M&E)
- Memperkuat reputasi negara sebagai **hab global dan serantau bagi perkilangan dan perkhidmatan**
- Mengimbangi pembangunan **lima koridor ekonomi** negara

Ekonomi, agensi ini telah dinamakan semula sebagai Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia dan diberikan peranan utama dalam menerajui agenda pelaburan nasional untuk memacu matlamat Program Transformasi Ekonomi (ETP).

Seperti mana MIDA telah distruktur semula bagi misi baharunya, persekitaran pelaburan Malaysia juga sedang dibentuk semula untuk menarik pelaburan yang disasarkan. Pencapaian 2012 menunjukkan Malaysia sedang membuat kemajuan baik bagi merealisasikan matlamat ini. Peralihan dalam pelaburan menekankan peranan sektor perkhidmatan sebagai satu dimensi baharu dalam ekonomi Malaysia. Malaysia juga menarik lebih banyak aktiviti bernilai ditambah tinggi dan berasaskan pengetahuan dalam industri baharu dan baharu muncul seperti bioteknologi, aeroangkasa dan elektronik termaju. Pelaburan juga terus mengalir masuk ke sektor utama, dengan kebanyakannya aliran masuk tertumpu kepada projek carigali minyak dan gas.

Ini jelas menunjukkan Malaysia sedang bergerak ke atas dalam rantaian nilai.

Perkembangan pelaburan

Malaysia terus menjadi destinasi yang kompetitif bagi syarikat multinasional asing dalam memilih tenaga kerja yang berpendidikan, infrastruktur yang lengkap dan iklim politik yang mesra perniagaan. Walau bagaimanapun, masa depan negara juga bergantung kepada pertumbuhan pelaburan langsung domestik. Sesuatu yang amat memberangsangkan adalah aliran masuk

Persekutuan pelaburan Malaysia distruktur semula untuk menarik pelaburan yang disasarkan.

pelaburan domestik meningkat dengan ketara sebanyak hampir empat kali ganda jumlah pelaburan langsung asing (FDI) pada tahun 2012. Ini merupakan satu petunjuk yang jelas akan keyakinan perniagaan tempatan terhadap keupayaan negara dalam memajukan para pelabur.

MIDA akan memainkan peranan yang penting dalam menggalak dan menggerakkan pelaburan langsung domestik dengan mengenal pasti peluang-peluang, memberikan sokongan dan meningkatkan insentif bagi syarikat-syarikat milik rakyat Malaysia. Strategi ini akan membantu negara membuat lonjakan kuantum yang diperlukan dalam merealisasikan agenda pelaburan nasional: untuk menarik pelaburan yang berkualiti.

Adalah penting supaya negara dapat menggembung usaha untuk terus maju berlandaskan kejayaan 2012. Negara mesti memupuk ekosistem perniagaan yang kondusif kepada pelabur samada domestik atau asing. MIDA perlu mengotakkan janji iaitu *Malaysia as the Profit Centre of Asia*.


Ini memang merupakan masa yang menarik untuk Malaysia.





Malaysia Di Pentas Dunia

*Mengatasi persekitaran pelaburan
global yang lembap*





**Malaysia Di
Pentas Dunia**

**Walaupun dengan
persekitaran
makroekonomi yang
suram, ekonomi Malaysia
terus berkembang
pada tahun 2012 dan
berada di landasan yang
betul untuk memenuhi
objektif Program
Transformasi Ekonomi**

Walaupun dengan persekitaran ekonomi luar terus mencabar, ekonomi Malaysia mengekalkan pertumbuhannya pada tahun 2012. Keluaran Dalam Negera Kasar (KDNK) berkembang 5.6 peratus bagi tahun 2012.

Dari segi penawaran, kesemua sektor mencatatkan pertumbuhan positif pada tahun 2012.

Penyumbang utama kepada pertumbuhan keseluruhan merupakan sektor perkhidmatan, perkilangan, perlombongan dan kuari¹.

Sektor perkhidmatan adalah penyumbang terbesar kepada KDNK Malaysia. Pada tahun 2012, sektor ini menyumbang 54.6 peratus kepada KDNK negara dan mencatatkan kadar pertumbuhan sebanyak 6.4 peratus dalam nilai ditambah. Gunatenaga dalam sektor perkhidmatan dianggarkan 6.7 juta orang atau 53.5 peratus daripada jumlah gunatenaga pada tahun 2012².

Produktiviti sektor perkhidmatan dijangka berkembang melebihi empat peratus pada tahun 2012 yang diterajui oleh subsektor telekomunikasi (5.7%); perdagangan borong dan runcit (4.9%) dan lain-lain perkhidmatan (5.6%).

Sektor perkilangan kekal kukuh pada tahun 2012 dengan menyumbang sebanyak 24.9 peratus kepada KDNK dalam tahun 2012³. Nilai ditambah sektor perkilangan berkembang sebanyak 4.8 peratus dalam tahun yang sama. Jumlah eksport produk pengilangan menurun sebanyak 0.1 peratus kepada RM470.4 bilion pada tahun 2012 berbanding dengan RM471 bilion pada tahun 2011. Walau bagaimanapun, eksport produk pengilangan ini menyumbang kepada 67 peratus daripada jumlah eksport Malaysia bagi tahun 2012. Gunatenaga dalam sektor perkilangan dianggarkan seramai 3.6 juta orang, atau 28.9

Sektor perkilangan menyumbang kepada 24.9 peratus daripada KDNK dalam tahun 2012.

peratus daripada jumlah pekerjaan pada tahun 2012⁴.

Prestasi sektor perkilangan yang semakin baik juga dipaparkan dengan pengembangan output perindustrian (sepertimana diukur oleh indeks pengeluaran perindustrian), nilai jualan dan produktiviti sektor tersebut. Pada tahun 2012, indeks pengeluaran dan nilai jualan sektor ini masing-masing berkembang sebanyak 5 peratus dan 5.5 peratus berbanding tahun sebelumnya. Produktiviti dalam sektor perkilangan seperti yang diukur oleh nilai jualan bagi setiap pekerja meningkat sebanyak 4.4 peratus bagi tempoh Januari hingga Oktober 2012⁵.

Sektor utama terus memainkan peranan penting dalam ekonomi Malaysia. Bagi tahun 2012, sektor pertanian menyumbang

¹ Jabatan Statistik.

² Laporan Ekonomi 2012/2013, Kementerian Kewangan Malaysia.

³ Perbadanan Produktiviti Malaysia.

⁴ Laporan Ekonomi 2012/2013, Kementerian Kewangan Malaysia.

⁵ Perbadanan Produktiviti Malaysia.

sebanyak 7.3 peratus kepada KDNK negara dengan pertumbuhan sebanyak 0.8 peratus dari tahun 2011. Gunatenaga dalam sektor pertanian dianggarkan seramai 1.4 juta orang yang mewakili 11.1 peratus daripada jumlah gunatenaga pada tahun 2012⁶.

⁶ Laporan Ekonomi 2012/2013, Kementerian Kewangan Malaysia.

Sektor perlombongan dan kuari menyumbang 8.4 peratus kepada KDNK negara pada tahun 2012 dan berkembang sebanyak 1.4 peratus dalam tahun yang sama. Gunatenaga dalam sektor perlombongan dan kuari dalam tempoh ini telah dianggarkan seramai 41,100 orang⁷.

⁷ Laporan Ekonomi 2012/2013, Kementerian Kewangan Malaysia.

Cabarani global

Persekutuan pelaburan yang lebap mencabar perniagaan dan Kerajaan di seluruh dunia

WALAUPUN, PELABURAN GLOBAL semakin pulih tetapi ia masih dikekang oleh keadaan makroekonomi dan kewangan. Aliran pelaburan langsung asing (FDI) terus pulih berikutan kesan krisis kewangan dan ekonomi global dari tahun 2008-2009. Pemulihan ini berterusan walaupun krisis hutang negara-negara Eropah terus berlaku.

Aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI)¹ global pada tahun 2011 meningkat sebanyak 16 peratus kepada US\$1.52 trilion daripada US\$1.31 trilion pada tahun 2010. Ini adalah berdasarkan *World Investment Report 2012* oleh *United Nations Conference on Trade and Development* (UNCTAD).


Pada tahun 2011, negara-negara maju tetap meluaskan perbezaan kedudukan mereka dalam

Aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) global pada tahun 2011 meningkat sebanyak 16 peratus kepada US\$1.52 trilion yang meliputi ketiga-tiga kumpulan ekonomi – ekonomi maju, membangun dan peralihan.

aliran masuk FDI. Aliran ke negara-negara maju telah meningkat sebanyak 21 peratus kepada US\$748 bilion. Di negara-negara membangun, FDI meningkat sebanyak 11 peratus untuk mencapai rekod berjumlah US\$684 bilion. Dalam ekonomi peralihan, FDI meningkat sebanyak 25 peratus kepada US\$92 bilion. Kedua-dua ekonomi membangun dan peralihan menyumbang lebih daripada separuh FDI global.

¹ FDI ditakrif oleh UNCTAD sebagai suatu pelaburan antarabangsa yang dibuat dengan objektif mengekalkan kepentingan berterusan entiti residen dalam sebuah ekonomi di dalam entiti residen sebuah ekonomi yang lain. Ianya merangkumi ekuiti modal, pendapatan dilabur semula dan transaksi hutang antara syarikat dan sebahagian besarnya adalah berdasarkan kepada statistik imbalan bayaran balik negara.

Graf 1 Aliran masuk FDI ke ASEAN, 2011 (US\$ bilion)



Amerika Syarikat mengekalkan kedudukannya sebagai penerima terbesar aliran masuk FDI (US\$226 bilion) pada tahun 2011, diikuti oleh Republik Rakyat China (US\$123 bilion), Belgium (US\$89 bilion) dan Hong Kong (US\$83 bilion).


Dalam rantau membangun Asia Timur dan Asia Tenggara, aliran masuk FDI mencapai rekod baharu pada tahun 2012. Jumlah aliran masuk FDI bernilai US\$336 bilion, yang merupakan 22 peratus daripada jumlah aliran masuk global. Asia Tenggara sahaja telah mencatatkan aliran masuk sebanyak US\$117 bilion, iaitu peningkatan sebanyak 26 peratus daripada tahun sebelumnya. Asia Timur mencatatkan aliran masuk sebanyak US\$219 bilion, manakala

Asia Tenggara tetap mengalami pertumbuhan FDI yang lebih cepat.

Antara ekonomi Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN), Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia dan Singapura semuanya mencapai peningkatan yang ketara dalam aliran masuk FDI. Malaysia merupakan penerima ketiga terbesar dalam aliran masuk FDI di antara Negara-negara ASEAN pada tahun 2011 selepas Singapura dan Indonesia.

Aliran masuk FDI ke Malaysia meningkat daripada US\$9.1 bilion pada tahun 2010 kepada US\$11.9 bilion pada tahun 2011, iaitu peningkatan sebanyak 30.8 peratus.

Graf 2 Aliran masuk FDI mengikut ekonomi, 2006 - 2011 (US\$ bilion)




Aliran masuk FDI ke Singapura mencatatkan pertumbuhan kukuh daripada US\$48.6 bilion pada tahun 2010 kepada US\$64 bilion pada tahun 2011, iaitu peningkatan sebanyak 31.7 peratus. Indonesia mengalami peningkatan sebanyak 37.9 peratus daripada US\$13.7 bilion pada tahun 2010 kepada US\$18.9 bilion pada tahun 2011. Pertumbuhan dalam negara-negara ASEAN telah didorong terutamanya oleh permintaan domestik dan pengembangan kukuh dalam aktiviti sektor swasta.

Berdasarkan trend aliran masuk FDI, aliran keluar FDI global juga meningkat sebanyak 17 peratus daripada US\$1.45 trillion pada tahun 2010 kepada US\$1.69 trillion pada tahun 2011. Tahap ini kekal

di bawah paras tertinggi sebanyak US\$2.2 trillion yang telah dicapai pada tahun 2007. Peningkatan ini adalah terutamanya oleh pertumbuhan aliran keluar FDI daripada negara-negara maju. Aliran keluar FDI daripada ekonomi maju berkembang sebanyak 25 peratus daripada US\$0.99 trillion pada tahun 2010 kepada US\$1.24 trillion pada tahun 2011, manakala FDI daripada ekonomi peralihan meningkat sebanyak 19 peratus.

Setiap daripada tiga kumpulan pelabur ekonomi maju utama - Kesatuan Eropah (EU), Amerika Utara dan Jepun - mempunyai faktor penyumbang masing-masing yang membawa kepada peningkatan ini. FDI keluar dari Amerika Syarikat mencapai paras tertinggi

Graf 3 Aliran keluar FDI mengikut ekonomi, 2006 - 2011 (US\$ bilion)



sebanyak US\$397 bilion yang didorong oleh rekod pendapatan dilabur semula (82 peratus daripada jumlah aliran keluar FDI). Ini merupakan sebahagian daripada hasil syarikat transnasional (TNC) yang menggunakan pegangan tunai asing mereka.

Negara Jepun muncul semula sebagai pelabur kedua terbesar di dunia dengan kenaikan nilai yen yang menambahbaik kuasa beli syarikat TNC Jepun. Jepun menyaksikan dua kali ganda aliran keluar FDI, dengan penggabungan dan perolehan (M&A) di Amerika Utara dan Eropah yang meningkat sebanyak 132 peratus. Dalam EU, peningkatan dalam aliran keluar FDI telah didorong oleh M&A merentasi sempadan.

Dalam ekonomi membangun dunia, aliran keluar FDI menurun sedikit sebanyak empat peratus kepada

US\$380 bilion pada tahun 2011. Hasilnya, sumbangan ekonomi membangun dan peralihan dalam aliran keluar FDI global menurun daripada 32 peratus pada tahun 2010 kepada 27 peratus pada tahun 2011.

Pada tahun 2011, jumlah aliran keluar FDI daripada Asia Timur dan Asia Tenggara menurun sedikit sebanyak 1.2 peratus kepada US\$239 bilion. Aliran keluar FDI daripada Asia Timur menurun sebanyak sembilan peratus kepada US\$180 bilion, manakala aliran keluar daripada Asia Tenggara meningkat 36 peratus kepada US\$59 bilion. Sumber utama aliran keluar FDI adalah daripada Timur dan Asia Tenggara seperti Hong Kong (US\$81.6 bilion), Republik Rakyat China (US\$65.1 bilion) dan Singapura (US\$25.2 bilion).

Di Asia Tenggara, Singapura merupakan sumber terbesar aliran keluar FDI pada tahun

2011 dengan US\$25.2 bilion, diikuti oleh Malaysia dengan US\$15.2 bilion dan Thailand dengan US\$10.6 bilion.

Masa depan yang lebih baik

Ekonomi dunia dijangka akan pulih secara beransur-ansur dalam tempoh dua tahun akan datang

DALAM WORLD INVESTMENT REPORT 2012, UNCTAD mensasarkan aliran FDI akan terus bertambah baik berikutan cabaran krisis 2008-2009 tetapi akan mengalami kekangan disebabkan oleh keadaan ekonomi makro dan kewangan global. Pada tahun 2012, aliran FDI dijangka akan mencecah di antara US\$1.5 trillion dan US\$1.7 trillion, dengan median pada kira-kira US\$1.6 trillion.

Berikutan kelembapan ketara pada tahun 2011, pertumbuhan ekonomi global dijangka kekal sederhana pada tahun 2012. Kebanyakan rantau, khususnya ekonomi maju, dijangka berkembang pada kadar dibawah potensi dan dengan pertumbuhan lembap. Permintaan import yang lembap daripada ekonomi maju juga mengekang pertumbuhan perdagangan yang dijangka akan terus perlahan. Harga minyak yang meningkat pada tahun 2011 dan dijangka kekal agak tinggi pada tahun 2012 dan 2013, berbanding dengan paras tahun 2010.

Terdapat risiko kemerosotan yang berterusan dalam tinjauan global. Krisis Zon Euro kekal sebagai ancaman terbesar kepada ekonomi dunia, tetapi peningkatan yang berterusan dalam harga tenaga global mungkin juga menyekat pertumbuhan. Cabaran ini perlu dihadapi oleh semua negara, termasuk Malaysia.

Pertumbuhan sederhana dalam ekonomi global adalah dijangka pada tahun 2012 dengan kebanyakan rantau khususnya ekonomi maju berkembang pada kadar yang lembap.

Berdasarkan *Global Investment Trends Monitor* UNCTAD bertarikh 23 Januari 2013, aliran FDI global menurun sebanyak 18 peratus kepada anggaran US\$1.3 trillion, iaitu penurunan daripada jumlah US\$1.6 trillion yang dinilai semula pada tahun 2011. Ini adalah disebabkan oleh ketidaktentuan pelabur yang terus menghalang pemulihan FDI. Ketidaktentuan ini adalah didorong oleh persekitaran makroekonomi yang semakin lemah dengan kadar pertumbuhan yang lebih rendah bagi KDNK, perdagangan, pembentukan modal dan pekerjaan. Faktor-faktor risiko tambahan dalam persekitaran dasar juga menyumbang kepada ketidaktentuan: krisis Zon



Euro, *fiscal cliff* Amerika Syarikat, perubahan kerajaan di beberapa ekonomi utama pada tahun 2012 dan perubahan dasar secara menyeluruh yang mempunyai kesan terhadap FDI.

Pada tahun 2012, aliran FDI ke negara-negara maju jatuh secara drastik ke tahap paling rendah yang pernah dilihat sepuluh tahun lalu. Majoriti negara-negara EU menyaksikan penurunan ketara dalam aliran FDI dengan kejatuhan berjumlah kira-kira US\$150 bilion manakala aliran FDI Amerika Syarikat jatuh sebanyak US\$80 bilion.

Pada tahun 2012, buat pertama kalinya, aliran FDI ke negara membangun melebihi negara-negara maju, dengan anggaran nilai sebanyak US\$130 bilion. Aliran FDI ke ekonomi membangun kekal kukuh pada tahun 2012 dengan mencapai US\$680 bilion iaitu menurun hanya sebanyak tiga

peratus. Aliran ke negara-negara membangun di Asia hilang sedikit momentum, walaupun mereka kekal pada paras yang tinggi.

Pada masa akan datang, UNCTAD menganggarkan bahawa aliran masuk FDI akan meningkat secara sederhana kepada US\$1.4 trilion pada 2013 dan US\$1.6 trilion pada 2014 memandangkan ekonomi global dijangka mengalami pemulihan beransur-ansur dalam masa dua tahun akan datang. Pertumbuhan KDNK, pembentukan modal tetap kasar dan perdagangan dijangka meningkat secara beransur-ansur, di peringkat global dan terutamanya di negara-negara membangun. Peningkatan yang sedikit dalam keadaan makroekonomi akan menggalakkan syarikat transnasional (TNC) untuk membuat pelaburan baharu.



Setahun Secara Ringkas

MIDA dan rakan pelaburan mencipta rekod tahunan pelaburan dan peluang pekerjaan





**Setahun Secara
Ringkas**

**Pelaburan
melebihi sasaran
dengan Malaysia
mencapai tahap
penting dalam
pembangunan
ekonomi**

Program Transformasi Ekonomi (ETP) telah menetapkan sasaran untuk mentransformasikan Malaysia menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi dengan sasaran Pendapatan Negara Kasar (PNK) sebanyak RM1.7 trilion

menjelang tahun 2020. Bagi mencapai sasaran ini, negara perlu menarik jumlah pelaburan sebanyak RM1.4 trilion dalam tempoh 2011-2020, dengan 92 peratus (RM1.3 trilion) disumbang oleh sektor swasta dan baki sebanyak 8 peratus (RM108 bilion) oleh sektor awam. Daripada jumlah sebanyak RM1.3 trilion dari sektor swasta, 73 peratus (RM953 bilion) akan diperolehi daripada pelaburan langsung domestik (DDI), manakala 27 peratus (RM358 bilion) akan disumbangkan oleh pelaburan langsung asing (FDI).

Dalam jangka yang lebih pendek, Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) menyeru supaya pelaburan sektor swasta untuk berkembang pada 10.9 peratus setahun, atau sejumlah RM148 bilion pelaburan swasta setiap tahun.

ETP yang disokong oleh RMKe-10 dan Model Baru Ekonomi (MBE) akan menyediakan platform yang jelas dalam bentuk pelaburan melalui pelbagai Projek Permulaan (EPP) dan peluang perniagaan dalam pelbagai sektor ekonomi. Platform ini akan membolehkan kedua-dua sektor perkilangan dan perkhidmatan untuk memainkan peranan yang lebih besar bagi menjana pertumbuhan dalam tempoh lapan tahun akan datang.

Pada tahun 2012, pelaburan swasta yang direalisasikan (diukur dari segi Pembentukan Modal Tetap Kasar - GFCF) berjumlah RM139.5 bilion, dengan peningkatan sebanyak 24.8 peratus berbanding RM111.8 bilion pada tahun 2011. Hasil daripada prestasi pelaburan mantap Malaysia pada tahun 2012, negara telah mengatasi sasaran pelaburan swasta berjumlah RM127.9 bilion bagi tahun 2012 sebanyak 9.1 peratus.

Jumlah pelaburan diluluskan pada tahun 2012 bernilai RM162.4 bilion iaitu tahap tertinggi yang pernah direkodkan.

Lokasi Malaysia yang kos kompetitif telah menarik projek-projek yang berkualiti dengan paras pelaburan yang ketara. Pada tahun 2012, jumlah pelaburan yang diluluskan dalam ekonomi Malaysia berjumlah RM162.4 bilion. Ini merupakan pelaburan diluluskan dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan sektor utama. Pelaburan telah diluluskan dalam 6,442 projek dan dijangka akan menjana 182,841 peluang pekerjaan.

Jumlah pelaburan yang diluluskan mengatasi sasaran purata pelaburan tahunan RM148 bilion yang ditetapkan di bawah RMKe-10 sebanyak 9.7 peratus. Pencapaian yang ketara ini menunjukkan bahawa Malaysia berada dilandasan yang betul untuk menjadi negara berpendapatan tinggi yang didorong oleh industri berteknologi tinggi, berasaskan pengetahuan dan berintensif modal.

Daripada jumlah pelaburan yang diluluskan, RM127.6 bilion (78%) telah disumbangkan oleh pelaburan domestik dan RM34.8 bilion (22%) oleh FDI. Prestasi pelaburan domestik yang lebih tinggi menunjukkan bahawa pelabur tempatan menyambut baik seruan Kerajaan untuk menambah pelaburan dalam negara, sepetimana yang digariskan di bawah ETP dan RMKe-10.

Satu lagi petunjuk positif boleh dilihat dalam pelaburan yang diluluskan dalam Bidang Utama Ekonomi Negara (NKEA), yang berjumlah RM66.1 bilion atau 40 peratus daripada jumlah pelaburan. Pelaburan ketara juga dapat dilihat dalam projek bukan NKEA yang diluluskan berjumlah RM96.3 bilion.

Sebanyak 5,536 projek telah diluluskan dalam sektor perkhidmatan pada tahun 2012 dengan pelaburan berjumlah RM117.6 bilion. Daripada jumlah pelaburan ini, pelaburan domestik berjumlah RM105.4 bilion dan FDI bernilai RM12.2 bilion. Projek-projek yang diluluskan dalam tempoh ini dijangka akan mewujudkan sebanyak 103,180 peluang pekerjaan. Dalam sektor perkhidmatan, sub-sektor harta tanah terus menjadi penyumbang utama dengan pelaburan diluluskan berjumlah RM58.8 bilion diikuti oleh sub-sektor utiliti (RM12.6 bilion), hotel dan pelancongan (RM8.9 bilion), pengangkutan (RM6.8 bilion) dan sub-sektor telekomunikasi (RM6.6 bilion). Untuk memastikan pertumbuhan sektor perkhidmatan, salah satu daripada langkah-langkah Kerajaan termasuk liberalisasi secara progresif. Langkah ini mempertingkatkan daya saing sektor ini dan seterusnya menyumbang dengan ketara ETP.

Jumlah pelaburan domestik (DDI) yang lebih tinggi iaitu RM127.6 bilion menunjukkan respons positif daripada pelabur tempatan kepada seruan Kerajaan terhadap pelaburan.


Penurunan atau kelembapan dalam aliran masuk pelaburan langsung asing global serta persekitaran global yang semakin kompetitif memberi cabaran kepada Malaysia pada tahun 2012. Walaupun dalam keadaan yang mencabar, Malaysia masih mampu menarik sejumlah besar pelaburan dalam sektor perlindungan. Pada tahun 2012, sebanyak 804 projek perlindungan telah diluluskan, melibatkan pelaburan sejumlah RM41 bilion. Pelaburan langsung asing berjumlah RM20.8 bilion dan menyumbang kepada 50.7 peratus daripada jumlah pelaburan. Baki berjumlah RM20.2 bilion atau 49.3 peratus adalah merupakan pelaburan daripada sumber domestik.

Sektor utama menyumbang sebanyak RM3.8 bilion pelaburan yang diluluskan pada tahun 2012. Pelaburan asing dalam sektor utama berjumlah RM1.8 bilion (47%) manakala pelaburan domestik bernilai RM2 bilion (53%). Subsektor perlombongan mendahului

subsektor lain dengan pelaburan diluluskan mencapai RM2.7 bilion dalam 18 projek. Lain-lain subsektor dalam sektor utama terdiri daripada subsektor perladangan dan komoditi dengan pelaburan berjumlah RM548.7 juta dan juga subsektor pertanian mencatatkan pelaburan bernilai RM507.8 juta.

Untuk memastikan Malaysia mengekalkan kelebihan kos yang berdaya saing dalam menarik pelaburan dalam sektor perkhidmatan, perkilangan dan sektor-sektor utama, Kerajaan menjalankan kajian semula dan menambah baik dasar perniagaan secara berterusan untuk menjadikan Malaysia lebih menarik sebagai lokasi perniagaan.

Graf 4 Jumlah pelaburan diluluskan dalam ekonomi Malaysia, 2012



Rencana 1 Inisiatif pelaburan domestik

Wira Kelahiran Tempatan

Pelaburan daripada sumber domestik memacu agenda pelaburan nasional.

Walaupun aliran masuk FDI adalah penting bagi pembangunan ekonomi yang berterusan, peranan pelaburan domestik tidak boleh dipandang rendah. Model Baru Ekonomi (MBE), Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10), 2011-2015 telah mengenal pasti kepentingan pelaburan domestik memainkan peranan utama dalam pertumbuhan ekonomi. ETP telah mensasarkan pelaburan domestik untuk mencapai 73 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan.

Daya saing berterusan Malaysia adalah bergantung kepada pengukuhan sektor perkilangan dan perkhidmatan serta mempercepatkan peralihan kepada industri bernilai ditambah tinggi dan berdasarkan inovasi. Transformasi ini tidak akan berjaya tanpa penyertaan kukuh pelaburan domestik dalam bidang pertumbuhan baharu, bersama-sama dengan aliran masuk generasi baharu pelaburan asing. Bagi membantu Malaysia melakukan lonjakan yang diperlukan dalam pelaburan nasional untuk memacu transformasi ekonomi, beberapa strategi baharu telah dikenalpasti:

1. Mewujudkan konglomerat Malaysia dengan mengenal pasti syarikat-syarikat berpotensi bagi menyediakan sokongan yang diperlukan
2. Memanfaatkan peluang-peluang penyumberan luar yang diwujudkan oleh syarikat-syarikat MNC yang beroperasi di Malaysia
3. Menambahbaik skim insentif semasa untuk membantu meningkatkan syarikat-syarikat hakmilik rakyat Malaysia
4. Mempergiat perolehan teknologi oleh syarikat-syarikat hakmilik rakyat Malaysia
5. Menyediakan sokongan kepada syarikat-syarikat hakmilik rakyat Malaysia dalam mematuhi piawaian / pensijilan antarabangsa dalam industri yang disasarkan seperti aeroangkasa, peranti perubatan dan solar
6. Menggalakkan pembekal-pembekal perkhidmatan kecil Malaysia untuk bergabung menjadi entiti yang lebih besar

Dalam menggalakkan lagi pembangunan pelaburan domestik, Kerajaan telah mengumumkan beberapa langkah pada tahun 2012, selaras dengan strategi yang dinyatakan di atas.

Langkah-langkah ini akan terus merangsang pelaburan domestik dan membantu Malaysia dalam mencapai transformasi landskap pelaburan domestik.

Dana Strategik Pelaburan Domestik

Dana Strategik Pelaburan Domestik berjumlah RM1 bilion, yang diuruskan oleh MIDA, telah ditubuhkan bagi memanfaatkan dan meningkatkan peluang-peluang penyumberan luar yang diwujudkan oleh syarikat-syarikat MNC yang beroperasi di Malaysia, mempertingkatkan perolehan teknologi oleh syarikat-syarikat hakmilik rakyat Malaysia dan membolehkan syarikat-syarikat hakmilik rakyat Malaysia memperolehi piawaian / persijilan antarabangsa dalam industri-industri strategik. Ini akan mempercepatkan peralihan ke arah inovasi berasaskan industri bernilai ditambah tinggi.

Insentif untuk Memperolehi Syarikat Asing bagi mendapatkan Teknologi Tinggi

Insentif ini telah diperkenalkan semula bagi membolehkan syarikat hakmilik rakyat Malaysia untuk memperolehi teknologi maju terkini melalui pendekatan lonjakan ke atas nilai rantaian atau untuk mempelbagaikan aktiviti dalam bidang baharu. Di bawah inisiatif ini, sesebuah syarikat hakmilik tempatan dalam sektor pengilangan atau perkhidmatan yang memperolehi syarikat hakmilik asing di luar negara adalah layak mendapatkan insentif dalam bentuk potongan tahunan sebanyak 20 peratus daripada kos pengambilalihan selama lima tahun.

Syarikat Wujud Layak Memohon Insentif

Syarikat perkilangan atau perkhidmatan hakmilik rakyat Malaysia yang sedang beroperasi selama setahun atau kurang dan mengeluarkan produk-produk / menjalankan aktiviti-aktiviti yang digalakkan di bawah

Akta Pengalakkan Pelaburan, 1986 kini layak untuk memohon insentif cukai. Fleksibiliti ini bertujuan untuk memberi kemudahan kepada pelaburan-pelaburan baharu oleh syarikat hakmilik rakyat Malaysia.

Insentif untuk Syarikat-Syarikat Kecil

Insentif cukai telah dipertingkatkan bagi syarikat berskala kecil hakmilik rakyat Malaysia yang layak untuk memohon insentif cukai di bawah Akta Penggalakan Pelaburan, 1986. Paras kelayakan dana pemegang saham telah ditingkatkan daripada RM500,000 hingga kurang daripada RM2.5 juta.

Insentif untuk Pembekal-Pembekal Perkhidmatan Kecil Malaysia untuk Bergabung Menjadi Entiti yang lebih besar

Insentif khas telah diperkenalkan untuk penggabungan pembekal-pembekal perkhidmatan kecil, termasuk kadar cukai rata sebanyak 20 peratus ke atas semua pendapatan bercukai bagi tempoh lima tahun (berkuatkuasa dari tarikh penggabungan) dan pengecualian duti setem ke atas dokumen penggabungan. Insentif ini bertujuan untuk membina daya saing entiti-entiti kecil. Sektor-sektor yang layak untuk insentif ini termasuk perkhidmatan profesional (perkhidmatan perakaunan dan percuaian, perubatan khusus dan amalan pergigian, perkhidmatan seni bina dan perkhidmatan kejuruteraan), perkhidmatan kurier, perkhidmatan pendidikan menengah teknikal dan vokasional (keperluan generik dan khas) dan perkhidmatan latihan kemahiran.

Rakan dalam menarik pelaburan

Koridor-koridor ekonomi wilayah dan agensi-agensi menggembling usaha untuk meningkatkan tarikan pelaburan di Malaysia

SEBAGAI SALAH SATU AGENSI UTAMA yang ditugaskan untuk mengubah ekonomi di bawah Model Baru Ekonomi (MBE) dan Pelan Transformasi Ekonomi (ETP), MIDA telah melaksanakan pendekatan baharu strategi perniagaan ke atas operasinya. Sebagai agensi pelaksana bagi agenda pelaburan negara, MIDA melihat kepada penjanaan pelaburan berkualiti dalam teknologi baharu dan teknologi baharu muncul yang diperlukan untuk menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi. MIDA juga sedang sedang berusaha untuk menjenamakan semula imej Malaysia sebagai sebuah pusat bagi aktiviti teknologi tinggi dan global.

Dalam konteks ini, MIDA telah menggariskan strategi-strategi pelaburan baharu termasuk memanfaatkan pendekatan ekosistem dalam menggalakkan pelaburan dan membangunkan industri-industri yang disasarkan, memenuhi keperluan sumber-sumber manusia bagi para pelabur dan mentransformasikan landskap pelaburan domestik. Bagi memenuhi agenda pelaburan nasional, MIDA telah ditugaskan dengan meningkatkan koordinasi dan kapaduan antara pelbagai agensi di negara ini berkaitan dengan penggalakan pelaburan. Sebagai agensi pusat pelaburan negara, MIDA terus terlibat dan bekerjasama dengan koridor-koridor wilayah dan agensi-agensi berkaitan serta juga sektor swasta untuk membangunkan sumber-sumber baru dan mengekalkan daya saing negara yang mampan.

ECER mencipta peluang baharu



**EAST
COAST
ECONOMIC
REGION**

MALAYSIA

WILAYAH EKONOMI PANTAI

Timur (ECER) telah menyumbang RM12 bilion dalam pelaburan komited pada tahun 2012 iaitu melebihi 20 peratus daripada sasaran berjumlah RM10 bilion. Kira-kira 75 peratus daripada pelaburan ini datang daripada sumber domestik manakala selebihnya dari pelabur asing.

Sejak pelaksanaan Pelan Induk ECER pada tahun 2007, wilayah ini telah menarik jumlah pelaburan sebanyak RM37 bilion dan mewujudkan 30,000 pekerjaan. ECER telah menghasilkan pelaburan kumulatif berjumlah RM18.7 bilion di Terengganu yang mewujudkan 10,600 pekerjaan, manakala Pahang telah menarik RM11.1 bilion dan mewujudkan 14,590 pekerjaan. Kelantan telah menarik aliran masuk pelaburan berjumlah RM5.6 bilion di mana 4,600 pekerjaan telah diwujudkan, manakala daerah Mersing menerima pelaburan berjumlah RM1.6 bilion dengan 210 pekerjaan diwujudkan.


Antara sorotan tahun 2012 adalah projek oleh CJ CheilJedang Corporation (CJ) dari Korea Selatan dan Arkema dari Perancis yang melabur RM2 bilion untuk membangunkan loji bersepadu pertama di dunia bagi mengeluarkan

bio-methionine dan *thiochemicals* di Taman Biopolimer Kertih (KBP). Di Kawasan Perindustrian Gebeng, Pahang, *Kaneka Group* dari Jepun baru-baru ini telah melabur sebanyak RM287.3 juta bagi sebuah kilang *polyimide film* melalui anak syarikatnya iaitu *Kaneka Apikal (M) Sdn. Bhd.*. Satu lagi pelabur, *Tioxide (M) Sdn. Bhd.* iaitu sebuah anak syarikat *Huntsman Tioxide Limited* telah melabur RM275 juta untuk menaik taraf kemudahan pengeluaran di kilang *titanium dioksida pigment* di Kawasan Perindustrian Berat Kemaman.

Satu lagi perkembangan penting dalam ECER bagi tahun ini adalah penubuhan Taman Perindustrian Kuantan Malaysia-China (MCKIP) iaitu satu projek dua hala yang dijangka akan mengukuhkan perdagangan dua hala dan hubungan ekonomi antara kedua-dua negara. MCKIP adalah projek dua hala pertama yang bertaraf nasional dan disasarkan akan menarik pelaburan domestik dan asing bernilai RM7.5 bilion serta mewujudkan 5,500 pekerjaan menjelang 2020.

Dalam menarik pelabur-pelabur berpotensi ke ECER, Kerajaan Persekutuan telah melabur sejumlah RM3 bilion dalam pembangunan infrastruktur di wilayah ini dalam tempoh tiga tahun yang lalu bagi menyokong pelaburan sektor swasta. Pelabuhan Kuantan sedang dinaiktaraf kepada keupayaan pelabuhan laut dalam yang mampu mengendalikan kapal sehingga 200,000 DWT menjelang 2015. Kerajaan juga telah melabur dalam program-program

Graf 5 Jumlah pelaburan komited dalam ECER, 2012 (RM bilion)



Sejak 2007, ECER telah menarik pelaburan berjumlah RM37 bilion dan menjana 30,000 peluang pekerjaan.



pembangunan modal insan seperti memperkasa dalam meningkatkan pencapaian akademik dan kebolehpasaran pekerjaan penduduk tempatan ECER. Projek-projek agropolitan juga sedang dilaksanakan di seluruh wilayah ini untuk membasmi kemiskinan luar bandar.

NCER memasuki fasa baharu pembangunan

SEMENTARA ITU,
tahun 2012
menandakan
berakhirnya Fasa I



Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) dan menyaksikan rekod nilai pelaburan berjumlah RM12.3 bilion dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan sektor utama. Ini merupakan peningkatan sebanyak 24 peratus daripada tahun sebelumnya. NCER telah menarik sejumlah RM29.7 bilion dalam pelaburan sejak penubuhannya pada tahun 2008 dan mewujudkan sejumlah 42,602 pekerjaan baharu dan peluang perniagaan semasa Fasa I.

Selain daripada mewujudkan perkongsian strategik dengan pelbagai agensi, pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) telah membantu dalam penubuhan akreditasi LED dan pusat ujian tempatan pertama di Malaysia di Pusat Bioteknologi Koridor Utara untuk menggalakkan pembangunan agropreneur. Agensi itu juga telah mengembangkan ekosistem akuakultur dan menerajui program pembangunan modal



insan di wilayah ini. Penyertaan sektor swasta di kawasan luar bandar meningkat dengan ketara pada tahun 2012, dengan jumlah pelaburan RM736.1 juta yang dilaburkan dalam tempoh tersebut berbanding dengan RM255.6 juta pada tahun sebelumnya. Kebanyakan pelaburan ini adalah dalam sektor pertanian.



NCIA juga menyertai kerjasama tiga pihak antara ahli sektor swasta, ahli akademik dan Kerajaan untuk menuju CREST (*Collaborative Research in Engineering, Science and Technology*). Untuk meningkatkan R&D

NCER mencatat rekod pelaburan sebanyak RM12.3 bilion bagi tahun 2012.

dalam industri E&E, sejumlah geran bernilai RM14.2 juta telah diluluskan bagi projek R&D pada tahun 2012. Daripada jumlah tersebut, RM5.6 juta telah dibiayai oleh CREST manakala pengiat industri yang mengambil bahagian dalam projek-projek R&D menyumbang baki sebanyak RM8.6 juta.

CREST dan ahli-ahli pengasasnya adalah antara penyumbang utama dalam membangunkan *Talent Roadmap* untuk E&E bagi tempoh tiga tahun. *Roadmap* tersebut merupakan pelan sektor menyeluruh untuk menarik, memupuk kesediaan bakat bagi industri dan kumpulan bakat berkepakaran dalam sektor E&E. Selain itu, CREST mewujudkan kesedaran tentang peluang-peluang kerjaya dalam E&E di pameran-pameran kerjaya, universiti tempatan dan program temuseru yang diadakan di UK, Australia, Amerika Syarikat dan Taiwan. CREST juga menyokong Pembangunan Bakat melalui program *FasTrack* dan pembangunan *Talent Repository* untuk pemetaan kecekapan dan pemadanan pelajar dengan jawatan yang ada dalam industri.

CREST juga mendorong inovasi dan pengkomersilan dalam industri melalui

simposium untuk menggalakkan kerjasama antara syarikat-syarikat tempatan, institusi akademik dan rakan kongsi teknologi global.

Iskandar Malaysia menjadi semakin kukuh

ISKANDAR MALAYSIA


yang dipandu oleh Lembaga Pembangunan Wilayah Iskandar (IRDA), telah mencatatkan jumlah kumulatif pelaburan komited sebanyak RM105.1 bilion dalam pelbagai sektor setakat November 2012 dengan 42 peratus daripada pelaburan ini telah direalisasikan. Daripada jumlah kumulatif pelaburan komited, 64 peratus (RM67.7 bilion) merupakan pelaburan domestik manakala 36 peratus (RM37.4 bilion) adalah daripada pelabur asing.



Sub-sektor kreatif, penjagaan kesihatan, perkhidmatan kewangan dan logistik telah ditetapkan menjadi daya tarikan untuk pelaburan baharu antara tahun 2013 hingga 2015. Iskandar Malaysia juga bermatlamat untuk meningkatkan minat pelancong dalam tempoh ini dengan penambahan produk pelancongan yang berterusan antaranya LEGOLAND Malaysia, Johor Premium Outlets dan Puteri Harbour di Iskandar Malaysia.

Setakat ini, Kerajaan telah membelanjakan RM7.3 bilion di Iskandar Malaysia dalam tempoh RMke-9 dan RMke-10 untuk menarik pelaburan dan meningkatkan taraf hidup. Sejak inisiatif pertama kali diumumkan, nisbah

Graf 6 Jumlah kumulatif pelaburan komited dalam Iskandar Malaysia, setakat November 2012 (RM bilion)



pelaburan sektor swasta berbanding pelaburan sektor awam telah meningkat dari nisbah 1:1 pada tahun 2006 kepada 13:1 pada tahun 2012. Pertumbuhan pelaburan di Iskandar Malaysia juga menjana peningkatan dalam aktiviti ekonomi disamping peningkatan permintaan terhadap pekerja dari Johor. Dianggarkan 154,000 peluang pekerjaan baharu telah diwujudkan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan sepanjang tahun 2006 hingga 2012.

Hasil yang ketara pada tahun 2012 yang dapat merangsang minat pelabur termasuk projek lebuhraya yang baharu dan penambahbaikan pengangkutan bas, Program Transformasi Johor Bahru yang berterusan, latihan dan penempatan

lebih 1,200 pekerja projek pemangkin, pembangunan berterusan bagi menarik minat pelancong dan usaha berterusan bagi inisiatif pembangunan sosial dan komuniti.

Perkembangan bertenaga di SCORE

PERANAN KORIDOR

Tenaga Diperasiharui Sarawak (SCORE) dalam memacu pertumbuhan ekonomi negeri disokong oleh kelebihan dalam sumber tenaga.





Perniagaan wafer adalah bergantung kepada bekalan *polycrystalline silicon* yang stabil.

Sumber tenaga yang banyak ini terdiri daripada potensi 20,000 MW tenaga hidro, 1.46 bilion tan arang batu dan 40.9 trillion kaki padu persegi gas asli.

SCORE dijangka mencetuskan kesan limpahan yang meluas untuk kedua-dua industri hiliran dan huluan serta menyediakan banyak peluang perniagaan dan peluang pekerjaan berpendapatan tinggi kepada penduduk tempatan. Kawasan Perindustrian Samalaju (SIP) mempunyai kawasan seluas lebih 8,000 hektar sedang giat dibangunkan sebagai salah satu daripada nadi pertumbuhan SCORE.

Kelebihan utama SIP dalam menarik pelaburan berdaya saing adalah harga tenaga kompetitif yang dibekalkan oleh Empangan Hidroelektrik Bakun (HEP) dan sumber-sumber tenaga lain, bekalan air yang banyak, jumlah tanah yang meluas, insentif fiskal dan bukan fiskal dan sokongan infrastruktur.

Sehingga kini, 11 syarikat dengan jumlah pelaburan sebanyak RM21.2 bilion telah diluluskan di SIP. Pelabur asing pertama iaitu Tokuyama Malaysia Sdn Bhd, akan mula mengeluarkan *polycrystalline silicon* di SIP pada bulan Jun 2013. Fasa pertama ini akan mewujudkan 500 peluang pekerjaan, manakala 500 lagi peluang pekerjaan akan diwujudkan dalam Fasa 2 pada suku kedua tahun 2014. Press Metal Berhad iaitu syarikat tempatan pertama yang melabur di SCORE, mempunyai satu loji peleburan aluminium di Mukah dan loji kedua yang beroperasi di SIP. Tiga lagi syarikat iaitu Pertama Ferroalloys Sdn. Bhd., OM Materials (Sarawak) Sdn. Bhd. dan Asia

Advanced Materials Sdn. Bhd. kini menjalankan kerja-kerja persediaan tapak mereka.

SDC bersedia untuk pentas global



LEMBAGA PEMBANGUNAN EKONOMI DAN PELABURAN SABAH (SEDIA)

Pelaburan Sabah (SEDIA) adalah pihak berkuasa sehenti yang memacu Koridor Pembangunan Sabah (SDC) untuk menarik pelaburan dalam bidang tumpuan utama. Pada tahun 2012, SDC terus meraih nama sebagai destinasi pelaburan yang menarik.

Sejak pelancaran SDC pada bulan Januari tahun 2008 sehingga akhir tahun 2012, nilai pelaburan berjumlah RM114 bilion telah dirancang dan dijanjikan untuk Sabah. Kira-kira RM1.1 bilion telah disalurkan kepada SEDIA daripada RM1.4 bilion yang diperuntukkan di bawah RMke-9 dan RMke-10 untuk membantu memacu objektif SDC. Kementerian Kewangan juga telah meluluskan satu pakej insentif cukai untuk membantu SEDIA menarik pelabur global ke Sabah.

Projek utama dalam SDC termasuk Pusat Ternakan Bersepadu Kenginau seluas 834 hektar, Terminal Minyak dan Gas Sabah dan Loji Kuasa Kimanis. Sebuah loji kuasa haba bumi di Tawau menyumbang RM500 juta pelaburan pada tahun 2012, manakala Kluster Perindustrian Minyak Sawit di Lahad

Datu menarik dua syarikat industri biomas. Secara keseluruhan, sektor minyak sawit Sabah dijangka akan menjana RM22.4 bilion dalam nilai pelaburan menjelang tahun 2020. Sementara itu, Taman Akuakultur Udang Galah Bersepadu di Semporna melibatkan pelaburan sebanyak RM2 bilion dan dijangka akan menjana RM3 bilion dalam jualan tahunan menjelang tahun 2030.



Taman Akuakultur Udang Galah Bersepadu di Semporna dijangka akan menjana jualan tahunan bernalai RM3 bilion menjelang tahun 2030.

Agensi untuk perubahan

Institusi kerajaan memfokus kepada bidang pertumbuhan utama negara

Perbadanan Pembangunan Multimedia



Pada tahun 2012, kelembapan ekonomi di Zon Euro dan pertumbuhan perlahan di Amerika Syarikat memberi cabaran bagi industri ICT Malaysia memandangkan 22 peratus daripada eksport ICT negara adalah disasarkan kepada pasaran ini. Walau bagaimanapun, kesan ke atas eksport Malaysia telah diimbangi oleh perkembangan hubungan perdagangan Malaysia dengan Asia dan pasaran baharu muncul lain. Indonesia, Viet Nam, China dan negara-negara

ASEAN lain menyumbang hampir 58 peratus daripada jumlah eksport ICT Negara.

Faktor-faktor ini akan memacu transformasi ekosistem ICT seperti yang dinyatakan dalam program Digital Malaysia yang dikendalikan oleh Perbadanan Pembangunan Multimedia. Melalui program ini, MDeC membolehkan penggunaan ICT yang lebih meluas dan memupuk ekosistem yang lebih kondusif untuk inovasi milik tempatan. MDeC juga memberi tumpuan kepada trend utama ICT seperti pengkomputeran mudah alih, *cloud computing* dan model *stacking* bagi syarikat ICT.

Digital Malaysia yang ditubuhkan berdasarkan kepada tiga teras strategik (sila lihat Graf 7) bertujuan untuk memacu negara ke arah



Pusat data mega akan lebih menonjol di Malaysia pada masa hadapan selaras dengan cloud computing menjadi lebih popular

ekonomi digital maju menjelang 2020. Ini akan tercapai dengan pengwujudan satu ekosistem yang menggalakkan penggunaan ICT secara meluas dalam semua aspek ekonomi.

Digital Malaysia bertujuan meningkatkan sumbangan ICT Malaysia kepada PNK negara dari 9.8 peratus kepada 17 peratus atau RM294 bilion menjelang tahun 2020 yang akan mewujudkan 160,000 peluang pekerjaan bernilai tinggi. Lapan projek pertama Digital Malaysia telah dilaksanakan pada bulan Julai tahun 2012 dengan baki 17 projek akan diumumkan secara berperingkat mulai tahun 2013.

MSC juga terus berkembang. Dengan penambahan Jaya 33 Malaysia kini mempunyai 25 Bandar Siber dan Pusat Siber MSC Malaysia dalam memupuk perkembangan ekosistem ICT milik tempatan dan menarik pelaburan berkualiti dalam sektor ini.

Di samping itu, EPP dalam sektor ICT telah mencapai beberapa kejayaan memberangsangkan pada tahun 2012 yang merangkumi penambahan 2,210 peluang pekerjaan baharu dan dalam suku pertama tahun 2012 sahaja, lebih daripada RM318 juta hasil eksport telah dicatatkan. Di bawah EPP2 (Pembangunan Penyumber Berdaya Saing Global), IBM akan melabur RM1 bilion dalam tempoh enam tahun akan datang untuk membina *IT Global Delivery Centre* baharu di Cyberjaya yang akan mewujudkan sehingga 3,000 pekerjaan berkemahiran tinggi baharu. Pada tahun 2012, Frost & Sullivan juga telah membuat komitmen untuk melabur RM595.2 juta dalam kemudahan global di Wilayah Iskandar yang akan mewujudkan 830 pekerjaan bernilai tinggi. EPP3 (meletakkan Malaysia sebagai Hab Pusat Data Bertaraf Dunia) telah berjaya untuk terus memangkinkan pertumbuhan perniagaan pusat data yang membawa masuk lebih RM320 juta pada tahun

Graf 7 Teras Strategik Digital Malaysia



2011. EPP3 ini berkemampuan untuk mencapai sasaran hasil RM400 juta yang telah ditetapkan pada tahun 2012.

Perbadanan Pembangunan Industri Halal

Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC) menyelaras pembangunan keseluruhan industri halal negara dengan matlamat untuk menjadikan Malaysia sebagai Hab Halal Global dan menjadikan halal sebagai pilihan piawaian. Sehingga kini, 22 Taman Halal telah dibangunkan di seluruh negara, dan status



Halal Industry
Development Corporation

HALMAS telah dianugerahkan kepada 12 Taman Halal. Dalam tempoh 2009 - 2012, Taman Halal HALMAS telah menarik pelaburan bernilai RM 7.2 bilion dari negara-negara seperti Amerika Syarikat, Australia dan Jepun. Sebanyak 101 projek sedang beroperasi yang menyediakan peluang pekerjaan 4,967 orang.

Pada tahun 2012, 6 Taman Halal HALMAS telah menarik pelaburan bernilai RM1 bilion. Antara 16 projek yang diluluskan merupakan syarikat multinasional dan PKS yang mengeluarkan makanan halal yang diproses, bahan-bahan halal dan farmaseutikal halal. Pelaburan terbesar melibatkan YPJ Palm International Sdn. Bhd. (RM150 juta), Inno-

Wangsa Minyak & Lemak Sdn. Bhd. (RM150 juta), Evyap Sabun Malaysia Sdn. Bhd. (RM350 juta) dan Musim Mastika Minyak & Lemak (M) Sdn. Bhd. (RM250 juta).

InvestKL

InvestKL menyediakan perkhidmatan sokongan yang menyeluruh untuk menarik syarikat multinasional (MNC) untuk NKEA Greater Kuala Lumpur/Lembah Klang (GKL/KV). Pada tahun 2012, InvestKL telah berjaya menarik pelaburan komited bernilai RM1.1 bilion daripada 11 MNC. Pelaburan ini akan mewujudkan lebih 12,000 pekerjaan baharu dan dijangka akan menjana PNK berjumlah RM1.6 bilion.



Daripada 11 MNC tersebut, empat akan menubuhkan Operasi Ibu Pejabat/Menara Kawalan Wilayah di GKL/KL, satu akan menggunakan GKL/KV bagi perdagangan global untuk komoditi pertanian, lima akan menubuhkan pusat kecemerlangan dan satu akan menubuhkan perniagaan runcit di rantau ini. Antara syarikat terkenal yang terlibat adalah *Darden Restaurant Inc.* yang merupakan syarikat restoran perkhidmatan penuh bertaraf dunia dan syarikat ServiceSource iaitu sebuah syarikat peneraju global dalam pengurusan hasil berulang (*recurring revenue*).

TalentCorp

Untuk memacu inisiatif ke arah meningkatkan bekalan bakat untuk ETP, TalentCorp menumpukan usahanya dalam tiga teras strategik:

TalentCorp
MALAYSIA

Mengoptimumkan Bakat Rakyat Malaysia, Menarik dan Memudahkan Bakat Global dan Membina Rangkaian Bakat Terbaik.

Sehingga kini, TalentCorp telah menganjurkan program temuseru *Attract and Facilitate Global Talent* di 20 buah negara yang disokong oleh *Virtual Career Fairs* (VCFs). TalentCorp juga mengendalikan *Returning Expert Programme* (REP) yang telah meluluskan lebih daripada 1,600 permohonan mulai Januari tahun 2011 sehingga 31 Disember 2012. Bagi membolehkan bakat asing terpilih menyumbang dalam tempoh jangka panjang di Malaysia, TalentCorp bersama-sama dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (MoHA) dan Jabatan Imigresen menyelia Pas Residen-Bakat (RP-T). Lebih 1,000 permohonan RP-T telah diluluskan sejak pengenalan inisiatif ini mulai April tahun 2011 sehingga 31 Disember 2012.

Teras strategik bagi *Build Networks of Top Talent* memberi tumpuan dalam menemukan bakat terbaik Malaysia di luar negara dengan syarikat-syarikat di Malaysia yang terpilih untuk pertukaran pengetahuan, idea-idea dan penerokaan peluang perkongsian. Ini dilakukan melalui duta bakat serta juga bengkel.

BiotechCorp

BiotechCorp adalah agensi pembangunan utama bagi industri bioteknologi di Malaysia dan bertindak sebagai pusat hubungan sehenti yang menyediakan sokongan,



Graf 8 Tiga teras strategik TalentCorp



kemudahan dan perkhidmatan khidmat nasihat bagi syarikat biotek dan sains hayat di negara ini. Salah satu daripada inisiatif yang didorong oleh BiotechCorp adalah komitmen untuk memajukan sektor bio-kimia dan mendapatkan pelaburan yang disasarkan bernilai RM4 bilion dalam sektor perindustrian bioteknologi menjelang 2013 untuk memacu Fasa Pengkomersilan Dasar Bioteknologi Nasional (NBP).

Sejak penubuhannya pada tahun 2005, BiotechCorp telah membantu dalam pembangunan 215 syarikat berstatus BioNexus di Malaysia dengan jumlah pelaburan yang diluluskan bernilai RM2.6 bilion. Syarikat berstatus BioNexus layak untuk insentif fiskal, geran dan jaminan yang dikendalikan oleh BiotechCorp.

BiotechCorp dan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) telah giat berkerjasama untuk menarik beberapa pelabur global dalam industri bioteknologi khususnya daripada Amerika Syarikat, Eropah, Korea dan Jepun untuk menubuhkan fasiliti pengilangan berasaskan biokimia di Taman Biopolimer Kerteh. BiotechCorp dan ECERDC telah berjaya mendapatkan pelaburan berjumlah RM2 bilion daripada usahasama antara CJ CheilJedang dari Korea dan Arkema dari Perancis untuk membangunkan fasiliti *bio-methionine* pertama dunia di Taman Biopolimer Kerteh. Loji *biorefinery* dijadualkan akan beroperasi sepenuhnya menjelang 2014 dan akan menggunakan tenaga boleh diperbaharui dari biomas. Jumlah projek dijangka akan menjana PNK kumulatif bernilai RM20.4 bilion menjelang tahun 2020 dan menghasilkan 2,500 *green jobs* untuk Malaysia.



Peluang Baharu untuk Pertumbuhan

*Mewujudkan nilai baharu dalam sektor
perkilangan dan sektor utama.*






**Peluang Baharu
untuk
Pertumbuhan**

**Industri-industri
perkilangan sedang
menuju ke arah baharu
dengan munculnya
peluang-peluang baharu.
Pelabur global dan
tempatan mendapati
Malaysia sebagai lokasi
ideal bagi aktiviti-aktiviti
bernilai ditambah tinggi.**

Sektor perkilangan negara sedang melalui fasa transformasi dan penstrukturian semula. Kini aktiviti pemasangan bernilai ditambah rendah menjadi semakin kurang penting. Dalam konteks ini, pihak industri dijangka akan mengurangkan

Graf 9 Sumber pelaburan dalam projek diluluskan, 2012 dan 2011



pelaburan mereka dalam sektor bernilai rendah dan meningkatkan aktiviti mereka ke dalam sektor-sektor bernilai ditambah tinggi yang akan membuka peluang-peluang baharu untuk pertumbuhan. Pembentukan ekosistem perniagaan baharu ini akan menyokong pasaran bagi pekerjaan berkemahiran tinggi dan seterusnya merangsang pembangunan ekonomi yang berpendapatan tinggi.


Trend pelaburan yang diluluskan pada tahun 2012 membuktikan bahawa Malaysia adalah destinasi pelaburan yang menarik. Walaupun terdapat persaingan sengit dalam menarik pelaburan, kebanyakan subsektor mencatatkan peningkatan dalam pelaburan kecuali bagi produk E & E, produk logam asas dan produk galian bukan logam.

Trend pelaburan pada tahun 2012 juga telah dipengaruhi oleh ketidaktentuan ekonomi global yang diburukkan lagi oleh krisis hutang di Eropah

serta kebantutan ekonomi Amerika Syarikat. Malaysia telah menarik sejumlah 804 projek perkilangan bernilai RM41 bilion dalam pelaburan diluluskan pada tahun 2012 berbanding dengan RM56.1 bilion bagi 846 projek perkilangan pada tahun 2011. Hampir 50 peratus daripada jumlah ini (RM20.2 bilion) merupakan pelaburan domestik dengan selebihnya adalah pelaburan langsung asing yang berkualiti tinggi (RM20.8 bilion).

Ketahanan dalam menghadapi ketidaktentuan

SEKTOR PERKILANGAN MALAYSIA SECARA
keseluruhannya kekal berdaya tahan disebabkan atas pelbagai industri yang kukuh. Negara menarik pelaburan baharu ketara berjumlah RM26.8 bilion (473 projek) atau 65.4 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan.




Syarikat-syarikat wujud di Malaysia terus berkembang dan mempelbagaikan operasi mereka yang mencerminkan keyakinan berterusan mereka terhadap persekitaran pelaburan dalam negara. Sebanyak 331 projek pembesaran / pelbagaiannya dengan pelaburan berjumlah RM14.2 bilion telah diluluskan pada tahun 2012.

Nisbah CIPE bagi projek perkilangan telah meningkat dengan konsisten sejak mula direkodkan pada tahun 1990.

Projek-projek berintensifkan modal

MALAYSIA KINI MENGAMALKAN
pendekatan yang lebih fokus dan dengan sasaran bagi menarik pelaburan berkualiti dalam bidang pertumbuhan baharu dalam teknologi baharu muncul, industri bernilai ditambah tinggi, berteknologi tinggi, berintensifkan modal dan berintensifkan pengetahuan.

Graf 11 Pelaburan dalam projek baharu mengikut industri, 2012 dan 2011



Berdasarkan nisbah ukuran pelaburan modal bagi setiap pekerja (CIPE) dalam projek diluluskan, intensiti modal pada tahun 2012 adalah RM535,715. Nisbah CIPE bagi projek perkilangan telah meningkat secara konsisten sejak ia mula dicatatkan pada tahun 1990 yang mencerminkan trend umum ke arah projek yang lebih berintensifkan modal, bernilai ditambah tinggi dan berteknologi tinggi. Pada tahun 2012, industri yang mencapai nisbah CIPE tertinggi adalah produk petroleum termasuk petrokimia (RM4,738,958) diikuti oleh kimia dan produk kimia (RM2,349,438) dan peralatan saintifik dan pengukuran (RM1,134,442).

Pada tahun 2012, sebanyak tujuh projek dengan pelaburan sekurang-kurangnya RM1 bilion atau lebih telah diluluskan dengan jumlah pelaburan sebanyak RM13.9 bilion. Sebagai perbandingan, terdapat 11 projek yang mencatatkan pelaburan sekurang-kurangnya RM1 bilion atau lebih pada tahun 2011 dengan jumlah pelaburan bernilai RM22.2 bilion. Terdapat juga 73 projek diluluskan yang mencatatkan pelaburan sekurang-kurangnya

Jadual 1 Lapan industri utama mengikut pelaburan

INDUSTRI	NILAI PROJEK (RM bil)
Kelengkapan Pengangkutan	RM7.8 billion
Kimia dan Produk Kimia	RM6.4 billion
Produk Petroleum dan temasuk Petrokimia	RM6 billion
Produk E&E	RM4 billion
Produk Logam Asas	RM3.8 billion
Pemprosesan Makanan	RM3.4 billion
Jentera dan Kelengkapan	RM1.9 billion
Produk Getah	RM1.4 billion

RM100 juta atau lebih yang membawa kepada jumlah gabungan sebanyak RM29.2 bilion atau 71 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan.

Kesemua projek ini akan mempunyai kesan pengganda yang besar terhadap sektor perkilangan dan ekonomi termasuk kesan rantaian ke hadapan dan belakang, pembangunan industri sokongan, pemindahan teknologi baharu dan R&D, penjanaan peluang pekerjaan berpendapatan tinggi, penyumberan tempatan, pembangunan kemahiran dan penjanaan pendapatan pertukaran matawang asing.

Lapan industri teratas dari segi pelaburan menyumbang kepada RM34.8 bilion atau 85 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan. Kesemua industri ini mencatatkan tahap pelaburan yang lebih tinggi pada tahun 2012 berbanding dengan tahun 2011 kecuali E&E, produk logam asas dan pengilangan makanan. Lapan industri teratas dari segi pelaburan adalah seperti yang disenaraikan dalam Jadual 1.

Projek berorientasikan eksport.


Malaysia mempunyai persekitaran pelaburan kondusif yang disumbangkan oleh pelbagai faktor termasuk wujudnya infrastruktur yang terbaik, perkhidmatan telekomunikasi, perkhidmatan kewangan dan perbankan,

industri sokongan serta tenaga kerja yang mahir dan terlatih. Pada tahun 2012, sebanyak 239 projek telah diluluskan yang melibatkan pelaburan berjumlah RM15.2 bilion dengan cadangan eksport sekurang-kurangnya 80 peratus daripada pengeluaran mereka. Industri utama dengan projek-projek yang berorientasikan eksport disenaraikan dalam Jadual 2.

Jadual 2 Industri utama dengan projek berorientasikan eksport

INDUSTRI	NILAI PROJEK (RM bil)	BILANGAN PROJEK
Produk Petroleum termasuk Petrokimia	5	6
Kelengkapan Pengangkutan	2.1	13
Produk E&E	1.6	52
Kimia dan Produk Kimia	1.2	11
Produk Getah	1.1	8

Graf 12 Pelaburan dalam projek pembesaran/pelbagai mengikut industri, 2012 dan 2011



Tenaga kerja yang berubah

Pekerjaan lebih baik menghasilkan kehidupan yang lebih baik untuk semua.

PROJEK YANG DILULUSKAN PADA tahun 2012 dijangka akan mewujudkan peluang pekerjaan kepada 76,631 orang di mana 23 peratus (17,422) adalah dalam kategori pengurusan, teknikal dan penyeliaan (MTS) manakala 51 peratus lagi berada dalam kategori pekerja mahir (38,931). Kebanyakan peluang pekerjaan yang diwujudkan adalah dalam sektor E&E (18,163 pekerjaan) diikuti oleh kelengkapan pengangkutan (11,645 pekerjaan) dan pengilangan makanan (7,062 pekerjaan).

Kerajaan terus memberikan kelulusan untuk jawatan pegawai dagang kepada syarikat milik rakyat Malaysia serta syarikat milik rakyat asing khususnya bagi jawatan pengurusan dan teknikal. Amalan ini akan memudahkan pemindahan teknologi dan melengkapkan bakat pengurusan dan teknikal pekerja tempatan. Sebanyak 2,023 jawatan pegawai dagang telah diluluskan pada tahun 2012.

Pelaburan domestik memainkan peranan utama

DAYA SAING MALAYSIA YANG BERTERUSAN adalah bergantung kepada penguahan sektor perkilangan dan perkhidmatan serta mempercepatkan peralihan negara ke arah industri bernilai ditambah tinggi, berteknologi tinggi, berintensif pengetahuan dan berdasarkan inovasi.

Memandangkan iklim semasa ekonomi global dan persaingan yang semakin meningkat terhadap FDI global, adalah amat penting supaya pelaburan domestik diberi tumpuan dalam memacu transformasi ekonomi Malaysia. Negara ini berada di landasan yang baik untuk mencapai transformasi tersebut memandangkan sumbangan pelaburan domestik yang diluluskan pada tahun 2012 telah meningkat kepada 49.3 peratus pada tahun 2012 daripada 39 peratus pada tahun 2011.

Menjadi magnet untuk modal asing

MALAYSIA TELAH MENGAMALKAN pendekatan yang lebih fokus dan dengan sasaran dalam menarik pelaburan asing yang berkualiti sejak kebelakangan ini. Pelaburan berkualiti tersebut tidak sentiasa menghasilkan paras pelaburan modal yang tinggi tetapi ia pun mempunyai kesan berganda yang ketara terhadap keseluruhan ekonomi. Pelaburan berkualiti yang sedang dicari termasuk pelaburan dalam projek berteknologi tinggi, industri berintensif pengetahuan, industri bernilai ditambah tinggi serta aktiviti R&D.

Malaysia kekal sebagai destinasi yang kompetitif bagi FDI di rantau ini dan terus menarik paras pelaburan asing yang menggalakkan dalam sektor perkilangan. Pelaburan asing dalam projek perkilangan yang diluluskan berjumlah RM20.8

bilion pada tahun 2012 di mana RM12.6 bilion (60.6%) adalah dalam projek baharu manakala baki RM8.2 bilion (39.4%) adalah dalam projek yang melibatkan pembesaran atau pelbagai operasi sedia ada.


Sumber utama pelaburan asing pada tahun 2012 adalah negara Jepun (RM2.8 bilion), Arab Saudi (RM2.6 bilion), Singapura (RM2.2 bilion), Republik Rakyat China (RM2 bilion) dan Republik Korea (RM1.6 bilion). Kelima-lima negara ini menyumbang sebanyak 53.8 peratus daripada jumlah pelaburan asing yang diluluskan dalam tempoh ini. (sila lihat Graf 13).

Pelaburan Jepun di Malaysia pada tahun 2012 berjumlah RM2.8 bilion dalam 62 projek yang diluluskan (sila lihat Graf 14). Pelaburan terbesar negara ini disumbangkan oleh satu


projek baharu bagi mengeluarkan kereta penumpang, SUV, 4x4s dan trak ringan bertayar eko dengan pelaburan berjumlah RM891.9 juta. Di samping itu, pelaburan bagi satu lagi projek baharu baharu adalah bagi pengeluaran filem polyimide berjumlah RM287.8 juta manakala pelaburan untuk projek pembesaran bagi pengilangan dan pemasangan kereta berjumlah RM262.7 juta.

Arab Saudi merupakan sumber pelaburan asing kedua terbesar pada tahun 2012 melalui dua projek yang diluluskan berjumlah RM2.6 bilion. Pelaburan besar dari Arab Saudi adalah terutamanya disumbangkan oleh projek pembesaran / pelbagai dengan pelaburan sebanyak RM2.6 bilion bagi mengeluarkan *polycrystalline silicon*, klorin sodium hidroksida (soda kaustik), hidrogen, asid hidroklorik, silikon tri-klorida dan bahan kimia lain.

Graf 13 Sumber utama pelaburan asing dalam projek diluluskan, 2012



Graf 14 Nilai pelaburan dari Jepun mengikut industri utama, 2012 (RM juta)



Mempelbagaikan destinasi pelaburan tempatan

Dari segi nilai, Selangor menerima jumlah terbesar dalam pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan pada tahun 2012 (RM11.7 bilion) diikuti oleh Johor (RM5.5 bilion), Sabah (RM5 bilion), Sarawak (RM4.7 bilion) dan Negeri Sembilan (RM2.7 bilion). Kelima-lima negeri ini menyumbang sebanyak 72 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan di negara ini pada tahun 2012.


Dari segi bilangan projek yang diluluskan, tiga buah negeri terbukti paling popular di kalangan pelabur yang menarik sebanyak 69 peratus daripada jumlah projek yang diluluskan: Selangor (252 projek), Johor (184 projek) dan Pulau Pinang (115 projek).

Kebanyakan pelaburan di Selangor telah disumbangkan oleh pelbagai jenis industri

termasuk kelengkapan pengangkutan (RM5 bilion), produk E&E (RM1.6 bilion) dan pengilangan makanan (RM1.2 bilion). Salah satu projek utama yang diluluskan di Selangor termasuk sebuah projek baharu milik sepenuhnya rakyat Malaysia dengan pelaburan sebanyak RM2 bilion untuk mengeluarkan dan memasang trak, bas dan enjin kendaraan komersil.

Johor mencatatkan tahap pelaburan kedua tertinggi berjumlah RM5.5 bilion, termasuk sebuah projek baharu bernilai RM577 juta milik rakyat asing bagi mengeluarkan bahan-bahan drug, insulin, analog dan produk drug. Lain-lain pelaburan di Johor adalah tertumpu pada subsektor industri kimia dan produk kimia (RM869.9 juta), E&E (RM809.3 juta), pengilangan makanan (RM697.6 juta) dan produk logam fabrikasi (RM500.6 juta).

Sabah telah menarik pelaburan berjumlah RM5 bilion terutamanya oleh sebuah projek baharu bernilai RM4.5 bilion milik rakyat Malaysia bagi mengeluarkan ammonia dan bijian urea. Lain-lain pelaburan di negeri ini adalah industri kimia dan produk kimia (RM254.2 juta), pengilangan makanan (RM132.8 juta) serta jentera & kelengkapan (RM44.3 juta).



Pelaksanaan projek perkilangan yang diluluskan

Sebanyak 4,245 projek perkilangan telah diluluskan dalam tempoh 2008 hingga 2012. Daripada jumlah ini, 3,213 projek telah dilaksanakan di mana 3,005 projek telah memulakan pengeluaran setakat 31 Disember 2012 dan 208 projek adalah di peringkat pembinaan kilang dan pemasangan jentera. Daripada 3,005 projek yang sedang dalam pengeluaran, sebanyak 776 projek telah memulakan pengeluaran pada tahun 2012. Jumlah pelaburan modal daripada 3,213 projek yang telah dilaksanakan bernilai RM147.2 bilion.


Di samping itu, 76 projek dengan pelaburan sebanyak RM18.2 bilion telah memperolehi tapak kilang manakala 783 projek (RM52.7 bilion) adalah di peringkat perancangan aktif. Dengan pelaksanaan 859 projek ini, jumlah pelaburan bagi projek-projek yang berada di pelbagai peringkat pelaksanaan akan berjumlah RM70.9 bilion.

Selangor mempunyai bilangan terbesar bagi projek-projek yang dilaksanakan diikuti oleh Johor, Pulau Pinang, Perak, Kedah dan Negeri Sembilan.


Projek-projek utama yang dilaksanakan bagi tempoh 2008

Ke mana wang dilaburkan?


Graf 16 Pelaburan dalam projek diluluskan mengikut industri utama, 2012 dan 2011



Graf 17 Pelaburan domestik dalam projek diluluskan mengikut industri utama, 2012



Graf 18 Pelaburan asing dalam projek diluluskan mengikut industri utama, 2012



hingga 2012 meliputi pelbagai industri: produk E&E, produk logam asas, kimia dan produk kimia, peralatan pengangkutan dan pengilangan makanan.


Kerajaan terus melaksanakan pelbagai langkah dan inisiatif di peringkat persekutuan dan negeri bagi memudahkan pelabur dalam melaksanakan projek yang telah diluluskan. Langkah-langkah ini termasuk penubuhan Pusat Pelaburan Negeri (SIC), Pusat Khidmat Nasihat (ASC), Pusat Khidmat Pelanggan (CSC) dan Unit Pejabat Imigresen di MIDA. Di samping itu, MIDA telah melantik Pegawai Projek Khas (SPO) untuk memberikan bantuan secara langsung, memperkenalkan permohonan dalam talian bagi penyerahan borang permohonan dan menyediakan pengeluaran Lesen Perkilangan secara automatik.

Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) juga telah memperkenalkan penambahbaikan untuk meningkatkan ketelusan serta mengukuhkan proses.

MIDA juga terus mengurus dan memantau projek-projek di bawah Program Menaik Taraf Infrastruktur Asas Kawasan Perindustrian Sedia Ada dengan matlamat untuk membantu kerajaan negeri dalam menaik taraf serta meningkatkan infrastruktur asas di kawasan perindustrian sedia ada.

Pada tahun 2012, sebanyak 53 syarikat telah mengecilkan operasi mereka yang mengakibatkan pemberhentian 9,194 pekerja. Di samping itu, 22 syarikat telah menghentikan operasi yang mengakibatkan kehilangan 1,969

Graf 19 Status pelaksanaan projek perkilangan diluluskan, 2008 – 2012



pekerjaan. Sebab utama yang dinyatakan bagi penutupan ini termasuk keadaan pasaran yang lemah, peningkatan kos dan masalah kewangan syarikat.

Penutupan operasi ini telah dapat diatasi dengan pengwujudan 61,095 peluang pekerjaan daripada 776 projek yang telah memulakan pengeluaran pada tahun 2012. Projek-projek ini akan menyediakan peluang pekerjaan alternatif kepada 11,163 pekerja yang diberhentikan di dalam tempoh yang sama.

Jadual 3 Negeri dengan bilangan terbesar projek dilaksanakan bagi tempoh 2008 – 2012

NEGERI	NILAI PROJEK	BILANGAN PROJEK
Selangor	RM30.9 billion	1,091
Johor	RM24.5 billion	659
Pulau Pinang	RM27.4 billion	448
Perak	RM5.4 billion	169
Kedah	RM6.3 billion	153
Negeri Sembilan	RM10.4 billion	144

Produk elektrikal dan elektronik

Mewujudkan peluang baharu dalam industri tertubuh

PENINGKATAN KETARA PELABURAN dalam sektor bernilai ditambah tinggi seperti peranti perubatan, bioteknologi dan sektor perkhidmatan mengimbangi penurunan berperingkat pelaburan ke dalam industri berintensifkan buruh. Selaras dengan hasrat Malaysia untuk menjadi negara berpendapatan tinggi, sumbangan pelaburan dalam aktiviti bernilai ditambah tinggi dan industri berdasarkan pengetahuan akan meningkat manakala jumlah pelaburan dalam aktiviti bernilai rendah seperti pemasangan dan pengilangan asas akan berkurangan. Ini adalah satu petunjuk kukuh terhadap kemakmuran ekonomi negara apabila ianya mula diukur dari segi nilai kesihatan dankekayaan komuniti dan bukannya KDNK.

Kini syarikat multinasional (MNC) dalam sektor E&E menumpukan perhatian untuk mengembangkan keupayaan R&D mereka di Malaysia yang mewujudkan pekerjaan

Sebanyak 112 projek E&E dengan pelaburan berjumlah RM3.9 bilion telah diluluskan pada tahun 2012 di mana kebanyakannya disumbangkan oleh pelabur asing.

berpendapatan tinggi dari aktiviti daripada bernilai ditambah tinggi. Syarikat Malaysia akan turut serta dalam membangunkan kompetensi mereka dalam penyelidikan, rekabentuk dan pembangunan untuk menyokong aktiviti-aktiviti MNC. Sebanyak 112 projek E&E dengan pelaburan berjumlah RM3.9 bilion telah diluluskan pada

Graf 20 Struktur industri E&E


SEKTOR	SUBSEKTOR	CONTOH PRODUK
Elektronik	Komponen	Semikonduktor, komponen pasif, papan litar bercetak, bahagian hentakan logam dan plastik ketepatan
	Pengguna	Produk visual/audio seperti alat penerima televisyen, permain multimedia mudah alih (PMP), pembesar suara, kamera dan permainan elektronik
	Perindustrian	Produk multimedia dan teknologi informasi seperti komputer dan perkakasan komputer, peralatan telekomunikasi, peralatan pejabat dan produk bina kotak untuk aplikasi industri
	Elektrik	Papan agihan, panel kawalan, radas suis, pencahayaan, transformer, kabel & wayar, sel bateri primer, sel solar dan modul, alat pendingin udara dan perkakasan rumah

tahun 2012 di mana kebanyakannya adalah daripada pelabur asing (RM3.2 bilion atau 82.1%) manakala bakinya disumbangkan oleh pelaburan domestik (RM734.6 juta atau 17.9%). Sumber utama pelaburan asing adalah dari Amerika Syarikat (elektronik perindustrian dan elektronik pengguna), Jepun (komponen elektronik dan produk elektrik) dan Kanada (komponen elektronik).

Pada tahun 2012, sebanyak 31 projek telah diluluskan dalam subsektor komponen elektronik dengan pelaburan berjumlah RM1 bilion sementara sebanyak lapan projek telah diluluskan dalam subsektor elektronik pengguna dengan pelaburan berjumlah RM768.7 juta. Subsektor

elektronik perindustrian telah menarik sebanyak 18 projek dengan pelaburan diluluskan berjumlah RM325.3 juta.

Dalam subsektor elektrikal, pelaburan pada tahun 2012 adalah sebanyak RM1.8 bilion dengan 55 projek menyumbang kepada 46.1 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan dalam industri E&E. Subsektor ini sebahagian besarnya dipacu oleh pelaburan asing berjumlah RM1.3 bilion (72.2%). Subsektor ini merangkumi tiga segmen - barang perindustrian, barang pengguna dan komponen elektrik - dan projek-projek yang diluluskan dijangka akan menjana sebanyak 4,463 peluang pekerjaan.



Syarikat MNC dalam sektor E&E menumpukan kepada pembesaran keupayaan R&D mereka di Malaysia yang mewujudkan pekerjaan berpendapatan tinggi daripada aktiviti bernilai ditambah tinggi.

Rencana 2 Ekosistem utama dalam industri E&E


Ekosistem E&E

Industri E&E di Malaysia memberi tumpuan untuk mendalami dan mengukuhkan tiga ekosistem utama iaitu semikonduktor, solar dan teknologi LED.

Semikonduktor

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, industri E&E telah didorong oleh permintaan yang kukuh terhadap komputer peribadi, telefon mudahalih dan TV. Walau bagaimanapun, trend mobiliti dan penyambungan mengubah cara penggunaan peranti-peranti ini pada skala global. Peningkatan populariti ke atas penggunaan tablet dan telefon pintar telah memberi impak kepada prestasi industri semikonduktor di Malaysia yang kebanyakannya adalah pembekal kepada segmen pasaran komputer peribadi.

Permintaan masa hadapan bagi peranti komunikasi, peranti perubatan, aeroangkasa, bioteknologi, automotif dan produk teknologi hijau telah mendorong lebih banyak aktiviti R&D dalam industri semikonduktor. Ini telah menggalakkan firma-firma rekabentuk litar bersepadu (IC) untuk menubuhkan operasi mereka di Malaysia di mana terdapat latarbelakang yang kukuh dalam aktiviti *back-end* dan bekalan tenaga kerja mahir yang mampan. Syarikat reka bentuk IC seperti Spansion, Phisontech dan Pix Art juga telah merangsang aktiviti-aktiviti pembangunan rantai bekalan dengan menjalankan aktiviti penjualan dan pengedaran produk. Inisiatif kerajaan di bawah NKEA E&E telah menggalakkan firma-firma reka bentuk IC untuk melabur dalam



projek-projek baharu di Malaysia di samping menggalakkan syarikat semikonduktor sedia ada untuk memilih Malaysia sebagai pusat R&D mereka.

Secara amnya, industri semikonduktor akan melalui banyak perubahan selaras dengan perkembangan permintaan teknologi cip dan komunikasi. Syarikat faundri perlu bergantung daripada kebergantungan terhadap sumber bekalan tunggal untuk menjadi lebih fleksibel, lebih telus dan tidak terlalu fokus kepada pengoptimumam produk individu mereka untuk kekal beroperasi. Kitaran hayat produk yang semakin pendek dan juga faktor kapasiti, rekabentuk dan kos pengilangan adalah

antara risiko geografi yang akan memberi kesan terhadap penawaran, harta intelek (IP) dan persaingan, dan ini merupakan isu yang dihadapi oleh syarikat faundri. Walau bagaimanapun, adalah dijangkakan industri ini mampu berkembang jauh berdasarkan model faundri yang menunjukkan kadar peningkatan pertumbuhan yang besar dan terus mengatasi model bersepadau.

Solar

Lebihan kapasiti dalam industri solar telah menjelaskan harga dunia terhadap panel solar. Namun demikian, syarikat-syarikat yang telah melabur di Malaysia (First Solar, Sunpower dan Hanwha (Q-Cells)) dijangka akan dapat mengatasi krisis. Malaysia kini memberi tumpuan dalam melengkapkan rantaian nilai solar dan kluster terutamanya dalam pengeluaran bahan-bahan solar dan


sistem keseimbangan bagi sistem solar grid pintar seperti bateri dan *inverter*.

LED

Kerajaan mengurangkan penjualan secara berperingkat mentol pijar menjelang 2014 dan menggalakkan pengguna untuk menggunakan lampu cekap tenaga seperti lampu pendarfluor padat (CFL), lampu tiub T5 dan diod pemancar cahaya (LED). Syarikat kini mula mengambil peluang yang terdapat dalam pelan kerajaan untuk hala tuju LED termasuk syarikat-syarikat tempatan yang terlibat dalam pembekalan substrat dan modul, dan pencahayaan keadaan pepejal dalam ekosistem LED. Syarikat multinasional seperti Philip Lumileds juga telah menukuhkan Pusat R&D global mereka bagi menyokong operasi pengeluaran di Malaysia.



Graf 21 Pelaburan diluluskan dalam sektor E&E, 2012 (RM juta)



Pengangkutan

Memacu Daya Saing

PADA TAHUN 2012, EKSPORT kelengkapan pengangkutan Malaysia berjumlah RM10.2 bilion. Eksport kenderaan darat berjumlah RM5.9 bilion, diikuti oleh eksport pesawat, kelengkapan dan alat ganti berkaitan berjumlah RM2.2 bilion dan kapal, bot dan struktur terapung berjumlah RM2.1 bilion. Pertumbuhan KDNK subsektor automotif dijangka akan meningkat sekurang-kurangnya 5.1 peratus pada tahun 2013, yang

mana seterusnya akan meningkatkan jumlah keluaran industri (TIV).

Pada tahun 2012, sebanyak 85 buah projek telah diluluskan dalam industri kelengkapan pengangkutan dengan pelaburan modal berjumlah RM7.8 bilion. Pelaburan domestik mendominasi industri dengan pelaburan bernilai RM6 bilion. Projek-projek yang diluluskan akan menjana sebanyak 11,669 peluang pekerjaan.

Jadual 4 Projek utama diluluskan dalam tahun 2012 – Komponen Elektronik

PROJEK	PEMILIKAN	NILAI PELABURAN (RM JUTA)
Projek pembesaran mengeluarkan penerima.	Asing	373.5
Projek pembesaran mengeluarkan kotak <i>built</i> untuk pemproses mikro.	Asing	105
Projek pembesaran mengeluarkan transistor untuk pembungkusan berskala cip untuk LED.	Asing	110.7
Projek pembesaran mengeluarkan pengesan <i>multiport proximity</i> .	Usahasama	68.3
Projek pembesaran mengeluarkan komponen untuk pemacu cakera keras.	Asing	58.9

Jadual 5 Projek utama diluluskan dalam tahun 2012 – Elektronik Pengguna

PROJEK	PEMILIKAN	NILAI PELABURAN (RM JUTA)
Projek baharu untuk melaksanakan reka bentuk, pembangunan dan pengeluaran produk audio visual (AV). Syarikat ini juga akan menubuhkan sebuah Pusat R&D dan membangunkan pangkalan di Malaysia sebagai pusat pengedaran bagi produk mereka bagi pasaran Asia Pasifik dan Eropah	Asing	522.7
Projek pembesaran untuk menghasilkan produk penyimpanan komputer dan sistem audio.	Asing	26.9
Projek baharu bagi mengeluarkan sistem pembesar suara hi-fi.	Asing	24


Jadual 6 Projek utama diluluskan dalam tahun 2012 – Elektronik Perindustrian

PROJEK	PEMILIKAN	NILAI PELABURAN (RM JUTA)
Projek pembesaran mengeluarkan peralatan komunikasi.	Asing	165
Projek baharu mengeluarkan mikrokomputer dengan telefon bersepada. Projek ini adalah usahasama di antara syarikat R&D dan syarikat pembuatan yang merancang untuk mengeluarkan komputer mudah alih dengan telefon bersepada yang pertama di dunia.	Tempatan	45
Projek baharu mengeluarkan kabel gentian optik.	Tempatan	38.9

Jadual 7 Projek utama diluluskan dalam tahun 2012 – Elektrikal

PROJEK	PEMILIKAN	NILAI PELABURAN (RM JUTA)
Projek baharu mengeluarkan solar – gred wafer silikon dan jongkong. Projek ini dijangka mewujudkan 1,261 peluang pekerjaan dan mengukuhkan rantaian nilai solar dalam industri.	Asing	1,200
Projek baharu mengeluarkan jongkong silikon dan wafer bagi panel solar. Projek ini dijangka mewujudkan 116 peluang pekerjaan dan membuktikan bahawa syarikat tempatan mampu menghasilkan produk yang bernilai tambah.	Tempatan	87
Projek bersepada baharu menghasilkan penyongsang solar yang melibatkan aktiviti R&D dan pengilangan. Projek ini dijangka mewujudkan 46 peluang pekerjaan. Ini akan menjadi syarikat pertama mengeluarkan penyongsang <i>off-grid</i> di Malaysia.	Usahasama	33
Projek baharu mengeluarkan lampu LED yang dijangka mewujudkan 250 pekerjaan baru. Syarikat ini memberi tumpuan kepada lampu LED dalam aplikasi industri serta minyak dan gas, pengangkutan dan sektor infrastruktur awam.	Asing	17.9

Graf 22 Pelaburan diluluskan dalam industri kelengkapan pengangkutan mengikut subsektor, 2012 (RM juta)



Automotif


INDUSTRI KELENGKAPAN PENGANGKUTAN
merangkumi subsektor automotif, aeroangkasa dan pembinaan kapal dan pembalikan kapal. Subsektor automotif adalah yang terbesar dalam industri ini yang meliputi pengilangan atau pemasangan kenderaan bermotor (termasuk motor beroda dua), pemulihan semula / pemasangan semula / pembinaan semula / pengubahan kenderaan bermotor dan pengilangan bahagian dan komponen, termasuk koc dan badan kenderaan.

Pada masa ini terdapat empat projek nasional dan sembilan syarikat pemasang dalam sektor kenderaan bermotor dengan kapasiti terpasang tahunan sebanyak 795,850 unit. Di samping itu, terdapat 11 pengilang/syarikat pemasang

motosikal dan skuter dengan kapasiti terpasang tahunan sebanyak 995,000 unit.

Menurut Persatuan Automotif Malaysia (MAA), pengeluaran kenderaan bermotor pada tahun 2012 berjumlah 569,620 unit yang merangkumi 509,621 unit kenderaan penumpang dan 59,999 unit kenderaan komersil. Berdasarkan perangkaan Persatuan Pemasang dan Pengedar Motosikal dan Skuter Malaysia (MASSAM), pengeluaran motosikal dan skuter telah mencapai tahap 543,088 unit pada tahun 2012.

Sehingga tahun 2012, terdapat lebih daripada 800 pengeluar komponen automotif dan 112 pengeluar komponen motosikal/skuter. Subsektor komponen automotif mengeluarkan lebih daripada 5,000 komponen.



Kini terdapat empat projek nasional dan sembilan syarikat pemasang dalam sektor kenderaan bermotor dengan kapasiti terpasang tahunan sebanyak 795,850 unit.

Kini terdapat kira-kira 45 vendor dalam subsektor komponen automotif dengan 80 peratus daripada mereka merupakan syarikat milik rakyat Malaysia dan mempunyai kemampuan dan kompetensi untuk merekabentuk dan membangunkan produk. Lebih daripada 70 peratus daripada mereka telah memperolehi piawaian ISO 9000, TS16949 dan ISO 14000 dan produk mereka telah diterima di Jepun, Jerman dan UK berikutan faktor kualiti, pematuhan piawaian antarabangsa dan harga yang kompetitif.

Dalam menggalakkan usaha ke arah teknologi hijau, Dasar Automotif Nasional (NAP) 2010 telah menghasilkan peningkatan dalam pelaburan bagi pengeluaran kenderaan hibrid/elektrik kepada RM792.4 juta pada tahun 2012. Ia juga telah meningkatkan pelaburan dalam pengilangan bahagian dan komponen yang kritikal dan bernilai ditambah tinggi kepada RM262 juta pada tahun 2012. Menuju kehadapan, NAP akan dikaji semula untuk terus menekankan kepada kenderaan cekap tenaga berteknologi tinggi (EEV). Fokus berkemungkinan akan memberi tumpuan

NAP telah menghasilkan peningkatan dalam pelaburan bagi pengeluaran kenderaan hibrid /elektrik kepada RM792.4 juta pada tahun 2012.

kepada meneruskan liberalisasi ke atas subsektor automotif bagi menggalakkan pelaburan di kalangan pengeluar komponen automotif berteknologi tinggi untuk bersaing dengan industri motor ASEAN dari segi pertumbuhan dan jumlah eksport.

Pada tahun 2012, sebanyak 70 projek telah diluluskan dalam industri automotif dengan pelaburan berjumlah RM5 bilion. Projek diluluskan akan menjana sebanyak 7,951 peluang pekerjaan.

Jadual 8 Jualan kenderaan bermotor dalam ekonomi utama ASEAN

NEGARA	2012			2011		
	Kereta Penumpang (PV)	Kenderaan Komersil (CV)	Jumlah Bilangan Industri (TIV)	Kereta Penumpang (PV)	Kenderaan Komersil (CV)	Jumlah Bilangan Industri (TIV)
Indonesia	780,767	335,445	1,116,212	601,945	292,219	894,164
Thailand	694,234	742,101	1,436,335	360,441	433,640	794,081**
Filipina	48,328	108,326	156,654	44,862	96,754	141,616
Singapura	32,724	4,523	37,247	33,493	6,077	39,570
Vietnam	43,692	36,761	80,453	64,505	45,155	109,660
Malaysia	363,684	48,891	412,575	535,113	65,010	600,123
ASEAN 6	2,151,934	1,302,720	3,454,654	1,640,359	938,855	2,579,214

Sumber: Persatuan Automotif Malaysia (MAA)

** Dari November 2012 data untuk jualan kereta penumpang di Thailand tidak termasuk Mercedes-Benz, BMW, MINI dan Volvo.

Projek automotif utama milik rakyat Malaysia yang diluluskan termasuk sebuah projek baharu dengan pelaburan bernilai RM2 bilion untuk mengeluarkan dan memasang trak, bas, enjin kenderaan komersil dan enjin perindustrian, sebuah projek pembesaran dengan pelaburan berjumlah RM282.6 juta untuk mengeluarkan dan memasang CBU kereta penumpang hibrid elektrik dan sebuah projek pembesaran dengan pelaburan berjumlah RM170.5 juta untuk mengeluarkan dan memasang kenderaan komersil, casis, kenderaan elektrik dan hibrid dan fabrikasi ke atas badan kenderaan komersil .

Projek utama milik rakyat asing diluluskan termasuk satu projek baharu dengan pelaburan berjumlah RM346 juta untuk mengeluarkan dan memasang kenderaan penumpang mewah dan kenderaan komersil dan sebuah lagi projek baharu dengan pelaburan bernilai RM262 juta untuk mengeluarkan transmisi automatik dengan kawalan elektronik.

Aeroangkasa

INDUSTRI AEROANGKASA TERDIRI

dari pada subsektor angkasa dan penerbangan dan merangkumi proses pengeluaran, aktiviti penyelenggaraan, pembaikan dan baikpulih (MRO), rekabentuk dan pembangunan, pemasangan dan operasi pesawat ringan dan perkhidmatan sokongan. Subsektor MRO dijangka akan berkembang sebanyak 12 hingga 15 peratus setahun. Industri ini menyumbang kepada KDNK melalui dua EPP yang dikenal pasti di bawah ETP yang dijangka akan mewujudkan sebanyak 32,000 peluang pekerjaan di dalam

Jadual 9 Penglibatan industri dalam subsektor aeroangkasa

SUBSEKTOR AEROANGKASA	BILANGAN SYARIKAT
Pengilangan bahagian dan komponen pesawat	12
Pemasangan aeroangkasa	3
Aktiviti penyelenggaraan, pembaikan dan baikpulih (MRO)	Lebih 20

negara. Kerajaan juga akan menubuhkan Pusat Inovasi Pengilangan Aerostruktur yang berfungsi sebagai pusat latihan dan pengajian tertinggi yang akan menjalankan R&D perkilangan struktur pesawat.

Pada tahun 2012, sebanyak 11 projek telah diluluskan dalam industri aeroangkasa dengan pelaburan berjumlah RM2.3 billion. Sejumlah besar pelaburan ini (RM1.44 billion atau 61%) merupakan pelaburan domestik yang tertarik dengan insentif cukai menyeluruh yang ada bagi menyokong industri. Projek diluluskan akan menjana sebanyak 2,739 peluang pekerjaan. Ini merangkumi sebuah syarikat dimiliki sepenuhnya oleh rakyat Malaysia yang terlibat dalam rekabentuk, perkilangan dan separa pemasangan kapalterbang jet dan komponen kapalterbang dengan jumlah pelaburan bernilai RM1.1 bilion.

Pembinaan kapal dan pembaikan kapal

INDUSTRI PEMBINAAN KAPAL DAN

pembaikan kapal di Malaysia merangkumi pengeluaran pelbagai jenis kapal dan aktiviti pembaikan kapal. Industri ini juga mempunyai rangkaian yang luas dengan industri lain

seperti keluli, kaca, logistik, penyimpanan, pecah pukal barang dan perkhidmatan.

Pelan Strategik Industri Pembinaan dan Pembaikan Kapal Malaysia 2020 bertujuan untuk menjana RM6.4 bilion dalam PNK dan mewujudkan tambahan sebanyak 55,500 pekerjaan menjelang 2020. Ini adalah selaras dengan peningkatan permintaan bagi kapal-kapal bersaiz kecil ke sederhana untuk memenuhi keperluan maritim serta industri minyak dan gas bagi tempoh 10 tahun akan datang. Cadangan pelan ini dijangka dapat meningkatkan daya saing perindustrian negara yang mengalami tekanan persaingan yang semakin meningkat daripada Singapura, Viet Nam, Indonesia, India, Republik Rakyat China dan Filipina.

Pada tahun 2012, empat projek telah diluluskan dengan pelaburan berjumlah RM415.6 juta yang akan menjana sebanyak 999 peluang pekerjaan di mana 95 peratus adalah dari

Pelan Strategik Industri Pembinaan dan Pembaikan Kapal 2020 bertujuan untuk menjana RM6.4 bilion dalam PNK dan mewujudkan tambahan 55,500 pekerjaan untuk negara menjelang 2020.


sebuah projek pembesaran kejuruteraan dan pembinaan oleh syarikat milik rakyat Malaysia yang fokus utamanya adalah sektor minyak & gas (RM393.5juta).

Jentera dan kelengkapan

Menuju ke arah perubahan

KEWUJUDAN SEKTOR JENTERA dan kelengkapan (M&E) yang teguh menjadi pemangkin bagi memudahkan peralihan Malaysia kepada sebuah negara berteknologi tinggi memandangkan hubungannya dengan pelbagai sektor ekonomi seperti perkilangan, pembinaan, perkhidmatan, perlombongan dan pertanian. Usaha-usaha promosi terus memberi tumpuan kepada

pelaburan kualiti yang menekankan M&E berteknologi tinggi dan bernilai ditambah tinggi selaras dengan sasaran Malaysia untuk menjadi hab pengeluaran serantau bagi M&E berteknologi tinggi dan khusus. Usaha-usaha ini adalah selaras dengan inisiatif NKEA yang memberi tumpuan kepada sektor berteknologi tinggi termasuk industri minyak & gas dan tenaga, aeroangkasa, E&E dan ICT.



Pelan Strategik Industri
Pembinaan dan Pembaikan
Kapal Malaysia 2020 bertujuan
untuk meningkatkan daya saing
perindustrian negara.

Graf 23 Gambaran keseluruhan industri M&E



Sebanyak 84 projek dengan pelaburan berjumlah RM1.9 billion telah diluluskan dalam industri M&E pada tahun 2012. Sebahagian besar pelaburan ini merupakan projek baharu bernilai RM1.3 bilion. Projek yang diluluskan pada tahun 2012 dijangka akan menjana peluang pekerjaan bagi 5,125 orang.

Projek diluluskan pada tahun 2012 menunjukkan bahawa usaha penggalakan yang lebih fokus telah membantu Malaysia untuk terus menarik pelaburan berkualiti dalam jentera dan kelengkapan yang berteknologi tinggi dan bernilai ditambah tinggi.

Sebahagian besar pelaburan (44.6%) adalah daripada M&E khusus bagi industri semikonduktor dan minyak & gas yang menyumbang kepada 27 buah projek dengan pelaburan bernilai

RM825.6 juta. Subsektor M&E penjanaan kuasa telah menyumbang empat projek baharu dengan pelaburan bernilai RM44.3 juta manakala subsektor jentera kerja logam telah menyumbang dua projek pembesaran / pelbagai dengan pelaburan domestik bernilai RM19.2 juta. Subsektor perindustrian am M&E, komponen dan bahagian telah menyumbang 49 buah projek dengan pelaburan berjumlah RM911.1 juta. Projek penyelenggaraan, menaik taraf atau pemulihian semula dalam sektor M&E telah menyumbang dua projek dengan pelaburan bernilai RM49.9 juta.

Antara projek baharu penting yang diluluskan termasuk sebuah projek milik penuh asing dengan pelaburan berjumlah RM229.5 juta untuk membina sebuah kilang pengeluaran *umbilical* baharu yang terkini dan sebuah projek baharu milik penuh asing dengan

Rencana 3 Industri M&E di Malaysia

Kejuruteraan tinggi

Pelaburan dalam M&E khusus bagi Semikonduktor serta Minyak dan Gas Memacu Industri M&E

Nilai pelaburan asing dan domestik yang diluluskan dalam sektor semikonduktor M&E adalah hampir sama rata. Pelabur sedia ada dalam subsektor ini telah meningkat dalam nilai rantaian melalui pembesaran dan pelbagai rangkaian produk mereka bagi memenuhi keperluan kelengkapan semikonduktor *front-end* yang kompleks dan canggih serta untuk kekal kompetitif dengan menekankan aspek R&D, reka bentuk kejuruteraan, pemasangan dan pengujian.


Malaysia berada pada kedudukan yang baik untuk menjadi hab serantau bagi pengeluaran M&E minyak dan gas, fabrikasi dan perkhidmatan seperti penyelenggaraan, pembangunan telaga minyak dan pemantauan, pemeriksaan serta pengujian. Negara ini mempunyai keupayaan yang kukuh dan mendapat sokongan baik dari pelbagai pelabur industri utama dalam aktiviti *greenfield* (carigali, penilaian dan pembangunan) dan *brownfield* (pengeluaran, operasi, penyelenggaraan dan *abandonment*).

Antara faktor utama yang menarik syarikat M&E untuk melabur di Malaysia adalah industri kejuruteraan sokongan yang dinamik dan undang-undang perlindungan harta intelek

yang kukuh. Negara ini muncul sebagai kawasan tumpuan bagi aktiviti minyak dan gas serta menarik minat pelabur syarikat tempatan dan asing. Syarikat yang sedia ada seperti Aker, FMC Technologies dan Halliburton telah membesar dan mempelbagaikan operasi mereka di Malaysia dengan menghasilkan *umbilicals*, bahan tambahan simen, *wellheads* dan aktuator. Industri tersebut juga turut berkembang menerusi pelaburan baharu daripada syarikat tempatan dan asing yang mengeluarkan *gas lift valves* dan *intelligent downhole equipment*. Kesemua projek ini akan melengkapkan dan meningkatkan lagi ekosistem minyak & gas.

Melangkah ke hadapan, industri M&E akan memberi tumpuan kepada M&E dan modul berteknologi tinggi, dan bernilai ditambah tinggi, serta mengukuhkan aktiviti teras seperti R&D, D&D, prototaip, pembangunan perisian, integrasi sistem, pemasangan, pengujian dan penentukan. Ini akan membolehkan industri merebut peluang global yang baharu dalam menghadapi persaingan yang semakin meningkat daripada negara-negara baharu muncul.

Graf 24 Pelaburan dalam projek diluluskan dalam industri M&E mengikut subsektor, 2012 (RM juta)



pelaburan bernilai RM144.6 juta. Kedua-dua projek ini telah memilih Malaysia sebagai hab global mereka untuk mengeluarkan produk proprietari syarikat bagi industri minyak & gas.

Projek berkaitan minyak & gas juga meliputi sebuah projek pelbagaian oleh sebuah syarikat milik penuh asing yang melibatkan pelaburan berjumlah RM10.2 juta untuk mengeluarkan kelengkapan kasing simen dan peralatan pelengkap serta juga sebuah projek usahasama baharu dengan pelaburan berjumlah RM5.5 juta untuk mengeluarkan *intelligent downhole equipment*.

Projek lain merangkumi sebuah projek baharu milik penuh rakyat Malaysia dengan pelaburan berjumlah RM2.3 juta untuk mengeluarkan jentera dan kelengkapan memproses berkaitan

Industri M&E adalah penting dalam usaha negara untuk mencapai kebebasan tenaga

makanan dan minuman, sebuah projek baharu milik penuh asing dengan nilai pelaburan berjumlah RM122.4 juta untuk mengeluarkan alat pengesan keselamatan X-ray dan komponen berkaitan dan sebuah projek baharu milik penuh asing dengan pelaburan berjumlah RM93 juta bagi mengeluarkan injap vakum.



Pelaburan dalam M&E khusus
dalam industri minyak &
gas meningkatkan standard
pekerjaan di Malaysia.

Kejuruteraan sokongan


Penyelesaian menyeluruh

Kerajaan menggalakkan lebih banyak syarikat untuk meningkat dalam nilai rantai bagi industri kejuruteraan sokongan Malaysia dan menyediakan penyelesaian pengilangan menyeluruh bagi industri berteknologi tinggi seperti semikonduktor, jentera, perubatan, minyak dan gas serta aeroangkasa. Ini adalah selaras dengan usaha Malaysia untuk menjadi lokasi pilihan bagi penyumberan luar kejuruteraan global. Projek diluluskan pada tahun 2012 menunjukkan bahawa industri ini berada pada landasan yang betul untuk mencapai matlamat ini.

Kini syarikat menuju ke arah menyediakan bahagian dan komponen yang lebih kompleks dan lebih berketepatan tinggi bagi memenuhi dan mematuhi keperluan pelanggan yang semakin ketat, khususnya bagi industri aeroangkasa, industri perubatan dan solar/fotovoltik.

Sebanyak 47 projek telah diluluskan pada tahun 2012 dengan pelaburan berjumlah RM641.3 juta (sila lihat Graf 25). Projek ini dijangka akan menjana peluang pekerjaan bagi 5,241 orang.

Graf 25 Pelaburan dalam projek diluluskan dalam industri sokongan kejuruteraan mengikut subsektor, 2012 (RM juta)



Jadual 10 Projek utama diluluskan dalam tahun 2012 – industri sokongan kejuruteraan

PROJEK	PEMILIKAN	NILAI PELABURAN (RM JUTA)
Projek baharu mengeluarkan acuan dan dai yang berkejituhan tinggi dan besar bagi industri E&E, peralatan perubatan dan automotif.	Tempatan	5.8
Projek baharu mengeluarkan bahagian jentera, jig dan lekapan serta acuan dan dai terutamanya untuk Industri E & E.	Tempatan	3.9
Rekabentuk, pembangunan dan pengeluaran <i>precision stamped</i> dan fabrikasi bahagian dan modul yang digunakan dalam jentera pengendalian bahan.	Tempatan	22.9
Pengilangan bahagian dan komponen jentera berkejituhan.	Tempatan	8.2
<i>Physical vapour deposition (PVD)</i> dan aktiviti penyaduran <i>thin film</i> .	Asing	11.4

Rencana 4 Industri sokongan kejuruteraan di Malaysia

Waktu pensijilan

Industri sokongan kejuruteraan Malaysia sedang membangun dan akan berupaya menawarkan penyelesaian kejuruteraan yang menyeluruh kepada syarikat.

Dengan peningkatan terkini dalam bentuk pelaburan bukan ekuiti, industri sokongan kejuruteraan Malaysia sedang menempatkan kedudukannya untuk menjadi sebuah pusat sehenti dengan menawarkan penyelesaian secara menyeluruh kepada syarikat. Ini dilaksanakan dengan menaik taraf fasiliti serta memperoleh teknologi bagi memenuhi keperluan yang ketat OEM untuk bahagian-bahagian komponen dan perkhidmatan kejuruteraan jitu. Pusat ini menawarkan pelbagai perkhidmatan bersepadan yang terdiri daripada produk yang berkonsep termasuk reka bentuk dan prototaip, pengeluaran bersiri dan pengurusan aliran proses, termasuk perolehan, logistik, pembungkusan, pengujian dan pensijilan.

Dengan kematangan ini, industri akan fokus terhadap pengukuhan perkhidmatan

dan meningkatkan keupayaan serta kualiti pengeluaran untuk menyediakan penyelesaian kejuruteraan yang menyeluruh. Industri ini sedang menuju ke arah mendapatkan pensijilan antarabangsa bagi pembekalan bahagian dan komponen untuk industri aeroangkasa, perubatan dan solar/fotovoltik.

Dengan berkembangnya pasaran penyumberan global, Malaysia akan memerlukan lebih pembekalan penyelesaian perkilangan yang berkelayakan untuk mendapatkan pasaran penyumberan global yang lebih besar, terutama dalam industri berteknologi tinggi. Syarikat hendaklah bergabung dan rasional untuk menyediakan penyelesaian menyeluruh bagi melengkapkan pertumbuhan sektor perkilangan di Malaysia.

Produk logam asas

Kekuatan yang terus meningkat

INDUSTRI PRODUK LOGAM ASAS

Industri produk logam asas di Malaysia memainkan peranan utama dalam pembangunan sektor perkilangan dan pembinaan. Industri ini merangkumi pengilangan produk logam ferus (besi dan keluli) dan bukan ferus (aluminium, timah, tembaga, zink, plumbum dan sebagainya). Malaysia telah menggunakan 8.2 juta tan keluli pada tahun 2011, iaitu kurang 0.9 peratus daripada tahun 2010 (8.3 juta tan).

Pengeluaran domestik Malaysia bagi produk keluli rata sepatah seperti *hot rolled coils* (1.3 juta tan) dan *plates* (0.2 juta tan) meningkat seiring dengan aktiviti perkilangan negara yang telah meningkat pada tahun 2011. Walau bagaimanapun, produk utama industri adalah bar keluli (2.3 juta tan) dan rod dawai (1.2 juta tan) untuk memenuhi sektor pembinaan negara yang berkembang. Sebarang kekurangan dalam memenuhi permintaan keluli Malaysia telahpun dipenuhi oleh produk yang diimport. Pada tahun 2012, import produk logam ferus berjumlah RM25.2 bilion manakala import produk logam bukan ferus berjumlah RM20.4 bilion. Eksport bagi tempoh yang sama

Persatuan Keluli

Dunia menganggarkan penggunaan keluli global akan berkembang daripada 2.1 peratus pada tahun 2012 kepada 3.2 peratus pada tahun 2013.

Graf 26 Industri produk logam asas

PRODUK PANJANG	PRODUK LEPER
<p>Di gunakan terutama dalam sektor pembinaan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bilet • Blooms • Sections • Bar • Rod dawai • Produk dawai seperti jejaring dawai dan <i>hard drawn</i> 	<p>Di gunakan terutama dalam sektor perkilangan</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Hot rolled coils</i>, plat dan kepingan • <i>Cold rolled coils</i>, dan kepingan • Paip • <i>Galvanised coils</i> • Plat timah • Produk fabrikasi lain

Jadual 11 Projek utama diluluskan dalam tahun 2012 – logam asas

PROJEK	PEMILIKAN	NILAI PELABURAN (RM JUTA)
Projek baharu mengeluarkan bar keluli <i>hot rolled</i> dan rod dawai keluli <i>hot rolled</i> .	Tempatan	1,250
Projek baharu mengeluarkan logam silikon, <i>microsilica</i> , pes elektrod dan wap.	Asing	912
Projek baharu mengitar semula debu <i>arc furnace</i> elektrik bagi memulihkan <i>zinc oxide</i> dan <i>iron oxide</i> .	Asing	246.2
Projek pembesaran mengeluarkan <i>slabs</i> keluli, kepingan keluli <i>flat rolled</i> / terjalur dalam gulungan, paip keluli terkimpal, paip bergulung terkimpal dan keratan berongga terkimpal.	Tempatan	229
Projek baharu untuk mengeluarkan silikon logam dan wasap silika.	Asing	185.2
Projek baharu mengeluarkan produk berkaitan logam.	Tempatan	244
Projek baharu mengeluarkan keluli, tiub, paip dan lekapan tahan karat.	Malaysian	106.5

A close-up photograph of several large, rectangular steel bars stacked together. The bars are glowing red and orange from heat, with bright yellow and white sparks visible between them, suggesting they are still hot from a furnace or conveyor belt. The texture of the metal is rough and uneven.

Industri besi dan keluli
memainkan peranan penting
dalam pembangunan ekonomi
Malaysia dan dikenalpasti
mempunyai kepentingan
strategik.

berjumlah RM9.9 bilion (produk besi dan keluli) dan RM10 bilion (produk logam bukan ferus).

Persatuan Keluli Dunia menganggarkan bahawa penggunaan keluli global akan berkembang daripada 2.1 peratus pada tahun 2012 kepada 3.2 peratus pada tahun 2013. Industri ini menjangkakan peningkatan penggunaan produk yang berpanjangan berikutnya peningkatan pertumbuhan sebanyak 6.6 peratus dalam sektor pembinaan. Walau bagaimanapun, penurunan yang berterusan dalam penggunaan produk rata disebabkan oleh keadaan global yang tidak menentu serta unjuran penurunan dalam pertumbuhan sektor perkilangan daripada 4.5 peratus pada tahun 2011 kepada 3.9 peratus pada tahun 2012. Prestasi industri bergantung kepada peningkatan dalam aktiviti ekonomi Amerika Syarikat, perkembangan dalam krisis hutang Zon Euro dan dasar kewangan Republik Rakyat China yang mudah untuk merangsang pertumbuhan. Di peringkat tempatan, industri keluli akan bergantung terutamanya kepada fasa pelaksanaan projek ETP.

Industri produk logam asas dijangka akan terus menyumbang kepada pembangunan ekonomi Malaysia. Kini, industri memberi tumpuan kepada pembinaan dan keperluan infrastruktur negara.



Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk membantu pengilang memenuhi keperluan mereka terhadap barang keluli dengan menurunkan duti import ke atas produk keluli rata daripada 50 peratus kepada 25 peratus dengan matlamat untuk mengurangkan duti kepada 10 peratus atau menghapuskan keseluruhannya menjelang 2018. Walau bagaimanapun, Malaysia juga akan melaksanakan langkah-langkah perlindungan dan anti lambakan bagi melindungi pengilang besi dan keluli tempatan dari persaingan asing yang tidak adil. Malaysia juga akan turut menguatkuasakan piawaian mandatori terhadap produk keluli yang diimport dan yang dihasilkan oleh pengilang tempatan. Ini adalah bertujuan untuk mengelakkan bahan-bahan *sub-standard* digunakan dalam projek infrastruktur dan pengeluaran barang di Malaysia.

Pada tahun 2012, sebanyak 96 projek telah diluluskan dengan pelaburan berjumlah RM4.9 bilion. Daripada jumlah ini, pelaburan asing bernilai RM2.5 bilion (50.9%) manakala pelaburan domestik berjumlah RM2.4 bilion (49.1%). Projek ini dijangka akan menjana 10,255 peluang pekerjaan.

Peningkatan dalam pelaburan asing mencerminkan liberalisasi dasar ekuiti dan dasar Kerajaan yang menyokong dan memudahcara, telah menggalakkan syarikat untuk terus melabur dalam kilang keluli terutama dalam projek huluhan (lihat Rencana 5). Kebanyakan pelaburan domestik adalah dalam projek pertengahan dan hiliran seperti tiub/paip keluli dan seksyen, yang dijangka akan menjana peluang pekerjaan tambahan bagi 4,129 orang.

Rencana 5 Inisiatif menambahbaik ekosistem besi dan keluli

Semangat waja


Kerajaan Malaysia mempertingkatkan usaha untuk menggalakkan perniagaan keluli.

Kerajaan telah menyediakan pelbagai inisiatif untuk membangunkan industri besi dan keluli di Malaysia. Ini termasuklah menjalankan kajian mengenai daya saing industri dan menetapkan hala tuju dan cadangan polisi serta menubuahkan Majlis Keluli bagi menyelia dan terus menyelaraskan sektor ini kepada matlamat ekonomi Malaysia. Selain itu, kerajaan terus menganjurkan Misi Projek Spesifik (SPM) dan Misi Projek Spesifik Domestik (DSPM) untuk syarikat-syarikat yang disasarkan. Kerajaan juga aktif dalam menggalakkan syarikat multinasional (MNC) dan syarikat-syarikat besar untuk menjalankan penyumberan luar terhadap keperluan kerja logam mereka kepada syarikat-syarikat tempatan di samping menggalakkan projek yang dapat menambah nilai kepada ekosistem besi dan keluli sedia ada. Malaysia juga akan

mencari pasaran baharu bagi produk keluli melalui skim Tarif Keutamaan Sama Rata (CEPT) dan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) serta mengadakan dialog secara berterusan dengan persatuan industri, dewan perniagaan dan lain-lain jabatan yang berkaitan bagi merangsang eksport.

Perkembangan masa depan industri ini akan berkisar sekitar sektor produk logam ferus dan bukan ferus. Kerajaan telah mengenal pasti aktiviti-aktiviti yang diperlukan untuk melengkapkan rantaian huluan dalam ekosistem besi dan keluli Malaysia. Antara aktiviti huluan yang akan terus dibangunkan meliputi aloi ferus dan palet bijih besi dengan menyediakan insentif yang menarik serta membantu membangunkan sumber tenaga bagi menyokong ekosistem ini.

Produk logam bukan ferus terus membuka peluang yang luas untuk pelaburan baharu. Pelaburan logam bukan ferus kini tertumpu kepada produk yang berasaskan aluminium, termasuk tin timah bagi produk makanan dan minuman, foil pembungkusan, jongkong dan bilet, roda aloi automotif, *die casting*, penyemperitan, bahan penebat serta jongkong tembaga dan wayar.



Produk Logam Fabrikasi

Kejuruteraan padu

INDUSTRI LOGAM FABRIKASI

melibatkan penyelidikan, pengetahuan serta kepakaran teknologi yang tinggi.

Produk logam fabrikasi ini memainkan peranan yang penting dalam automasi perindustrian dan perkilangan dengan pelbagai reka bentuk dan produk baharu yang sentiasa muncul hasil daripada proses dan bahan baharu.

Pada tahun 2012, sebanyak 58 projek telah diluluskan dalam produk logam fabrikasi dengan pelaburan berjumlah RM1.1 bilion. Projek-projek ini dijangka menjana peluang pekerjaan tambahan bagi 6,126 orang.



Graf 27 Industri produk logam fabrikasi

Fabrikasi untuk industri carigali minyak dan gas di luar pesisir/ di darat	Fabrikasi pembinaan bangunan dan sivil	Fabrikasi loji pengilangan dan pemprosesan	Fabrikasi struktur kelengkapan dan komponen serta jentera perindustrian	Bekas logam, perabot dan kelengkapan, produk logam bukan ferus dan perkakasan isi rumah
---	---	---	--	--

Jadual 12 Projek utama diluluskan dalam tahun 2012 – produk logam fabrikasi

PROJEK	PEMILIKAN	NILAI PELABURAN (RM JUTA)
Projek pembesaran mengeluarkan tin minuman aluminium.	Tempatan	210.8
Projek baharu mengeluarkan rod aluminium dan <i>slugs</i> aluminium.	Asing	114.5
Projek pembesaran mengeluarkan fabrik <i>reinforcing</i> .	Tempatan	79.6
Projek pembesaran mengeluarkan <i>tire cord</i> keluli.	Asing	52.7
Projek baharu menjalankan aktiviti <i>slitting</i> dan merich gegelung logam.	Tempatan	34.7



Produk logam fabrikasi digunakan dalam kebanyakan industri berteknologi tinggi

Tekstil dan produk tekstil

Berpakaian untuk kejayaan

INDUSTRI TEKSTIL DAN PRODUK

tekstil muncul sebagai sumber pendapatan eksport ke-12 terbesar negara pada tahun 2012 dengan menyumbang anggaran RM9.5 bilion (1.4%) kepada jumlah eksport negara dalam barangank perkilangan. Amerika Syarikat, Jepun, Indonesia, Turki dan Republik Rakyat China merupakan lima destinasi eksport utama dengan Amerika Syarikat menyumbang kepada 19.4 peratus daripada semua eksport tekstil Malaysia.

Pada tahun 2012, sebanyak 17 projek telah diluluskan dalam industri ini dengan pelaburan berjumlah RM374 juta yang mana sebahagian besar merupakan sumber asing (RM322.3 juta atau 86.2%). Daripada jumlah ini, tujuh projek adalah bagi pengilangan tekstil asas (RM342.4 juta), lima projek untuk pakaian siap (RM14.3 juta) dan lima projek adalah bagi produk dan aksesori tekstil (RM17.6 juta).

Projek-projek yang diluluskan akan menjana sejumlah 1,342 peluang pekerjaan, dimana 424 peluang pekerjaan adalah dalam kategori pengurusan, teknikal dan


penyeliaan. Kebanyakan projek ini adalah juga berorientasikan eksport dan bila dilaksanakan dijangka akan menjana pendapatan tahunan berjumlah RM448 juta. Projek pembesaran dan baharu akan terus menekankan pelaburan R&D yang akan menyumbang kepada pengwujudan pekerjaan berkemahiran tinggi dan meningkatkan paras kemahiran berskala tinggi.

Antara projek utama yang diluluskan adalah projek pembesaran oleh sebuah syarikat milik asing dengan pelaburan berjumlah RM182 juta untuk pengeluaran fabrik bukan tenun, sebuah projek baharu milik penuh asing dengan pelaburan berjumlah RM65 juta bagi pengeluaran *wool top* dan *wool grease* serta sebuah projek usahasama baharu dengan pelaburan bernilai RM46.6 juta bagi pengilangan serat poliester.


Secara umum, prestasi pelaburan menunjukkan peningkatan pelaburan dalam subsektor huluan dengan tujuh projek diluluskan bagi pengeluaran gentian semulajadi dan sintetik serta fabrik. Sebahagian projek yang diluluskan juga



Graf 28 Ekosistem tekstil dan produk tekstil



Graf 29 Pelaburan dalam projek diluluskan dalam industri tekstil dan produk tekstil mengikut subsektor, 2012 (RM juta)



Jumlah: RM374 juta

akan mengukuhkan pembangunan kluster tekstil dengan menghasilkan tekstil asas atau bahan-bahan mentah yang diperlukan dalam aktiviti hiliran yang kini bergantung kepada bahan mentah yang diimport.

Industri ini kekal berdaya tahan walaupun dalam kelembapan ekonomi global. Pelbagai

FTA dua hala akan menyediakan platform yang meluas bagi pertumbuhan manakala *Trans Pacific Partnership* (TPP) akan membolehkan syarikat-syarikat asing yang berurusan dengan Amerika Syarikat mempertimbangkan Malaysia sebagai hab pengeluaran mereka.

Peralatan perubatan

Penjagaan kesihatan yang lebih baik

I NDUSTRI PERALATAN PERUBATAN global adalah sangat berdaya saing dan inovatif. Ia merupakan salah satu industri yang paling pesat berkembang di dunia dengan unjuran kadar pertumbuhan pasaran tahunan kira-kira 10 peratus. Kemajuan saintifik dalam bidang perubatan seperti integrasi drug

dan biologik dalam peranti dan peningkatan jangka hayat serta juga permintaan semakin meningkat terhadap kemudahan dan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang lebih baik, memacu dengan pesat perkembangan teknologi dan pertumbuhan di dalam industri ini.

Pasaran bagi peralatan perubatan adalah meluas dengan kepelbagaiannya produk dari mesin MRI yang kompleks, peralatan pembedahan *laparoscopic* sehingga peralatan picagari dan sarung tangan perubatan. Pasaran global bagi peralatan perubatan bernilai US\$307.7 bilion pada tahun 2012. Amerika Syarikat adalah pasaran terbesar di dunia bagi peralatan perubatan dengan anggaran jualan bernilai US\$110 bilion pada tahun 2011.

Di Malaysia, industri peralatan perubatan adalah industri mempunyai pelbagai yang tinggi dengan menghasilkan pelbagai produk dan peralatan yang merangkumi daripada sarung tangan perubatan, alat implan, alat ortopedik dan mesin/ peralatan dialisis. Ia juga termasuk peralatan pengimejan diagnostik dan peralatan invasif pembedahan minimum serta peralatan lain yang digunakan bagi keperluan pembedahan, pergigian, optik dan kesihatan am. Pasaran dijangka berkembang sebanyak 15.9 peratus setahun dan mencapai US\$2.8 bilion menjelang tahun 2017.

Industri peralatan perubatan di Malaysia dikuasai oleh syarikat-syarikat berskala kecil dan sederhana (IKS) yang terlibat dalam pengeluaran sarung tangan perubatan dan produk perubatan pakai buang lain. Kini terdapat lebih daripada 180 pengilang peralatan perubatan di negara ini termasuk MNC utama seperti Ambu, B. Braun, CR Bard, Ciba Vision, Meditop Corporation, St Jude Medical, Symmetry Medical, Accelgent dan Teleflex. Syarikat MNC di Malaysia terlibat terutamanya dalam pengeluaran produk bernilai tinggi seperti produk ortopedik, instrumen pembedahan, elektrod perubatan, *safety intravenous cannulae*, perentak jantung, *defibrillators*, mesin/peralatan dialisis dan kanta *ophthalmic*.

Malaysia merupakan lokasi ideal bagi pelaburan dalam sektor peralatan perubatan kerana regim perlindungan Harta Intelek (IP) yang kukuh dan lokasi geografi yang strategik.

Malaysia merupakan lokasi ideal bagi pelaburan dalam sektor peralatan perubatan yang didorong oleh regim perlindungan Harta Intelek (IP) dan lokasi geografi yang strategik. Di samping itu, Akta Peranti Perubatan 2012 menyediakan rangka kerja mandatori bagi pendaftaran peralatan perubatan di Malaysia. Akta ini menetapkan keperluan pendaftaran bagi produk peralatan perubatan dan pendaftaran penubuhan pelesenan dan badan penilaian pematuhan (CAB).

Industri peranti perubatan telah dikenal pasti sebagai salah satu bidang utama pertumbuhan ekonomi negara di bawah NKEA Penjagaan Kesihatan. Kerajaan telah mengumumkan tujuh projek permulaan (EPP) bagi sektor peralatan perubatan yang akan menjana pendapatan negara bernilai RM17.1 bilion dan menghasilkan RM11.4 bilion PNK serta mewujudkan 86,000 peluang pekerjaan menjelang tahun 2020.

Daripada tujuh EPP ini, enam projek telah diumumkan pada tahun 2012 dengan potensi pelaburan berjumlah RM255.8 juta dan PNK bernilai RM656.2 juta menjelang tahun 2020. Adalah dianggarkan bahawa projek-projek ini akan mewujudkan kira-kira 2,880 peluang pekerjaan.

Pada tahun 2012, eksport peralatan perubatan Malaysia bernilai RM12.9 bilion. Negara terus menjadi pengeksport dan pengeluar utama sarung tangan perubatan dan kateter, yang menyumbang kira-kira 76 peratus daripada jumlah eksport peralatan perubatan (RM9.8 bilion). Eksport utama yang lain termasuk instrumen dan peralatan yang digunakan dalam sains perubatan, pembedahan, pergigian atau veterinar (RM1.6 bilion), kanta *ophthalmic* (RM449.1 juta) dan peralatan ortopedik (RM497 juta). Destinasi eksport utama negara ialah Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun.

Sebanyak 16 projek dengan pelaburan berjumlah RM253.3 juta telah diluluskan pada tahun 2012 yang dijangka akan menjana peluang pekerjaan baru untuk 1,145 orang. Daripada jumlah

ini, 13 projek (RM113.9 juta atau 45%) adalah untuk pengilangan peralatan perubatan selain daripada sarung tangan perubatan. Projek ini terutamanya adalah untuk produk kelas atasan dan mempunyai tinggi tambah yang tinggi serta melibatkan aktiviti R&D.

Antara projek utama yang diluluskan pada tahun 2012 adalah sebuah fasiliti baharu milik asing untuk mengeluarkan *percutaneous trans-luminal coronary angioplasty (PTCA) / percutaneous trans-luminal angioplasty catheters (PTA)* dan *coronary stents* (RM39 juta). Ini adalah satu projek berintensif pengetahuan dan penyelidikan yang penglibatan bilangan graduan sains dan teknikal yang tinggi. Teknologi ini merupakan yang pertama seumpamanya di Malaysia dan sejumlah besar kos projek diperuntukan untuk R&D.


Projek-projek utama lain termasuk sebuah fasiliti milik rakyat Malaysia untuk mengeluarkan jarum pakai buang, *dressing sets*, bekas air kencing, tiub pengumpulan darah dan *sutures* (RM24.3 juta). Projek ini mempunyai ciri nilai ditambah tinggi yang menggambarkan keupayaan

yang semakin meningkat daripada syarikat-syarikat tempatan untuk membuat barang bernilai tinggi, seperti juga satu lagi projek pembesaran oleh syarikat milik rakyat Malaysia untuk mengeluarkan *surgical sutures, hernia mesh, underwater chest drainage system*, produk disinfektan dan keluaran perubatan pakai buang lain (RM6.7 juta). Syarikat ini merupakan





Institusi seperti SIRIM Berhad menjadikan penyelidikan teknologi perubatan salah satu daripada keutamaan mereka.



pengeluar tempatan pertama mempunyai produk disahkan sebagai Peralatan Perubatan Kelas III dan akan melaksanakan satu inisiatif R&D menyeluruh dalam makmal syarikatnya.

Semua projek-projek yang diluluskan menunjukkan bahawa industri peralatan perubatan di Malaysia sedang berkembang pesat dan keluaran siap dipelbagaikan bagi menghasilkan produk nilai ditambah yang lebih tinggi. Projek-projek ini akan menggaji jurutera bioperubatan, teknologi perubatan, ahli kimia dan biokimia dan akan meningkatkan Malaysia dalam rantaian nilai industri ini. Kluster yang semakin meningkat juga akan menyediakan aktiviti penyumberan

luar termasuk pemesinan bagi instrumen, pengacuan, perkhidmatan pensterilan, pembungkusan perubatan steril dan perkhidmatan pengilangan elektronik (EMS).

Terdapat potensi untuk terus membangunkan Malaysia sebagai sebuah Hab Peranti Perubatan bagi R&D dan pengilangan memandangkan terdapatnya industri sokongan yang kukuh untuk peralatan perubatan, bermula dari perkhidmatan pensterilan, pembungkusan perubatan steril, kejuruteraan jitu, alatan dan dai, pengkompaunan perubatan untuk kontrak pengacuan, pemasangan dan fabrikasi mesin, serta perkhidmatan pengilangan elektronik. Kewujudan industri sokongan telah meningkatkan kedudukan Malaysia sebagai

destinasi penyumberan luar dan pembekal global bagi bahagian dan komponen untuk peralatan perubatan.

Terdapat juga trend yang semakin meningkat ke arah mencapai pensijilan standard antarabangsa seperti ISO 13485, CE Marking dan US (FDA) kerana ini adalah penting bagi syarikat-syarikat peralatan perubatan yang cuba untuk menembusi pasaran global. Badan akreditasi seperti TUV, SGS dan SIRIM telah ditubuhkan di Malaysia untuk membantu syarikat-syarikat dalam mendapatkan pensijilan antarabangsa yang menjamin bahawa peralatan perubatan buatan tempatan adalah berkualiti tinggi dan memenuhi piawaian antarabangsa.

Memandangkan Malaysia menjadi destinasi yang semakin popular bagi pengilangan produk

peralatan perubatan yang berteknologi tinggi, terdapat keperluan yang semakin meningkat bagi pekerja yang berpendidikan tinggi dan mahir. Program untuk membangunkan modal insan dalam industri ini adalah berterusan dan meliputi kerjasama antara agensi kerajaan dan sektor swasta untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran rakyat Malaysia dalam industri peralatan perubatan.

Ekosistem peralatan perubatan yang semakin meningkat akan terus menarik pelaburan yang berkualiti tinggi dari kedua-dua pelabur tempatan dan asing dan akan menggalakkan inovasi produk baharu. Kesan sampingan yang positif adalah selaras dengan inisiatif kerajaan untuk mentransformasikan Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi.

Pertanian

Sumber makanan negara

SEBANYAK 77 PROJEK PERTANIAN baru telah diluluskan pada tahun 2012 dengan pelaburan dan insentif berjumlah RM507.8 juta. Daripada jumlah ini, 93 peratus pelaburan adalah dari sumber pelaburan domestik. Projek yang diluluskan terdiri penanaman cendawan, buah-buahan dan sayur-sayuran, akuakultur dan ternakan. Antara projek utama yang diluluskan adalah sebuah projek baharu oleh syarikat milik sepenuh rakyat asing dengan pelaburan berjumlah RM117.3 juta untuk menjalankan penanaman jagung di Sri Aman, Sarawak dan sebuah projek ternakan

tenusu milik rakyat Malaysia dengan pelaburan berjumlah RM8.6 juta di Kuala Selangor, Selangor.

Sektor pertanian terdiri daripada subsektor ternakan, perikanan, buah-buahan dan sayur-sayuran yang mempunyai hubungan signifikan dengan industri pemprosesan makanan Malaysia. Di bawah NKEA Pertanian, PNK dijangka meningkat sebanyak RM21.4 bilion melalui 16 EPP dan 11 peluang perniagaan. NKEA ini juga dijangka akan menjana pekerjaan tambahan sebanyak 75,000 yang kebanyakannya



Eksport ikan dan makanan laut lain Malaysia pada tahun 2012 berjumlah RM2.5 bilion.

alah di kawasan luar bandar dan akan mengurangkan jurang pendapatan.

Jumlah eksport ikan dan makanan laut yang lain pada tahun 2012 bernilai RM2.5 bilion. Subsektor perikanan terdiri daripada perikanan tangkapan marin dan akuakultur. Akuakultur kekal sebagai segmen paling pesat berkembang dengan anggaran pengeluaran tahunan sebanyak 300,000 tan metrik. Sementara itu, eksport buah-buahan dan sayur-sayuran seperti nangka dan nanas berjumlah RM1.4 bilion pada tahun 2012 manakala jumlah import pada tahun sebelumnya

bernilai RM4.4 bilion yang terutamanya merangkumi buah-buahan musim sederhana seperti epal, anggur dan oren.

Pemprosesan Makanan


Selera yang sihat

MALAYSIA TERUS KEKAL sebagai pengimport bersih makanan. Jumlah import makanan pada tahun 2012 bernilai RM14.2 bilion berbanding dengan RM13.1 bilion pada tahun 2011, di mana kebanyakannya dalam bentuk bijirin dan penyediaan bijirin (RM1.2 bilion), kopi, teh, koko dan rempah ratus (RM4.9 bilion) serta sayur-sayuran dan buah-buahan (RM1.1 bilion). Eksport makanan berjumlah RM13.4 bilion dalam tempoh yang sama berbanding RM13.5 bilion pada tahun sebelumnya. Produk utama negara yang dieksport termasuk produk koko, kopi dan teh (RM4.5 bilion), produk yang

boleh dimakan dan penyediaan (RM4.1 bilion) dan produk makanan laut (RM0.6 bilion).

Sebanyak 52 projek dengan pelaburan berjumlah RM2.4 bilion telah diluluskan pada tahun 2012. Projek-projek utama yang diluluskan termasuk sebuah projek pembesaran oleh syarikat milik rakyat Malaysia dengan pelaburan bernilai RM214.8 juta bagi mengeluarkan makanan snek dan sebuah projek baharu oleh syarikat milik rakyat Malaysia dengan pelaburan berjumlah RM11.3 juta untuk mengeluarkan serbuk ayam yang ditulenkan, lemak ayam yang ditulenkan serta serbuk telur penuh yang ditulenkan.

Graf 30 Pelaburan diluluskan dalam sektor pemprosesan makanan, 2012 (RM juta)



Produk Kelapa Sawit

Meningkat di rantai nilai

INDUSTRI MINYAK SAWIT MALAYSIA
 Kekal sebagai salah satu industri yang paling penting di negara ini. Ia adalah penyumbang keempat terbesar kepada ekonomi negara dan pada masa ini ia menyumbang RM53 bilion kepada PNK. NKEA Minyak Sawit disasarkan akan mencapai RM178 bilion menjelang 2020.

Walaupun Indonesia merupakan pengeluar terbesar minyak sawit dunia, Malaysia adalah salah satu pengeksport komoditi terbesar dunia. Pada tahun 2011, Malaysia menyumbang 39 peratus daripada jumlah pengeluaran minyak sawit dunia dan 44 peratus daripada jumlah eksport minyak sawit. Pengguna utama minyak sawit adalah Republik Rakyat China, India dan Eropah.

Pada tahun 2012, pengeluaran minyak sawit mentah (CPO) berjumlah 18.8 juta tan berbanding dengan 18.9 juta tan pada tahun 2011, manakala pengeluaran minyak isirong sawit mentah dan kek isirong sawit masing-masing berjumlah 2.16 juta tan dan 2.14 juta tan.

Eksport produk minyak sawit Malaysia pada tahun 2012 meningkat kepada 24.6 juta tan daripada 24.3 juta tan pada tahun 2011. Eksport ini terdiri daripada minyak sawit (minyak sawit mentah dan minyak kelapa sawit yang diproses), minyak isirong sawit, kek isirong sawit, oleokimia, biodiesel, produk siap dan produk sawit yang lain. Nilai eksport menurun daripada RM80.4 bilion pada tahun 2011 kepada RM71.4 bilion pada tahun 2012. Republik Rakyat China kekal sebagai pengimport terbesar minyak sawit Malaysia pada tahun 2012 dengan jumlah 3.5 juta tan diikuti oleh India, Eropah, Pakistan dan Amerika Syarikat.

Pada tahun 2012, sebanyak 64 projek dengan pelaburan berjumlah RM2.9 bilion telah diluluskan bagi pengeluaran produk kelapa sawit. Ini merangkumi projek bagi mengeluarkan minyak sawit dan produk minyak isirong sawit, oleokimia, produk daripada biomas kelapa sawit dan penjanaan tenaga dari biomas sawit. Pelaburan domestik merupakan pelaburan terbesar bernilai RM2 bilion.

Minyak sawit dan minyak isirong sawit

Pada tahun 2012, subsektor minyak sawit dan minyak isirong sawit mencatatkan pelaburan tertinggi dalam sektor ini berjumlah RM1.2 bilion. Aktiviti utama dalam subsektor ini adalah penapisan

Industri kelapa sawit Malaysia merupakan penyumbang keempat terbesar kepada ekonomi negara dan pada masa ini menyumbang sebanyak RM53 bilion kepada PNK.

dan penghancuran dan sehingga kini terdapat 54 kilang penapisan dan 46 kilang penghancuran beroperasi di Malaysia dengan jumlah kapasiti tahunan masing-masing sebanyak 24.8 juta tan dan 6.9 juta tan. Kilang penapisan memproses sebanyak 14.1 juta tan CPO dan 1.5 juta tan minyak isirong sawit mentah pada tahun 2012 manakala kilang penghancuran memproses sebanyak 4.7 juta tan isirong sawit. Produk utama adalah *olein* dan *stearin* sawit ditapis, diluntur dan dinyahbau (RBD). Produk lain termasuk marjerin, vanaspsti dan produk lemak khusus.

Pada tahun 2012, sebanyak 14 projek dengan pelaburan berjumlah RM1.2 bilion telah diluluskan dalam subsektor minyak sawit. Kesemua 14 projek merupakan projek pembesaran/pelbagai.



Jadual 13 Projek utama diluluskan dalam tahun 2012 – minyak sawit dan minyak isirung sawit

PROJEK	PEMILIKAN	NILAI PELABURAN (RM JUTA)
Projek pembesaran mengeluarkan minyak sawit RBD, minyak kelapa sawit olein, stearin sawit RBD dan penyulingan asid lemak sawit.	Tempatan	301.2
Projek pembesaran mengeluarkan minyak sawit RBD, minyak kelapa sawit olein, stearin sawit RBD dan penyulingan asid lemak sawit.	Asing	168.7

Aktiviti penapisan dan penghancuran telah mencapai tahap kematangan di Malaysia dan tidak lagi digalakkan sebagai bidang pertumbuhan. Walau bagaimanapun, terdapat peluang yang besar dalam aktiviti hiliran yang menjana produk bernilai ditambah tinggi dan dalam subsektor biomas sawit. Bidang pertumbuhan dalam aktiviti hiliran adalah produk berdasarkan oleokimia dan pemakanan bernilai dan bahan-bahan serta aktiviti R&D yang secara amnya melibatkan tahap teknologi yang tinggi.

kegunaan lain, oleokimia dan bahan terbitannya digunakan dalam produk makanan, industri tekstil, sintesis getah, ubat-ubatan dan barang penjagaan diri.

Industri oleokimia di Malaysia menggunakan minyak sawit dalam aplikasinya. Oleh kerana minyak sawit merupakan bahan mentah yang boleh diperbaharui, oleokimia dianggap adalah lebih mesra alam jika dibandingkan dengan petrokimia yang diperolehi daripada bahan api fosil yang tidak boleh diperbaharui.

Oleokimia dan bahan terbitan

Oleokimia adalah bahan kimia terbitan dari lemak haiwan atau minyak sayuran. Terdapat lima produk asas oleokimia: asid lemak, metil ester, alkohol lemak, amina lemak dan gliserin. Antara

Industri oleokimia mencatat pertumbuhan positif pada tahun 2012 kerana ia menggunakan teknologi perkilangan yang lebih berdaya saing. Ini terbukti jelas dalam syarikat yang dahulunya mengeluarkan oleokimia asas (asid lemak, alkohol lemak dan gliserin) dan kini menghasilkan terbitan oleokimia khusus.

Jadual 14 Projek utama diluluskan dalam tahun 2012 – oleokimia

PROJEK	PEMILIKAN	NILAI PELABURAN (RM JUTA)
Projek pembesaran mengeluarkan <i>methyl ester sulphonate</i> (MES).	Tempatan	159
Projek baharu mengeluarkan ester lemak.	Tempatan	130
Projek baharu mengeluarkan <i>glycerol mono stearate</i> tersuling, <i>glycerol mono stearate</i> dan <i>acetic acid esters of monoglyceride</i> .	Usahasama	126
Projek baharu mengeluarkan <i>ethylene glycol mono-stearate</i> , <i>ethylene glycol di-stearate</i> dan <i>stearamide propyl dimethyl amine</i> .	Usahasama	99.3
Projek pembesaran mengeluarkan asid lemak, <i>glycerine</i> dan <i>soap noodles</i> .	Asing	60.1
Projek baharu mengeluarkan asid oleik dan asid lemak.	Usahasama	35.7

Dengan adanya pelbagai bahan mentah tempatan dan pelaburan berterusan dalam pembangunan teknologi, syarikat dalam industri oleokimia kini mampu untuk menghasilkan bahan kimia yang lebih luas sebagai perantaraan bagi industri polimer dan getah serta merupakan alternatif kepada bahan kimia berasaskan petroleum. Pada tahun 2012, sebanyak 10 projek telah diluluskan dengan pelaburan berjulah RM629.7 juta.

Biomas sawit

Enam jenis biomas sawit dihasilkan sebagai produk sampingan dalam industri minyak sawit: pelepah kelapa sawit, batang kelapa sawit, tandan kosong, tempurung isirong sawit, gentian *mesocarp* dan sisa kilang kelapa sawit (POME).

Malaysia boleh mendapat manfaat daripada sumbangan tambahan berjumlah RM30 bilion kepada PNK melalui penggunaan biomas daripada industri kelapa sawit bagi aktiviti hiliran bernilai ditambah tinggi. Pengeluaran bio bahan api, bio baja dan makanan haiwan dijangka akan menjana tambahan RM14 bilion setahun kepada

industri kelapa sawit dengan meningkatkan hasil produk sawit masa kini sebanyak 20 peratus yang berjumlah RM60 bilion. Dengan jangkaan hasil yang lebih tinggi dalam tandan buah segar dan peningkatan dalam kawasan tanaman, Malaysia dijangka menghasilkan antara 87 dan 96 juta tan metrik biomas setiap tahun dari tahun 2011 hingga 2015.

Dalam subsektor produk biomas sawit, sebanyak 33 projek dengan pelaburan berjumlah RM489.3 juta telah diluluskan pada tahun 2012. Pelaburan domestik mencatatkan hampir 70 peratus daripada jumlah pelaburan ini. Projek yang diluluskan adalah bagi penggunaan tandan buah kosong dan POME untuk menghasilkan baja organik, minyak sawit papan lapis, palet dan gentian.

Projek penjanaan tenaga melibatkan biomas sawit telah menarik lapan projek dengan pelaburan berjumlah RM760.8 juta pada tahun 2012 di mana pelaburan domestik adalah sebanyak RM483.4 juta manakala pelaburan asing bernilai RM277.5 juta.





Biomas kelapa sawit adalah tenaga bernilai dan boleh diperbaharui apabila menjadi biopelet atau *biomethane*

Farmaseutikal

Ubat terbaik

PERMINTAAN TERHADAP PENJAGAAN kesihatan global telah meningkat dengan pesat sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Dengan kos operasi yang kompetitif dan tenaga kerja mahir, Malaysia berada dalam kedudukan yang baik untuk memanfaatkan peningkatan dalam aktiviti pengeluaran syarikat farmaseutikal global. Sektor ini dikuasai oleh pelaburan domestik yang memberi tumpuan terutamanya kepada pengeluaran ubat generik dengan keupayaan untuk menghasilkan ubat-ubatan dalam semua bentuk dos.

Terdapat sebanyak 259 pengeluar farmaseutikal Malaysia yang dilesenkan oleh Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD), Kementerian Kesihatan Malaysia di mana lebih dua pertiga daripada jumlah ini mengeluarkan ubat tradisional. CCM Pharmaceuticals, KotraPharma, Hovid dan Pharmaniaga merupakan syarikat domestik utama yang mengeluarkan ubat generik untuk antibiotik, makanan tambahan kesihatan dan ubat suntikan. Syarikat utama multinasional global dalam sektor ini termasuk Ranbaxy, Glaxo Smith Kline (GSK) dan YSP Industries.

Sejak menjadi ahli *Pharmaceutical Inspection Convention and Pharmaceutical Inspection Cooperation/Scheme* (PIC/S) pada tahun 2002, eksport farmaseutikal negara telah meningkat secara berterusan pada kadar antara 10 hingga 12 peratus setahun. Jumlah eksport farmaseutikal dari Malaysia pada tahun 2012 berjumlah RM909.1 juta terutamanya ke negara-negara ASEAN. Lima projek dengan pelaburan

berjumlah RM258.6 juta telah diluluskan pada tahun 2012. Daripada jumlah ini, tiga merupakan projek pembesaran/pelbagai yang bernilai RM141.6 juta. Pelaburan asing menyumbang sebahagian besar daripada pelaburan dalam industri farmaseutikal dengan jumlah RM213.1



Jadual 15 Projek utama diluluskan dalam tahun 2012 – farmaseutikal

PROJEK	PEMILIKAN	NILAI PELABURAN (RM JUTA)
Projek pembesaran mengeluarkan generik farmaseutikal dan menjalankan R&D generik baharu untuk pasaran tempatan. Syarikat juga bercadang menjadikan Malaysia hab eksport untuk ASEAN, Timur Tengah, Eropah dan Republik Rakyat China.	Asing	135
Projek baharu mengeluarkan produk kemoterapi dengan aseptik untuk pasaran tempatan.	Asing	11
Projek baharu dan berteknologi tinggi mengeluarkan vaksin untuk dewasa dan pediatrik. Makmal R&D dalaman milik syarikat akan dihubungkan dengan ibu pejabat, dan majoriti tenaga kerja syarikat akan terdiri daripada latar belakang teknikal dan saintifik.	Asing	106

juta (82.4%). Projek-projek yang diluluskan dijangka akan menjana pekerjaan untuk 619 orang.

Pelaburan dalam pembesaran/pelbagai kilang dalam sektor farmaseutikal akan memenuhi matlamat Kerajaan untuk meningkatkan produktiviti dan mencapai pertumbuhan mampan jangka panjang

dalam menghasilkan produk farmaseutikal bernilai ditambah tinggi. Kemunculan projek baharu seperti biofarmaseutikal dan vaksin akan merangsang lagi jentera teknologi dan penyelidikan sektor ini dan akan membangunkan kelompok produk farmaseutikal baharu dan khusus yang akan menggalakkan pembangunan dan pengilangan produk farmaseutikal khusus.

Produk Kimia

INDUSTRI KIMIA MERANGKUMI subsektor bahan kimia pertanian, gas perindustrian, bahan kimia bukan organik, cat, sabun dan pencuci, kosmetik dan dandan diri dan produk kimia lain (sila lihat Jadual 16). Trend pelaburan pada tahun 2012 menunjukkan potensi dalam perkembangan kapasiti produk bagi pembekalan pasaran domestik dan eksport. Sebanyak 53 projek dengan pelaburan berjumlah RM5.1 bilion telah diluluskan pada tahun ini dimana 94 peratus (RM4.7 bilion) telah disumbangkan oleh sumber asing. Projek yang diluluskan dijangka

akan menjana peluang pekerjaan baharu bagi 1,521 orang.

Projek penting milik rakyat asing yang diluluskan pada tahun 2012 termasuk sebuah projek pembesaran bagi pengeluaran *polycrystalline silicon* di Sarawak (RM2.7 bilion) untuk menyokong kluster solar di Malaysia dan juga sebuah projek baharu untuk menghasilkan *L-Methionine, ammonium sulfate, ammonium acetate, single cell protein* dan *liquid fertilizer* (RM1.2 bilion). Terdapat juga sebuah pelaburan penting dalam projek pembesaran milik rakyat

Rencana 6 Potensi Malaysia sebagai pusat R&D farmaseutikal

Selamat datang ke *Pharmville*

Malaysia muncul dengan pesat sebagai pusat R&D farmaseutikal yang didorong oleh pelbagai populasi pesakit, tenaga kerja mahir dan perlindungan harta intelek yang kukuh.

NKEA Penjagaan Kesihatan berhasrat memanfaatkan penamatan paten farmaseutikal baru-baru ini dengan mengambil peluang terhadap farmaseutikal generik. Transformasi industri farmaseutikal adalah dari pelbagai penjuru dan akan merangkumi pengwujudan satu platform eksport, penyumberan produk tempatan dan meningkatkan mutu produk sedia ada serta mewujudkan kerjasama antara syarikat multinasional dan pengeluar tempatan.

Malaysia kini mensasarkan 20 pasaran dengan pertambahan jualan tahunan berjumlah RM160 juta bagi produk farmaseutikal tempatan menjelang 2020. Secara dasarnya, sasaran NKEA bagi farmaseutikal adalah untuk mencapai PNK berjumlah RM13.9 bilion dan mewujudkan 12,440 pekerjaan menjelang tahun 2020. Untuk kekal berdaya saing, pengeluar farmaseutikal tempatan kini sedang menumpukan kepada segmen khusus bermargin tinggi, biofarmaseutikal dan generik berjenama termasuk *biosimilars*. Pada masa ini, syarikat R&D secara agresif mencari formulasi drug baharu, sistem penyampaian drug baharu dan pembangunan proses produk. Institut penyelidikan tempatan yang

terlibat di dalam aktiviti R&D termasuk SIRIM, FRIM, MARDI, IPHARM dan CENAR.

Pensijilan antarabangsa seperti *CE Marking, US FDA* dan pensijilan dari *European Medicines Agency (EMEA)* adalah penting bagi syarikat farmaseutikal untuk menceburi pasaran global. Badan-badan akreditasi antarabangsa seperti *TÜV, SGS* dan *National Pharmaceutical Control Bureau (NPCB)* wujud di Malaysia bagi membantu syarikat-syarikat mendapatkan pensijilan-pensijilan ini. Ini adalah bagi memastikan produk-produk farmaseutikal yang dikeluarkan oleh pengeluar tempatan adalah berkualiti tinggi dan mencapai piawaian antarabangsa.

Kerajaan telah membangunkan taman-taman berteknologi tinggi dan taman-taman sains untuk memenuhi keperluan industri farmaseutikal. Taman-taman ini merangkumi bangunan-bangunan canggih terkini dengan fungsi-fungsi khusus dan menawarkan kemudahan berteknologi tinggi bersepadu sepenuhnya. Antara taman-taman yang meletakkan industri farmaseutikal sebagai salah satu daripada industri sasaran mereka adalah Taman Teknologi Malaysia, Pusat

Teknologi Pintar UKM-MTDC, Taman Teknologi Tinggi Kulim dan ENSTEK *The Sci-Tech City*.

Memandangkan sifat industri farmaseutikal yang sangat berintensifkan teknologi dan penyelidikan, profesional berkelayakan adalah diperlukan untuk melaksanakan tugas yang memerlukan skil kemahiran tinggi dan khusus. Kursus yang berkaitan dengan farmasi adalah seperti mikrobiologi, bioteknologi, biokimia, sains *biomedicinal* adalah ditawarkan oleh beberapa buah universiti awam dan institusi pengajian tinggi swasta bagi memenuhi keperluan ekosistem farmaseutikal.

Malaysia pesat berkembang menjadi lokasi yang menarik bagi industri farmaseutikal. Industri farmaseutikal tempatan sedang memperlbaikkan pengeluaran produk bernilai ditambah tinggi. Sebagai contoh,

pengenalan vaksin-vaksin telah meluaskan keseluruhan rantaian nilai industri.

Malaysia kini muncul sebagai pusat R&D farmaseutikal yang didorong oleh pelbagai populasi pesakit, data berkualiti, kos yang kompetitif, tenaga kerja mahir dan perlindungan harta intelek yang kukuh. Melalui kerjasama erat antara pelbagai pihak berkepentingan yang terlibat dalam sektor farmaseutikal, pihak industri utama di Malaysia berada di kedudukan strategik untuk menyokong pemindahan teknologi yang diperlukan untuk mengembangkan asas pengilangan yang kukuh. Insentif fiskal dan bukan fiskal yang disediakan oleh kerajaan bagi syarikat farmaseutikal juga telah menyumbang kepada perkembangan industri dan akan terus menarik pelaburan dari kedua-dua sumber asing dan tempatan.



asing untuk mengeluarkan *titanium dioxide pigment, ferrous sulphate, ferric sulphate dan gypsum putih* di Terengganu (RM275 juta). Projek ini akan menyokong industri cat, baja dan dakwat percetakan.

Pelaburan utama lain termasuk sebuah projek baharu milik rakyat asing untuk mengeluarkan wayar enamel berdasarkan polimer, *impregnating varnishes, potting dan casting materials* (RM105 juta) serta sebuah

projek pembesaran untuk pengeluaran kalsium karbonat bersalut dan tidak bersalut (RM53.4 juta) yang akan memberikan sokongan yang besar untuk industri pembinaan dan minyak dan gas.

Satu lagi projek pembesaran oleh syarikat milik rakyat tempatan yang mengeluarkan *granulated compound fertilizer* (RM42.4 juta) akan menyokong sektor pertanian negara.

Jadual 16 Produk utama industri kimia dihasilkan di Malaysia

SUBSEKTOR KIMIA	PRODUK
Bahan Kimia Pertanian	Baja, racun herba dan racun perosak
Gas Perindustrian (bentuk gas dan cecair)	Oksigen, nitrogen, hidrogen, karbon dioksida, asetilena, argon dan nitrus oksida
Bahan Kimia Bukan Organik	Chloro-alkali, asid dan beberapa kimia khusus seperti silikat, oksida, hidroksida, asid, bahan kimia elektronik, pemangkin dan bahan kimia sisa rawatan
Cat	Cat dan produk berkaitan seperti varnis, laka, <i>lacquer</i> dan <i>thinner</i> .
Sabun, Detergen, Kosmetik Dan Dandanan Diri	Produk penjagaan peribadi dan kelengkapan tandas seperti sabun mandi, syampu dan ubat gigi

Jadual 17 Pelaburan dalam industri kimia, 2012

PROJEK	BILANGAN PROJEK	NILAI PELABURAN (RM JUTA)
Mengeluarkan produk kimia seperti <i>polycrystalline silicone, siliconchloride, pigments, synthetic nanoclay particles, calcined ferrite granules/powder, silica aerogel/powder, polymeric phenol antioxidants</i> dan lain-lain.	15	3,197
Mengeluarkan bahan kimia pertanian seperti baja, racun rumput, racun kulat dan racun perosak.	19	1,483
Mengeluarkan gas perindustrian seperti hidrogen dan nitrogen bentuk cecair dan oksigen.	10	264.9
Mengilang serbuk detergen sintetik, bar detergen sintetik, pelembut fabrik, pencuci pinggan mangkuk, cecair detergen dobi, syampu badan dan bedak talkum.	3	81.1
Mengeluarkan cat.	1	19.1
Mengitar semula tayar terguna/sekerap untuk menghasilkan minyak bahan api, karbon hitam dan jaringan keluli.	2	18.2
Mengitar semula minyak yang telah digunakan untuk menghasilkan minyak asas, pelarut, minyak bahan api dan lain-lain bahan kimia yang boleh dikitar semula.	3	8.5
JUMLAH	53	5,071.8

Bioteknologi

Enjin pertumbuhan baharu

BIOTEKNOLOGI MUNCUL SEBAGAI enjin pertumbuhan yang besar dalam ekonomi global dan Malaysia telah menunjukkan potensi untuk menjadi sebuah negara bioteknologi utama di pentas global sains hayat. Pelbagai sektor di bawah skop bioteknologi cenderung untuk terus mempelbagaikan aktiviti mereka di masa hadapan yang didorong oleh pembangunan berterusan teknologi baharu merentasi pelbagai bidang sains termasuk teknik-teknik selular, kejuruteraan genetik, struktur biologi molekul, bioinformatik dan teknologi DNA rekombinan.

Seperti yang dinyatakan dalam RMK-10, Malaysia sedang mengukuhkan kedudukannya untuk pengkomersilan dan inovasi dalam industri bioteknologi. Di samping menempatkan bioteknologi sebagai enjin baharu ekonomi, Dasar Bioteknologi Nasional (NBP) bertujuan untuk meningkatkan R&D dalam bidang tersebut dan memperolehi teknologi baharu untuk menyokong dalam pembangunan. Di samping itu, NBP akan menggalakkan pembangunan modal insan untuk menyokong pertumbuhan

dalam pertanian, penjagaan kesihatan dan bioteknologi perindustrian.

Pada masa ini, terdapat sebanyak 219 syarikat berstatus Bionexus di Malaysia dengan jumlah pelaburan bernilai RM2.93 bilion. Lebih separuh daripada syarikat ini adalah syarikat tempatan dengan penglibatan yang sama rata di antara penjagaan kesihatan, perindustrian dan bioteknologi pertanian. Secara amnya, syarikat tersebut terlibat dalam genomik tumbuhan, pembiakan haiwan, nutraceutical, kejuruteraan sel stem, bio-pemulihan dan bio-bahan api. Sebanyak 16 projek dengan pelaburan bernilai RM2.9 bilion telah diluluskan pada tahun 2012 di mana 11 merupakan syarikat berstatus Bionexus dengan pelaburan berjumlah RM451.7 juta. Projek yang diluluskan akan menyediakan potensi peluang pekerjaan untuk 1,493 individu.

Antara projek yang telah diluluskan pada tahun 2012 termasuk pelaburan dalam kemudahan untuk menghasilkan *bio-methionine*, bio-farmaseutikal (insulin dan analog insulin), probiotik (penyediaan sel mikrob) bagi industri

Jadual 18 Projek utama diluluskan dalam tahun 2012 - bioteknologi

PROJEK	PEMILIKAN	NILAI PELABURAN (RM JUTA)
Pengilangan <i>bio-methionine</i> berdasarkan penapaian.	Usahasama	1,150
Pengeluaran produk biofarmaseutikal plasma, kilang pemeringkatan plasma yang pertama di rantau ASEAN untuk memberi tumpuan kepada pemprosesan produk biofarmaseutikal.	Tempatan	695.6
Pembangunan dan pengeluaran biofarmaseutikal seperti insulin dan analog insulin. Projek ini adalah pengilangan biopharma dan kemudahan pembangunan bersepadu yang pertama di Malaysia yang akan mematuhi standard amalan pengilangan USFDA dan EMEA (CGMP) yang terbaru.	India	577

penjagaan kesihatan, baja sebatian bio-kimia, plasma darah, spat tiram dan tiram dewasa dan ikan marin yang menggunakan produk berdasarkan bioteknologi.

Pelaburan baharu dalam sektor ini menunjukkan pertumbuhan yang berterusan dalam industri bioteknologi global dan akan menyediakan peluang pekerjaan baharu dan pembangunan kerjaya untuk tenaga kerja tempatan dalam bidang penapaian, kejuruteraan kimia, bioteknologi dan biologi molekul. Menjelang 2020, industri bioteknologi dijangka menggaji kira-kira 280,000 orang dan akan menyumbang 5 peratus kepada KDNK negara dengan anggaran pelaburan berjumlah RM8 bilion.

Menjelang 2020, industri bioteknologi dijangka akan menggaji 280,000 orang pekerja dan menyumbang sebanyak 5 peratus kepada KDNK.

Petroleum dan Produk Petrokimia

Peluang yang mendalam

INDUSTRI PETROLEUM DAN PETROKIMIA

merupakan sektor penting di Malaysia yang merangkumi tiga subsektor: gas asli, produk petroleum dan petrokimia. Peningkatan bilangan loji petrokimia yang mengeluarkan pelbagai jenis produk petrokimia telah mentransformasikan negara daripada pengimport bersih kepada pengeksport produk petrokimia utama.


Projek yang diluluskan pada tahun 2012 menunjukkan pembangunan pesat industri petrokimia di Malaysia adalah kerana terdapatnya bekalan minyak dan gas sebagai bahan mentah, infrastruktur yang maju, perkhidmatan sokongan yang kukuh, kos berdaya saing negara serta lokasi yang strategik di Asia dan berdekatan dengan pasaran utama antarabangsa.

Sebanyak 14 projek bernilai RM6 bilion telah diluluskan pada tahun 2012 di mana hampir 80 peratus adalah daripada pelabur tempatan. Projek yang diluluskan berpotensi akan menyediakan pekerjaan bagi 1,274 orang. Antara projek utama yang diluluskan adalah sebuah projek baharu oleh syarikat milik rakyat Malaysia untuk mengeluarkan *ammonia* dan *urea* butiran di Sabah. Projek ini akan mengoptimumkan nilai sumber minyak dan gas yang ditemui di luar pesisir negeri Sabah, dan dijangka dapat membangun dan mengembangkan kawasan perindustrian di Sipitang serta menyokong NKEA pertanian di bawah ETP Malaysia. Projek ini bernilai RM4.5 bilion.



Malaysia telah menunjukkan potensi untuk menjadi negara bioteknologi utama di pentas global sains hayat.

Graf 31 Industri petroleum dan petrokimia



Sebuah lagi projek utama adalah di Terengganu di mana sebuah syarikat milik asing bercadang untuk mengeluarkan *methyl mercaptan*, *dimethyl disulfide*, *n-dodecylmercaptan*, *ethyl mercaptan* dan *tetrahydrothiophene*. Projek yang bernilai RM795 juta ini akan menyokong pengeluaran loji bio-methionine yang menghasilkan bio-asid amino untuk makanan haiwan di negeri tersebut.

Di negeri Johor, sebuah syarikat milik asing telah melabur RM371 juta dalam projek untuk mengeluarkan *polybutadiene*, yang digunakan secara meluas dalam pengeluaran barang getah sintetik seperti tayar, kasut dan produk lain berdasarkan *polystyrene*.

Plastik


Berteraskan kualiti

INDUSTRI PRODUK PLASTIK TERDIRI daripada pelbagai subsektor dengan pelbagai aplikasi berguna. Subsektor pembungkusan plastik yang merangkumi produk boleh lentur dan tegar, kekal sebagai subsektor terbesar yang meliputi beg, kepingan, filem, hos dan bekas. Proses pengeluaran utama dalam industri ini adalah penyemperitan filem, pengacuan suntikan, penyemperitan paip and profail, pengacuan tiupan dan pengacuan busa. Pertumbuhan

aktiviti pemprosesan plastik hiliran domestik adalah hasil daripada sektor petrokimia yang maju di Malaysia. Sektor ini menyediakan bekalan yang stabil untuk industri plastik dengan kemudahan pengeluaran resin berskala dunia dalam menghasilkan *polyethylene (PE)*, *polypropylene (PP)*, *polyvinylchloride (PVC)*, *polystyrene (PS)*, *acrylonitrile butadiene styrene (ABS)*, *polyacetal (PA)*, *polyester copolymers*, *styrene acrylonitrile (SAN)* dan *polybutylene terephthalate (PBT)*.

Pengeluaran plastik mencapai nisbah pusing ganti eksport yang tinggi dengan meningkat dirantai nilai dengan memberi lebih tumpuan kepada kualiti produk mereka.

Graf 32 Pelaburan dalam projek diluluskan dalam industri produk plastik mengikut subsektor, 2012



Pertumbuhan dalam industri plastik di Malaysia adalah lebih perlahan pada tahun 2012 di mana industri mencatatkan jumlah perolehan bernilai RM8 bilion bagi tempoh enam bulan pertama tahun 2012. Prestasi yang lebih lemah adalah disebabkan oleh krisis hutang Kesatuan Eropah yang berpanjangan, pertumbuhan perlahan pasaran global dan pasaran domestik yang lembap. Industri E&E dan industri automotif yang mempunyai kepentingan khusus kepada industri plastik mengalami pertumbuhan mendatar. Secara keseluruhannya, eksport industri meningkat sedikit sebanyak 1.2 peratus daripada jumlah RM5 bilion dalam tempoh enam bulan pertama tahun 2011 kepada RM5.1 bilion dalam tempoh enam bulan pertama tahun 2012. Pengeluar produk plastik telah berjaya mencapai nisbah jumlah pusing ganti eksport yang tinggi memandangkan mereka berupaya meningkat di rantai nilai dengan memberi lebih tumpuan kepada kualiti produk mereka. Industri plastik Malaysia akan terus berkembang walaupun dengan prospek global yang suram dan cabaran yang kuat di masa hadapan.

Sebanyak 57 projek dengan pelaburan berjumlah RM1.1 bilion telah diluluskan pada tahun 2012

yang akan menyediakan peluang pekerjaan kepada 3,910 orang. Subsektor pembungkusan kekal menerusi pada tahun 2012 dengan 14 projek dan pelaburan bernilai RM186.1 juta. Kebanyakan projek ini adalah bagi mengeluarkan pembungkusan mudah lentur, kepingan, beg dan filem.

Sebanyak 34 projek telah diluluskan dalam subsektor pengguna dan perindustrian (RM532.9 juta). Di samping itu, sembilan projek telah diluluskan dalam subsektor komponen E&E dan automotif dengan pelaburan berjumlah RM389.9 juta.

Antara projek utama yang diluluskan termasuk sebuah projek usahasama baharu dengan pelaburan berjumlah RM75.5 juta untuk mengeluarkan hos mudah lentur, sebuah projek milik sepenuh rakyat asing dengan pelaburan berjumlah RM287.4 juta bagi mengeluarkan *polyimide film* dan sebuah projek milik sepenuh rakyat Malaysia dengan pelaburan baharu berjumlah RM35.3 juta untuk mengeluarkan bekas plastik, kepingan plastik dan filem plastik.

Getah


Melantun ke hadapan

INDUSTRI PRODUK GETAH MALAYSIA DARI segi teknikal telah tertubuh dan boleh dikategorikan kepada produk lateks, tayar dan produk berkaitan tayar, produk getah perindustrian dan produk getah am. Industri yang didominasi oleh pengusaha kecil dan sederhana (IKS) ini sedang menuju ke arah produk getah bernilai

ditambah tinggi dan berteknologi tinggi untuk aplikasi kejuruteraan, pembinaan dan marin.

Industri produk getah di Malaysia merupakan satu contoh kes terbaik bagi perindustrian getah. Malaysia sememangnya merupakan pemain global dalam industri getah dengan terdapatnya bahan

Graf 33 Pelaburan dalam projek diluluskan dalam industri getah mengikut subsektor, 2012



mentah yang berkualiti dan mendapat sokongan R&D dari Pusat Penyelidikan Tun Abdul Razak (TARRC) dan Lembaga Getah Malaysia (LGM).

Agenzi kerajaan dan swasta sentiasa bekerjasama dalam usaha R&D yang berterusan untuk meningkatkan kecekapan, kualiti dan produktiviti. Walau bagaimanapun, bidang R&D terpilih perlu dipergiat dan ditekankan untuk mengekalkan daya saing industri. Produk bernilai ditambah tinggi berasaskan R&D untuk menghasilkan klon baharu, getah khusus dan teknologi perkilangan termaju akan terus mengukuhkan lagi kedudukan Malaysia dalam pasaran global. Pihak industri perlu menerokai potensi produk getah khusus sebagai '*green rubber*'. Untuk memenuhi permintaan pasaran dan permintaan R&D, pihak industri perlu mewujudkan satu kumpulan pakar dalam teknologi getah, bahan termaju, acuan dan dai dan teknologi nano.

Sebanyak 17 projek dengan pelaburan berjumlah RM1.2 bilion telah diluluskan dalam industri

Industri produk getah di Malaysia adalah contoh kes terbaik perindustrian getah

produk getah (tidak termasuk peranti perubatan). Pelaburan terutamanya adalah produk tayar dan produk berkaitan tayar, lateks sintetik serta produk getah perindustrian dan produk getah am. Projek yang diluluskan dijangka akan menjana sebanyak 1,680 peluang pekerjaan.

Projek utama yang diluluskan termasuk sebuah projek baharu oleh syarikat milik sepenuhnya rakyat asing untuk mengeluarkan tayar kereta penumpang, tayar SUV, tayar 4x4, tayar trak ringan dan tayar eko dengan pelaburan berjumlah RM891.9 juta dan sebuah projek baharu dengan hakmilik majoriti rakyat asing untuk mengeluarkan lateks sintetik dengan pelaburan berjumlah RM128.1 juta.

Kayu dan produk kayu dan perabot

Kemajuan yang menggalakkan

SEKTOR BERASASKAN KAYU MALAYSIA telah menjadi salah satu sektor yang paling penting di negara ini sejak dua dekad yang lalu. Sehingga kini, dianggarkan 5,000 pengeluar beroperasi dalam pelbagai subsektor industri yang terdiri daripada aktiviti huluan dan hiliran serta aktiviti pemprosesan kayu sekunder dan tertiari.


Industri ini sebahagian besarnya dimiliki oleh rakyat Malaysia dimana kira-kira 87 peratus daripada syarikat tersebut terdiri daripada pengeluar berskala kecil dan sederhana. Sejak beberapa tahun, ia telah berkembang daripada industri pemprosesan asas kepada industri yang lebih maju dan dipacu oleh teknologi yang menghasilkan bilangan besar produk hiliran bernilai ditambah.

Dasar Perindustrian Kayu Negara (NATIP) yang diperkenalkan pada tahun 2009 telah mendorong industri berdasarkan kayu untuk kekal mampan dan berdaya saing dalam persekitaran global yang mencabar semenjak tiga tahun kebelakangan.

Pada tahun 2012, sebanyak 100 projek telah diluluskan dengan pelaburan berjumlah RM890.7 juta. Projek ini dijangka akan menyediakan peluang pekerjaan kepada 7,274 orang.

Pada tahun 2012, subsektor perabot mencatatkan pelaburan tertinggi berjumlah RM395.6 juta (44%). Sebanyak 53 projek telah diluluskan dalam subsektor ini di mana 47 projek merupakan projek baharu bernilai RM248.9 juta atau 63 peratus daripada subsektor. Industri perabot

Graf 34 Pelaburan diluluskan dalam industri berdasarkan kayu mengikut subsektor, 2012 (RM juta)



Malaysia adalah sangat berfragmen dengan penguasaan IKS yang menghasilkan sumbangan yang sama dari segi nilai output kasar, produk bernilai ditambah, pekerjaan, gaji dan nilai aset.

Sejak tahun kebelakangan ini, kecenderungan untuk menggunakan bahan mentah alternatif seperti biomas sawit (batang kelapa sawit, tandan kosong, pelepas), kenaf dan sisa pertanian lain seperti sekam padi, batang kelapa dan habuk papan untuk menghasilkan produk bernilai ditambah tinggi telah meningkat dengan pesat di kalangan pihak industri. Subsektor ini telah membangun pesat dengan pelaburan berjumlah RM339.3 juta atau 38 peratus daripada jumlah pelaburan dalam 26 projek. Ini adalah selaras dengan inisiatif Kerajaan untuk menukar bahan buangan kepada produk bernilai ditambah tinggi serta juga untuk menggalakkan produk hijau.

Dalam subsektor produk panel, tiga projek telah diluluskan dengan pelaburan berjumlah RM40.4 juta. Projek yang diluluskan adalah bagi pengeluaran papan habuk, papan berlamina dan panel lantai.

Empat projek, terutamanya bagi pengeluaran pintu, bingkai gambar kayu dan pintu berkejuruteraan telah diluluskan dalam subsektor kumai dan pertukangan pembina dan *joinery* dengan pelaburan berjumlah RM17.3 juta.

Sebanyak 14 projek dengan pelaburan berjumlah RM98.1 juta telah diluluskan bagi

pengeluaran produk berasaskan kayu dan bahan lain seperti pelet kayu, pelet, kayu bergergaji dan kepingan gentian kelapa.

Beberapa projek besar yang telah diluluskan termasuk sebuah syarikat milik sepenuh rakyat Malaysia dengan pelaburan berjumlah RM90 juta untuk mengeluarkan kayu kejuruteraan daripada batang kelapa sawit (OPT). Projek ini adalah kerjasama sebuah syarikat dengan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan sebuah syarikat dari Amerika Syarikat dalam proses pengeluaran R&D di mana akan bertempat di Siliau, Negeri Sembilan. Ianya akan mewujudkan peluang pekerjaan kepada kira-kira 100 rakyat Malaysia.



SIRIM telah mencipta teknik untuk membuat perabot tahan lama, berkualiti tinggi daripada komposit kayu sekam padi.

Rencana 7 Ekosistem produk industri berdasarkan kayu

Hasil keluaran hutan

Malaysia sedia menjadi pengeluar produk perabot bernilai tinggi


Industri berdasarkan kayu Malaysia telah menggariskan hala tuju baharu melalui NATIP untuk membangunkan ekosistem bagi memastikan kewujudan berterusan bahan mentah di masa hadapan. Selaras dengan ini, Pusat Pembangunan Biokomposit dan Gentian (FIDEC) telah ditubuhkan untuk menjalankan aktiviti R&D dan latihan yang berterusan untuk mengeluarkan pelbagai produk daripada biomas dan sisa pertanian.

Pengembangan peluang pasaran bagi produk biomas dan biokomposit

menawarkan peluang besar bagi industri berdaya kekal mampan dan kompetitif. Permintaan terhadap produk biomas dan biokomposit di pasaran antarabangsa dijangkakan akan meningkat dengan ketara berikutan aktiviti R&D yang berterusan oleh pihak industri untuk meningkatkan kekuatan dan ketahanan produk.

Di samping itu, terdapat beberapa universiti dan pusat latihan seperti WISDEC dan FITEC menawarkan kursus komprehensif untuk membangunkan modal insan untuk meningkatkan terutamanya keupayaan rekabentuk dan penjenamaan, khususnya dalam industri perabot, dan seterusnya untuk mengeluarkan produk bernilai tinggi dan mewujudkan jenama Malaysia.





Produk galian bukan logam

Bergerak ke atas

INDUSTRI PRODUK GALIAN BUKAN

logam terdiri daripada produk seramik dan berasaskan tanah liat, produk simen dan konkrit, produk kaca, dan produk galian bukan logam lain seperti kapur, *barite*, marmar dan granit. Pada tahun 2012, industri ini merupakan pengekspor ke 14 terbesar dengan jumlah eksport bernilai RM5.8 bilion yang menyumbang kira-kira 1.2 peratus kepada jumlah eksport barang pengilangan. Malaysia telah mengimport produk galian bukan logam berjumlah RM5.3 bilion bagi tempoh yang sama. Eksport utama termasuk kaca dan barang kaca (RM2.3 bilion), produk galian (RM1.4 bilion), dan kapur, simen dan bahan binaan fabrikasi (RM935.6 juta). Destinasi eksport utama adalah Singapura, Jepun dan Indonesia.

Sebanyak 22 projek galian bukan logam telah diluluskan pada tahun 2012 dengan jumlah pelaburan bernilai RM638.3 juta. Daripada 22 projek yang diluluskan, tiga projek (RM51.5 juta) adalah bagi produk kaca, enam projek (RM280.5 juta) adalah produk simen dan konkrit, 11 projek (RM227.2 juta) merupakan pengilangan produk seramik dan tanah liat dan dua projek (RM79.1 juta) adalah galian bukan logam lain.

Tiga projek utama telah diluluskan pada tahun 2012 di mana projek yang terbesar merupakan projek baharu usahasama Malaysia-Taiwan dengan pelaburan berjumlah RM145 juta untuk mengeluarkan *ground granulated blast-furnace slag*. Produk ini boleh dianggap sebagai bahan


Industri produk galian bukan logam merupakan penyumbang ke 14 terbesar pendapatan eksport negara pada tahun 2012

kitar semula dan dapat mengurangkan dengan ketara penggunaan tenaga dan pelepasan gas rumah hijau semasa proses pengeluaran bahan mentah konkrit. Kira-kira 90 peratus daripada pengeluaran akan dibekalkan ke pasaran tempatan.


Projek kedua merupakan sebuah projek milik sepenuh rakyat asing dengan pelaburan berjumlah RM77.6 juta untuk mengeluarkan gentian karbon dan bahagian dan komponen grafit bagi jentera dan kelengkapan. Dengan perkembangan ini, yang dijangka akan menjana 138 peluang pekerjaan di mana 20 peratus adalah terdiri daripada jawatan mahir dan teknikal, akan melihat 80 peratus pengeluaran dieksport ke Jepun.

Projek ketiga merupakan satu projek usahasama Malaysia-Singapura dengan pelaburan berjumlah RM71 juta untuk mengeluarkan dan membekalkan produk berkalsium tinggi dan kapur perindustrian berkitar semula tinggi

Graf 35 Ekosistem seramik termaju



Graf 36 Pelaburan diluluskan dalam industri produk galian bukan logam mengikut subsektor, 2012 (RM juta)



seperti kapur terhidrat, kapur tohor, serbuk kalsium karbonat dan *lime slurry* kepada pelbagai industri. Kira-kira 95 peratus daripada pengeluaran akan dibekalkan ke pasaran tempatan.

Subsektor seramik termaju yang terdiri daripada bahagian dan komponen bagi aplikasi industri elektronik, aeroangkasa, perubatan dan industri berteknologi tinggi lain, merupakan bidang pertumbuhan yang berpotensi dalam industri produk galian bukan logam. Ini boleh dikaitkan dengan status Malaysia sebagai salah satu daripada peneraju dunia dalam pengeluaran komponen E&E. Pada tahun 2012, industri E&E telah mengeksport keluaran bernilai RM231.2 bilion yang kebanyakannya terdiri daripada semikonduktor dan komponen yang menggunakan seramik termaju sebagai bahan mentah.

Kemajuan teknologi tinggi di dalam industri E&E, aeroangkasa dan sains hayat akan menyediakan peluang yang luas kepada penggunaan bahan seramik termaju. Faktor-faktor ini boleh meningkatkan kedudukan Malaysia sebagai lokasi utama untuk penghasilan produk seramik termaju.

Malaysia juga menempatkan kedudukannya untuk membangunkan ekosistem sektor seramik termaju dengan menyediakan bahan mentah, perkhidmatan sokongan dan pusat R&D. Pengembangan peluang pasaran terhadap seramik dan komposit memerlukan lebih ramai pakar sains dan jurutera dengan latar belakang yang luas dalam bidang ini.

Kini terdapat beberapa universiti dan pusat latihan R&D yang menawarkan kursus komprehensif dan menyediakan penyelidikan



Karang tiruan seramik yang dibangunkan oleh SIRIM Berhad terbukti berjaya dalam memulihkan terumbu karang Malaysia.

dalam seramik dan bahan komposit. SIRIM Berhad, Advanced Material Research Centre (AMREC) dan Ceramic Technology Excellence Centre menggalakkan pengetahuan mendalam di peringkat awal mengenai bahan termaju dalam

proses rekabentuk industri. Pihak universiti juga menggalakkan peningkatan inovasi untuk menjadikan produk mempunyai kelebihan berdaya saing.

Kertas, percetakan dan penerbitan

Kelihatan cantik

INDUSTRY KERTAS, PERCETAKAN DAN penerbitan merangkumi pengilangan pulpa, kertas, produk kertas, serta aktiviti percetakan dan penerbitan. Sejak tahun kebelakangan ini, industri kertas Malaysia telah secara progresif meningkatkan kapasiti pengeluarannya sebanyak dua kali ganda dengan mencatatkan 90 peratus kecukupan upaya dalam pembekalan kertas dan produk kertas dan menyediakan peluang pekerjaan kepada 4,000 orang setakat ini.

Pada 2012, import kertas dan produk kertas berjumlah RM6.5 bilion manakala eksport pula bernilai RM3.5 bilion. Sebanyak 27 projek telah

diluluskan dengan pelaburan berjumlah RM871.6 juta. Projek ini dijangka akan menyediakan peluang pekerjaan kepada hampir 2,000 orang dengan 20 peratus daripada pekerjaan ini adalah dalam kategori berpendapatan tinggi. Pelaburan tertinggi dicatatkan adalah bagi percetakan dan penerbitan (RM490.3 juta) diikuti oleh produk kertas (RM339.8 juta) dan pulpa dan kertas (RM41.6 juta).

Antara projek penting yang diluluskan adalah sebuah syarikat milik sepenuh rakyat asing dengan pelaburan berjumlah RM193 juta bagi mengeluarkan *dye sublimation thermal transfer film and paper* di Pasir Gudang, Johor dengan menggunakan teknologi tinggi Jepun.

Pelaburan dalam sektor utama

Memanfaatkan sumber asli negara

SEKTOR UTAMA TERDIRI DARIPADA subsektor pertanian, perlombongan serta perladangan dan komoditi.

Pada tahun 2012, sektor ini telah menarik pelaburan bernilai RM3.8 bilion dalam 102 projek.



Pertanian

PADA TAHUN 2012, SEBANYAK 77 PROJEK telah diluluskan dengan jumlah pelaburan bernilai RM507.8 juta. Pelaburan domestik berjumlah RM471.5 juta (92.8%) manakala pelaburan asing berjumlah RM36.3 juta (7.2%). Projek ini dijangka akan mewujudkan 2,526 peluang pekerjaan.

Perlombongan

PELABURAN DALAM SUBSEKTOR perlombongan terdiri dari projek carigali minyak dan gas dan perlombongan galian lain seperti emas dan tembaga. Pada tahun 2012, sebanyak 18 projek telah diluluskan dengan pelaburan bernilai RM2.8 bilion. Pelaburan asing berjumlah RM1.8 bilion (64%) manakala pelaburan

domestik bernilai RM977.8 juta (36%). Pelaburan dalam carigali minyak dan gas merupakan 99 peratus daripada jumlah pelaburan dalam subsektor ini.


Perladangan dan Komoditi

PADA TAHUN 2012, PELABURAN BERNILAI RM548.7 juta telah diluluskan dalam subsektor perladangan dan komoditi di mana kesemuanya merupakan pelaburan domestik. Sejumlah RM362.8 juta atau 66.1 peratus daripada pelaburan ini adalah dalam pengeluaran minyak sawit manakala RM185.9 juta (33.9%) adalah dalam pengeluaran getah.



Halatuju masa depan

*Sektor perkhidmatan terus
menyokong ekonomi negara*





**Halatuju masa
depan**

**Pertumbuhan
pesat sektor
perkhidmatan
menambah
dimensi baru
kepada ekonomi
Malaysia**

U saha Kerajaan untuk memajukan sektor perkhidmatan dalam menyokong pertumbuhan ekonomi Malaysia terus membawa hasil pada tahun 2012 dan sektor ini dijangka akan terus meningkatkan sumbangan

kepada ekonomi dalam dekad ini. Sektor ini telah menarik sumbangan terbesar pelaburan yang telah diluluskan dalam ekonomi pada tahun lepas (RM117.6 bilion) yang mengatasi jumlah pelaburan diluluskan bernilai RM70.4 bilion dalam tahun 2011 sebanyak 67 peratus. Pelaburan domestik bernilai RM105.4 bilion menyumbang 90 peratus daripada pelaburan, dan bakinya adalah merupakan pelaburan asing.

Sektor perkhidmatan merangkumi pelbagai perkhidmatan yang luas termasuk pertubuhan serantau; perkhidmatan sokongan; syarikat berstatus MSC; harta tanah (perumahan); pengangkutan; tenaga; telekomunikasi; perdagangan pengedaran; perhotelan dan

Pelabur domestik menyumbang kepada 90 peratus daripada pelaburan dalam sektor perkhidmatan pada tahun 2012.

pelancongan; perkhidmatan kewangan; perkhidmatan kesihatan dan perkhidmatan pendidikan. Sebanyak 5,536 projek telah diluluskan pada tahun 2012 dalam subsektor ini yang dijangka akan menjana 103,180 peluang pekerjaan berpendapatan tinggi.

Pertubuhan Serantau

Satu platform untuk pertumbuhan


MALAYSIA MENJADI DESTINASI YANG semakin popular bagi hab operasi serantau dan global dikalangan MNC dan syarikat besar. Berdasarkan kepada *Service Development Index (SDI)* dalam *Second Global Market Expansion Services Report*, Malaysia berada ditangga ke lapan antara 18 buah negara dari segi tahap keseluruhan kecanggihan perkhidmatan. SDI mengukur tahap kecanggihan negara-negara dengan mengambil kira perkembangan pasaran perkhidmatan (MES) yang meliputi jualan, pengedaran dan logistik serta perkhidmatan *insight* pasaran seperti data pasaran dan risikan, kajian permulaan pasaran dan analisis jenama. Satu lagi kajian yang telah

dijalankan oleh PriceWaterhouseCoopers (PWC) Malaysia mengesahkan penemuan SDI ini dan menunjukkan bahawa negara ini sentiasa menjadi destinasi pilihan bagi syarikat multinasional untuk menujuhkan operasi di

Jadual 19 Projek ibupejabat serantau diluluskan, 2012

PROJEK	BIL. PROJEK
Ibupejabat Operasi (OHQ)	14
Putus Perolehan Antarabangsa (IPC)	9
Putus Pengedaran Serantau (RDC)	1
Pejabat Serantau (RO)	29
Pejabat Perwakilan (RE)	58
JUMLAH	111

Graf 37 Bilangan pertubuhan serantau diluluskan setakat 31 Disember 2012



rantau ini. Faktor-faktor yang menyumbang kepada keputusan tersebut termasuk kedudukan Malaysia yang berdekatan dengan pelanggan dan pasaran utama, insentif cukai yang menarik, kestabilan persekitaran politik negara dan akses kepada modal insan.

Sebagai sebuah negara yang mempunyai persekitaran perniagaan yang dinamik, kemegahan Malaysia adalah dalam infra dan infostrukturnya yang kondusif dan setanding dengan mana-mana negara maju. Negara terus menghasilkan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dan berpengetahuan untuk menyokong pertumbuhan negara yang merupakan satu faktor utama dalam membuat keputusan bagi syarikat yang ingin menuju ibupejabat serantau di rantau ini.

Setakat 31 Disember 2012, sebanyak 3,168 projek ibupejabat serantau (RHQ) telah

diluluskan. Pada tahun 2012, sebanyak 111 pertubuhan serantau baharu telah diluluskan dengan pelaburan bernilai RM2 bilion (sila lihat Jadual 19, mukasurat sebelumnya). Pelaburan berkualiti ini akan mewujudkan peluang pekerjaan bagi 1,243 rakyat Malaysia di peringkat pengurusan, profesional dan teknikal.

Ibupejabat Operasi (OHQ)

SETAKAT 31 DISEMBER 2012, SEBANYAK 231 projek berkaitan dengan ibupejabat operasi (OHQ) telah diluluskan dengan pelaburan berjumlah RM3.5 bilion. Aktiviti utama OHQ yang dijalankan oleh syarikat ini termasuk peruntukan fungsi-fungsi umum korporat seperti kewangan/perakaunan, IT, sokongan teknikal, perkhidmatan R&D, pentadbiran dan pengurusan, perkhidmatan berkaitan minyak dan gas serta perancangan dan koordinasi

perniagaan untuk menyokong operasi mereka di rantau Asia Pasifik.

Beberapa syarikat MNC terkenal dunia telah menubuhkan OHQ mereka di Malaysia. Daripada 231 OHQ yang diluluskan, 22 syarikat terlibat dalam industri minyak dan gas. Kebanyakan syarikat tersebut adalah daripada Amerika Syarikat (39), Belanda dan United Kingdom (masing-masing 19), Jepun dan Australia (masing-masing 18) dan Jerman (14). Baki 104 OHQ adalah dari negara lain termasuk tiga dari Malaysia. OHQ tersebut telah mewujudkan sejumlah 10,828 peluang pekerjaan bagi rakyat Malaysia.

Pada tahun 2012, sebanyak 14 OHQ baharu telah diluluskan dengan keseluruhan pelaburan dicadangkan (perbelanjaan mengurus) bernilai RM1.2 bilion (sila lihat Jadual 20). Pelaburan ini dijangka akan menyumbang sejumlah RM88.2 juta kepada PNK dan akan mewujudkan 578 pekerjaan kepada rakyat Malaysia.

Antara OHQ utama diluluskan pada tahun 2012 adalah menaiktaraf Pejabat Serantau oleh Freudenberg-Nok ST Malaysia Sdn. Bhd., iaitu sebuah syarikat yang berpengkalan di Amerika Syarikat bagi mengeluarkan pakej

Jadual 20 OHQ baharu diluluskan, 2012

NEGARA	BIL. PROJEK
Amerika Syarikat	3
Hong Kong, United Kingdom, Singapura	Masing-masing 2
Australia, Jepun, Perancis, Belgium, Malaysia	Masing-masing 1
JUMLAH	14

pengedap untuk enjin, komponen transmisi getah dan plastik, sistem elektrikal dan bahan api, akumulator, pengkodan magnetik bagi sistem kawalan cesi, brek dan gandar. OHQ baharu Kumpulan tersebut akan menyelaras aktiviti anak syarikat dan syarikat berkaitan yang beroperasi di Itali, Jerman, Amerika Syarikat, Mexico dan Perancis, dan akan mewujudkan sebanyak 53 peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia di mana 23 daripada jumlah tersebut akan menjalankan aktiviti R&D syarikat.

Pejabat Serantau di Malaysia bagi syarikat Jepun NGK Spark Plug Co. Ltd. telah dinaiktaraf kepada OHQ di bawah NGK Spark Plugs Malaysia Berhad untuk menyediakan perkhidmatan sokongan kepada syarikat berkaitan di Jepun, Amerika Syarikat, Taiwan, Jerman dan Republik Rakyat China. Syarikat Bionersis S.A. juga telah menubuhkan OHQ di Malaysia bertindak sebagai hab bagi operasi serantaunya melalui sebuah anak syarikat hak milik sepenuhnya iaitu Low Carbon Technology Sdn. Bhd.. Bionersis S.A. terlibat dalam pengeluaran tenaga diperbaharui dan pengurangan pelepasan gas rumah hijau, dan OHQ baharu ini akan menyediakan perkhidmatan sokongan kepada pejabatnya di Thailand, Indonesia, British Virgin Islands dan Viet Nam.

Sebuah lagi syarikat Eropah yang telah datang ke Malaysia adalah Execujet Aviation Group iaitu sebuah syarikat perkhidmatan penerbangan berpengkalan di Switzerland. Anak syarikat tempatannya iaitu Execujet Malaysia Sdn. Bhd. akan membolehkan pemindahan teknologi dan pembangunan bakat tempatan melalui latihan khusus. Inimagine iaitu sebuah syarikat pembekal stok fotografi digital global bagi industri kreatif juga telah mengenalpasti Malaysia sebagai




pengkalannya untuk mengembangkan operasi di Asia. Anak syarikat hakmilik sepenuhnya iaitu Imagine Sdn. Bhd. akan bertindak sebagai pusat menyelaras dan juga untuk menyediakan perkhidmatan yang layak kepada syarikat yang berkaitan di rantau ini.

Spansion (Penang) Sdn. Bhd. telah berada di Malaysia semenjak tahun 2003 bagi menjalankan aktiviti perkilangan, pembangunan dan rekabentuk *flash memory semikonduktors* serta *flash memory solutions* bagi *microprocessors* yang berprestasi tinggi dan berkebolehpercayaan tinggi, kawalan dan semikonduktor lain yang boleh diprogramkan. OHQ baharu Spansion akan memberi

perkhidmatan kepada 21 anak syarikat Spansion di seluruh dunia dan menyediakan perkhidmatan yang layak di mana akan mewujudkan 261 peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia di peringkat eksekutif, teknikal, eksekutif kanan dan pengurusan. OHQ baharu Fosroc Asia Sdn. Bhd. iaitu sebuah anak syarikat Fosroc Group, juga akan menyediakan perkhidmatan yang layak untuk syarikat berkaitannya di UK, UAE, Thailand, Filipina, Indonesia dan Singapura. Syarikat ini adalah peneraju dunia dalam penyelesaian bagi projek pembinaan, menyediakan produk berkualiti tinggi, sokongan pakar teknikal, perkhidmatan pelanggan, inovasi dan rekabentuk dan sokongan spesifikasi.

Graf 38 Projek IPC diluluskan setakat 31 Disember 2012



Pusat Perolehan Antarabangsa (IPC)

SEBANYAK 232 PUSAT PEROLEHAN

antarabangsa (IPC) telah diluluskan setakat 31 Disember 2012 dengan jumlah pendapatan jualan tahunan dianggarkan berjumlah RM73.1 bilion. Jumlah pelaburan dalam IPC ini bernilai RM7.2 bilion di mana 94 (40%) adalah daripada syarikat dari Jepun (sila lihat Graf 38). Sebanyak

124 (53.4%) daripada IPC tersebut memberi perkhidmatan kepada industri E&E manakala baki IPC yang lain memberi perkhidmatan kepada industri lain seperti kimia/petrokimia (32%), jentera dan bahagian perindustrian (18%), tekstil (10%), minyak dan gas (10%) dan perabot (8%).

Kebanyakkannya IPC telah mempelbagaikan aktiviti mereka untuk merangkumi pengurusan rantai bekalan bagi operasi pengilangan mereka di rantau ini. Operasi IPC di Malaysia juga meningkatkan daya saing melalui penubuhan rangkaian sinergistik dan berintegrasi dalam kilang pembuatan serta di antara kemudahan umum infrastruktur dan sokongan yang membuatkan proses keseluruhan pengilangan lebih efektif dari segi kos dan efisien.

Jadual 21 IPC baharu diluluskan, 2012

NEGARA	BIL. PROJEK
Jepun	4
Malaysia	3
Singapura dan Indonesia	Masing-masing 1
JUMLAH	9

Sebanyak sembilan IPC telah diluluskan pada tahun 2012. Daripada jumlah tersebut, tiga IPC telah diluluskan dengan insentif yang melibatkan pelaburan berjumlah RM566 juta. Jumlah ini telah menyumbang RM496.5 juta kepada PNK dan dijangka akan menghasilkan perolehan jualan tahunan bernilai RM620 juta. IPC ini juga akan mewujudkan peluang pekerjaan kepada 300 rakyat Malaysia terutamanya dalam kategori pengurusan, teknikal dan kemahiran dan akan memperolehi produk yang bernilai RM1 bilion daripada syarikat tempatan.

IPC utama yang telah diluluskan pada tahun 2012 termasuk Nifco Manufacturing (Malaysia) Sdn. Bhd. iaitu sebuah anak syarikat Nifco Inc. Japan. Nifco telah menubuhkan sebuah IPC untuk memperolehi bahan mentah, alat ganti dan komponen bagi operasi pengilangan dan untuk pengedaran produk siapnya di pasaran global. Di samping itu, syarikat tempatan QL Resources Berhad (QLRB) telah menubuhkan

anak syarikatnya iaitu QL IPC Sdn. Bhd. untuk menggabungkan aktiviti perolehan dan pengedaran bagi pasaran eksport syarikat dengan anggaran perolehan jualan berjumlah RM334 juta menjelang tahun ketiga. Kumpulan QL adalah pengeluar surimi terbesar di Asia dan pengeluar terbesar Malaysia bagi produk berasaskan surimi dan *fishmeal*.

APM Auto Parts Marketing (Malaysia) Sdn. Bhd. mempunyai satu pejabat pemasaran dan 10 pejabat perkilangan dan pemasaran di luar Malaysia. Ia merupakan sebuah anak syarikat hak milik sepenuhnya APM Automotive Holdings Berhad. Syarikat IPC ini memperolehi dan mengedar bahan mentah, komponen separa siap dan barang siap daripada entiti berkaitan serta tidak berkaitan dari dalam dan luar negara. Syarikat ini terlibat dengan pelbagai industri seperti logistik, pengeluaran, perdagangan dan bahagian automotif.

Pusat Pengedaran Serantau (RDC)

SETAKAT 31 DISEMBER 2012, SEBANYAK 29

Pusat Pengedaran Serantau (RDC) telah diluluskan dengan jumlah pelaburan bernilai RM132.9 juta dan perolehan jualan tahunan dijangkakan bernilai RM2.7 bilion (sila lihat Jadual 22). Sebanyak 664 peluang pekerjaan akan diwujudkan oleh RDC ini di mana 90 peratus akan diisi oleh rakyat Malaysia.



Jadual 22 RDC baharu diluluskan, 2012

PROJEK	BIL. PROJEK
Jerman	4
United Kingdom, Malaysia, Amerika Syarikat dan Jepun	Masing-masing 2
Austria, Belanda, Switzerland, Belgium, Finland, Perancis, Itali, Ireland, Sepanyol, Denmark, Kanada, Hong Kong, Pakistan, Taiwan dan India	Masing-masing 1
Usahasama dengan Jerman dan Jepun	Masing-masing1
JUMLAH	29

Pejabat Serantau/Perwakilan (RE/RO)

SEBANYAK 870 PEJABAT SERANTAU (RO)
dan 1,807 Pejabat Perwakilan (RE) telah diluluskan setakat 2012. RE/RO tersebut telah ditubuhkan sebagai langkah pertama ke Malaysia untuk menjalankan kajian kebolehlaksanaan dan untuk menyelaras aktiviti perniagaan untuk syarikat induknya.

Jadual 23 RE/RO baharu diluluskan, 2012

PROJEK	BIL. PROJEK
Jepun	12
Republik Rakyat China	10
Singapura	9
Republik Korea	6
Sepanyol dan UK	Masing-masing 5
Jerman, Perancis dan Hong Kong	Masing-masing 4
Ireland, Sweden dan Australia	Masing-masing 3
Norway, Indonesia, Austria, Thailand dan Amerika Syarikat	Masing-masing 2
Belgium, Kanada, UAE, Viet Nam, Nigeria, Arab Saudi, Itali, Taiwan dan Denmark	Masing-masing 1
JUMLAH	87

Pada tahun 2012, sebanyak 29 RO dan 58 RE telah diluluskan dengan jumlah perbelanjaan bernilai RM144.2 juta. RE/RO tersebut dijangka akan mewujudkan peluang pekerjaan kepada 163 rakyat Malaysia. RE dan RO utama yang diluluskan mengikut negara adalah disenaraikan di Jadual 23.

Hab Operasi Global

Pengurusan nukleus

MALAYSIA MERUPAKAN LOKASI YANG ideal untuk menubuhkan operasi global atau hab logistik bagi syarikat MNC dan perusahaan kecil dan sederhana disebabkan oleh lokasinya yang strategik dalam rantau ASEAN. Faktor pendorong lain adalah infrastruktur bertaraf dunia, keberkesanan kos dalam menjalankan perniagaan, perkhidmatan perbankan dan kewangan yang cemerlang, tenaga

kerja profesional dan teknikal dari pelbagai bahasa dan budaya yang berkemahiran tinggi dan kerajaan yang pro-perniagaan serta mesra pelaburan. Pada tahun 2012, MIDA telah meluluskan lapan projek yang bercadang untuk menjadikan Malaysia Hab Operasi Global bagi perniagaan mereka. Projek ini mempunyai pelaburan yang besar dengan kesan *spin-off* yang ketara kepada ekonomi.

Antara syarikat yang akan menubuhkan hab operasi global di Malaysia adalah *Darden Restaurants* yang memiliki dan mengendalikan lebih dari 2,000 restoran serta menggaji 185,000 pekerja di seluruh dunia. Syarikat *Fortune 500* ini akan menjadikan Malaysia sebagai Pusat Pengurusan Serantau (RMC) di Asia Pasifik di mana ia berhasrat untuk memperkenalkan rangkaian restorannya ke Malaysia dan keseluruhan Asia. Melalui anak syarikatnya iaitu Darden Aquascience Sdn Bhd, *Darden Restaurants* juga akan melabur RM900 juta dalam teknologi dan infrastruktur untuk membangunkan taman akuakultur udang galah bersepadu (iLAP) pertama dunia di Sabah di bawah satu usahasama dengan dua syarikat Malaysia bernilai RM1.8 bilion. Projek ini akan menempatkan Malaysia sebagai negara penting dalam pertumbuhan pasaran global bagi udang galah, yang pada masa ini bernilai RM12 bilion.

Projek hab Akuakultur ini akan mewujudkan sebanyak 14,000 peluang pekerjaan menjelang 2022 merangkumi pelbagai kemahiran dari peringkat saintis dan jurutera peringkat PhD dan Sarjana kepada pakar akuakultur. Ia juga akan membawa teknologi penetasan komersil ke Malaysia termasuk pusat pembangunan *broodstock* pertama negara. Projek RMC dan akuakultur *Darden Restaurants* dijangka menyumbang RM50.4 juta kepada PNK negara.

Peneraju utama dalam sektor tenaga iaitu syarikat Halliburton turut memilih Malaysia sebagai Pusat Perniagaan dan Teknikal Serantau (RTBC) pada tahun 2012 daripada tujuh lokasi berpotensi lain di lima buah negara. Syarikat ini menyediakan perkhidmatan kepada industri huluan minyak dan gas sepanjang kitaran hayat *reservoir* dengan mempunyai lebih 72,000 pekerja dalam kira-kira

Halliburton telah memilih Malaysia untuk menjadi Pusat Perniagaan dan Teknikal Serantau (RTBC) syarikat mendahului tujuh lokasi berpotensi lain di lima negara.

80 buah negara. Sejak mula menubuhkan operasinya di Malaysia pada tahun 1977, Halliburton telah menubuhkan ibu pejabat serantau di Kuala Lumpur, Pusat Kecemerlangan Teknikal di Universiti Teknologi PETRONAS (UTP) dan sebuah projek perkilangan di Johor dengan pusat perkhidmatan di Kemaman dan Labuan. Syarikat ini telah mewujudkan peluang pekerjaan bagi hampir 1,300 kepada rakyat Malaysia.

RTBC Halliburton akan memainkan peranan penting di dalam pemindahan pengetahuan, latihan dan mewujudkan lebih ramai pekerja tempatan berpengalaman bagi kedua-dua fungsi sokongan perniagaan dan pasukan teknologi syarikat. Penubuhannya di Malaysia akan meningkatkan profil negara ini sebagai lokasi yang sesuai bagi syarikat minyak dan gas yang lain untuk menubuhkan Pusat Sokongan Perniagaan Serantau mereka. RTBC ini dijangka mewujudkan peluang pekerjaan kepada lebih 100 rakyat Malaysia pada tahun akan datang dan menyumbang RM50.4 juta kepada PNK negara.



Pada bulan Januari tahun 2012, peneraju pembekal perkhidmatan maklumat perniagaan IHS telah membuka pusat kecemerlangan (COE) ketiganya di Malaysia bagi melengkapai aktiviti COE yang lain di Amerika dan Eropah/Timur Tengah/Afrika. Syarikat ini telah memilih Malaysia bagi projek tersebut disebabkan negara memiliki iklim ekonomi yang kukuh, persekitaran perniagaan yang menarik dan gunatanaga yang berpendidikan tinggi dan berkebolehan dalam pelbagai bahasa. COE IHS menyediakan pelbagai jenis perkhidmatan penyampaian pengalaman pelanggan yang terbaik termasuk kewangan (akaun bayaran dan terimaan), khidmat pelanggan, pengurusan pesanan (proses, penghantaran), pembelian, pembangunan produk, jualan dalaman serta

agregasi dan analitik maklumat. Syarikat ini menggaji lebih daripada 110 rakyat Malaysia dan merancang untuk mengembangkan operasi dengan menggandakan kapasiti pada tahun 2013 bagi memenuhi pertumbuhan tinggi di rantau Asia Pasifik.

Syarikat Ansell Limited iaitu peneraju global di dalam pembekal perkhidmatan penyelesaian perlindungan juga telah memilih Malaysia sebagai pengkalan bagi Pusat Perolehan dan Dagangan Global (GPTC) syarikat pada tahun 2012. Syarikat ini merekabentuk, membangun dan mengeluarkan pelbagai jenis sarung tangan bagi pemeriksaan pembedahan, perindustrian dan isirumah, pakaian perlindungan dan kondom. GPTC baru

Rencana 8 Malaysia: Sebagai ekosistem perniagaan ideal bagi operasi serantau dan logistik

Juara Global

Banyak syarikat menubuhkan operasi serantau mereka dalam Malaysia melebihi negara lain disebabkan oleh ekosistem logistik negara yang mesra perniagaan.

Infrastruktur Maju

Kelebihan terbesar Malaysia yang ditawarkan kepada MNC dalam menubuhkan operasi di rantau ini adalah usaha berterusan negara untuk membangun dan menaiktarafkan infrastrukturnya. Usaha ini telah memberikan Malaysia satu reputasi iaitu mempunyai infrastuktur termaju di kalangan negara perindustrian di Asia.

Jaringan Lebuhraya

Jaringan lebuhraya Semenanjung Malaysia yang diselia baik adalah pemangkin kepada operasi serantau dan logistik. Hubungan rangkaian pusat pertumbuhan utama dengan pelabuhan dan lapangan terbang di seluruh Semenanjung menyediakan sistem pengangkutan barang yang cekap di dalam dan luar negara. Bagi melengkapkan lebuhraya ini, satu perkhidmatan berkontena Kuala Lumpur-Bangkok-Kuala Lumpur dikenali sebagai ASEAN Rail Express (ARX) telah diwujudkan dengan tujuan untuk mengubahnya Rangkaian Keretapi Trans-Asia yang akan merangkumi Singapura, Viet Nam, Kemboja, Lao PDR dan Myanmar dan berakhir di Kunming, dalam Republik Rakyat China.

Pelabuhan

Hampir 95 peratus perdagangan Malaysia dipermudahkan oleh pelabuhan melalui tujuh pelabuhan bertaraf antarabangsa negara iaitu Pelabuhan Pulau Pinang, Pelabuhan Klang, Pelabuhan Johor, Pelabuhan Tanjung Pelepas, Pelabuhan Kuantan dan Pelabuhan Kemaman di Semenanjung Malaysia serta Pelabuhan Bintulu di Sarawak. Lokasi pusat Pelabuhan Klang dan penekanan Kerajaan untuk menjadikan pelabuhan sebagai sebuah hab nasional dan serantau telah menghasilkan peningkatan bilangan kargo. Nilai Inland Port (NIP) akan melengkapkan Pelabuhan Klang sebagai Hab Rantau Selatan untuk pengendalian kontena. Sistem Pertukaran Data Elektronik (EDI) di Pelabuhan Klang, Pelabuhan Pulau Pinang dan Pelabuhan Johor juga telah mempercepatkan pelepasan kargo melalui pihak Kastam.

Taman Perindustrian

Malaysia mempunyai lebih 600 taman perindustrian yang dibangunkan oleh Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri (SEDC), Lembaga Kemajuan Wilayah (RDA) dan pihak berkuasa pelabuhan, pihak berkuasa tempatan dan pemaju swasta.

Taman perindustrian baharu dirancang secara berterusan untuk memenuhi permintaan permintaan tanah perindustrian yang semakin meningkat. Taman perindustrian dibina dengan ciri-ciri mesra persekitaran dalam memenuhi permintaan pelabur dan ahli perniagaan yang menitikberatkan eko dan pelabur.

Pembangunan bakat berkualiti dan profesional

Lima belas tahun yang lalu, kebanyakan jawatan pengurusan dan profesional telah diisi oleh rakyat asing dari pelbagai negara untuk projek berprestij dan berimpak tinggi. Walau bagaimanapun, kebanyakan syarikat kini mengiktiraf keupayaan bakat tempatan dan telah mula membimbang mereka untuk jawatan utama. Malaysia mempunyai kelebihan yang berbeza berbanding rakan serantau dengan mempunyai kumpulan bakat muda dan berpelajaran. Kadar celik huruf di Malaysia telah mencapai hampir 93 peratus dan lebih daripada 50 peratus graduan adalah dari bidang sains sosial, perniagaan dan undang-undang atau sains, matematik dan komputer.

Kebanyakan rakyat Malaysia adalah boleh bertutur pelbagai bahasa. Ini merupakan kelebihan tambahan dalam perniagaan global memandangkan pasaran Asia menyediakan syarikat MNC dengan peluang perniagaan berskala tinggi dan pasaran. Banyak syarikat minyak dan gas telah menubuhkan Pusat Latihan Serantau (RTC) di Malaysia dengan tujuan untuk membangunkan

pakar dan kepakaran teknikal. Manakala MNC lain telah menubuhkan Pusat Kecemerlangan (COE) dalam Malaysia untuk membangunkan keupayaan pekerja mereka melalui pemindahan pengetahuan dan latihan profesional. Melalui latihan seperti ini, bakat Malaysia akan menjadi lebih penting di dalam operasi syarikat.

Persekitaran Politik

Memandangkan persekitaran kestabilan politik negara, ekonomi dan regulatori adalah sentiasa menjadi faktor tarikan membuat keputusan utama bagi MNC untuk melabur dalam Malaysia. Kerajaan juga memperkenalkan insentif percuakan dan kewangan istimewa untuk terus menggalakkan pelaburan asing ke dalam pengilangan berkaitan perkhidmatan. Kerajaan Malaysia juga telah menangani secara aktif isu-isu berkaitan dengan birokrasi dalam urusan kerajaan melalui Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH). Beberapa inisiatif utama terkini yang dikendalikan oleh PEMUDAH adalah sistem *e-filing* (EFS) untuk meningkatkan penguatkuasaan kontrak serta liberalisasi beberapa subsektor penting perkhidmatan dengan membenarkan 100 peratus penyertaan ekuiti asing dalam subsektor terpilih. Kerajaan juga sedang mengkaji dasar mengenai pampasan bagi pembayaran balik cukai pendapatan, pengurangan sekatan masa bagi audit cukai dan kos logistik.

akan menggabung dan mengekalkan aktiviti pengurusan rantaian bekalan di seluruh dunia di Malaysia dan akan menyokong 19 buah tapak perkilangan dan 26 pusat pengedaran bagi Ansell di seluruh dunia.

Aktiviti Ansell akan memberi sumbangan besar kepada PNK Malaysia dan akan meningkatkan penggunaan perkhidmatan tempatan seperti insurans, logistik, utiliti, perundangan, audit, perundingan cukai dan juga penggunaan pelabuhan dan lapangan terbang negara.

Pada tahun 2012, pembekal Sokongan Logistik Bersepadu (ILS) Guper menjadi pemilik dan operator bagi Pelabuhan Darat di Nilai (NIP) untuk sebuah projek yang melibatkan pelaburan bernilai RM48.6 juta dan menyumbang sebanyak RM34.4 juta kepada PNK negara. Projek pelabuhan ini akan meningkatkan reputasi Negeri Sembilan sebagai lokasi yang kompetitif bagi menjalankan perniagaan dan juga melengkapkan Pelabuhan Klang sebagai Hab Wilayah Selatan untuk pengendalian kontena.

Perkhidmatan Sokongan

Pelabur domestik mengambil alih

PADA TAHUN 2012, MIDA TELAH meluluskan sebanyak 70 projek perkhidmatan sokongan dengan insentif cukai. Jumlah pelaburan diluluskan bagi projek-projek tersebut meningkat sebanyak 357 peratus pada tahun 2012 kepada RM3.2 bilion berbanding RM718.2 juta pada tahun 2011. Peningkatan ketara ini adalah disebabkan oleh nilai pelaburan diluluskan yang tinggi dalam projek tenaga boleh diperbaharui, kecekapan tenaga dan R&D.

Pelaburan domestik bernilai RM2.4 bilion (75%) adalah penyumbang terbesar kepada pelaburan manakala baki berjumlah RM772.8 juta (25%) adalah daripada pelaburan asing. Pelaburan utama adalah di dalam bidang aktiviti-aktiviti pengurusan alam sekitar di mana daripada 70 projek yang diluluskan, 33 projek (47%) melibatkan aktiviti penjanaan tenaga yang menggunakan pelbagai

Jadual 24 Pelaburan diluluskan bagi Perkhidmatan Sokongan, 2012

PROJEK	BIL. PROJEK	NILAI PELABURAN (RM JUTA)
Tenaga Boleh Diperbaharui	33	1,192.1
Kecekapan Tenaga / Penjimatan Tenaga	17	1,009.9
Penyelidikan & Pembangunan (R&D)	9	243.2
Perkhidmatan Logistik Bersepadu (ILS)	2	160.2
Bilik Sejuk / Rangkaian Bilik Sejuk	3	1.6
Rekabentuk IC	1	76.7
Institut Teknikal & Vokasional	2	474.2
Lain-lain	3	30.1
JUMLAH	70	3,188

sumber diperbaharui manakala 17 projek melibatkan penjimatan tenaga (sila lihat Jadual 24). Sebanyak 13,752 peluang pekerjaan diwujudkan oleh projek baharu dalam perkhidmatan sokongan.

Jadual 25 Projek-projek utama diluluskan pada tahun 2012 –Tenaga Boleh Diperbaharui

PROJEK	KAPASITI TERPASANG (MW)	NILAI PELABURAN (RM JUTA)
Kilang tenaga boleh diperbaharui di Perak bagi menjana elektrik daripada biogas daripada sisa buangan kilang minyak sawit (POME) untuk kegunaan sendiri serta untuk dibekalkan ke grid nasional di bawah program FiT.	12.5	134
Kilang tenaga boleh diperbaharui bagi menjana elektrik daripada tandan buah kepala sawit yang kosong (EFB) di Pahang.	10	125
Ladang solar di Perlis bagi menjana elektrik untuk disalurkan ke grid nasional di bawah program FiT	6.3	123.2

Jadual 26 Projek-projek utama diluluskan pada tahun 2012 - Kecekapan dan Penjimatan Tenaga

PROJEK	POTENSI PENJIMATAN SETAHUN (RM)	NILAI PELABURAN (RM JUTA)
Sistem penghawa dingin, sistem lif, sistem pengoptimisasi kuasa dan sistem elektrikal berkecekapan tenaga bagi syarikat telekomunikasi	936,295	440.6
Pemasangan dua kompresor penyongsang udara bagi syarikat perkilangan yang bertempat di Shah Alam, Selangor	76,578	61.3
Penggantian sistem penghawa dingin konvensional dengan Sistem Penyimpanan Tenaga Terma (TES) untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran air sejuk dan meliputi tambahan keperluan beban bangunan-bangunan pejabat	59,200,000	N/A

Tenaga Boleh Diperbaharui

PADA TAHUN 2001, KERAJAAN TELAH memperkenalkan tenaga boleh diperbaharui (RE) sebagai sumber bahan api kelima bagi menangani isu mengenai pembangunan mampan negara. Semenjak itu, Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai inisiatif bagi menggalakkan pelaburan di dalam RE di negara ini termasuklah program *Feed-in-Tariff* (FiT). Ini telah membawa kepada peningkatan mendadak di dalam jumlah projek RE yang diluluskan pada tahun 2012. Peningkatan kesedaran mengenai alam sekitar dan penekanan kepada pembangunan mampan di bawah Model Baru Ekonomi (MEB) telah menyumbang kepada minat yang semakin meningkat di dalam tenaga boleh diperbaharui.

Jumlah pelaburan yang diluluskan dalam industri tenaga boleh diperbaharui menghampiri tiga kali ganda pada tahun 2012 berjumlah RM1.2 bilion daripada RM424.4 juta pada tahun 2011

Jumlah pelaburan yang diluluskan dalam industri tenaga boleh diperbaharui meningkat hampir tiga kali ganda pada 2012 kepada RM1.2 bilion daripada RM424.4 juta pada tahun 2011. Daripada jumlah tersebut, RM997.6 juta merupakan sumber tempatan (84%) manakala RM194.5 juta (16%) adalah daripada sumber asing. Projek tersebut dijangka menyediakan peluang pekerjaan kepada 2,199 pekerja di dalam sub-sektor ini.

Kebanyakan pelaburan bagi tenaga boleh diperbaharui adalah di dalam biomas dan tenaga solar kerana hampir 90 peratus daripada potensi tenaga boleh diperbaharui negara terdiri daripada sumber-sumber tersebut. Daripada pelaburan diluluskan pada tahun 2012 sebanyak 21 projek (RM464.4 juta) melibatkan penggunaan tenaga solar manakala 12 projek (RM727.7 juta) pula menggunakan biomas dan biogas bagi menjana tenaga.



Kecekapan dan Penjimatan Tenaga

PENJIMATAN TENAGA ADALAH PENTING bagi memelihara alam sekitar dan mencapai pembangunan mampan. Banyak syarikat mula menyedari kepentingan ini dan telah mengambil langkah positif melaksanakan langkah kecekapan tenaga dan penjimatan tenaga dan pada masa yang sama telah menjimatkan jutaan ringgit. Disamping itu, pelbagai langkah Kerajaan telah diperkenalkan bagi menggalakkan industri hijau dengan penggunaan peralatan dan produk kecekapan tenaga. Syarikat juga kini boleh menikmati insentif cukai dan pengecualian duti import dan cukai jualan tertakluk kepada garis panduan semasa.

Pelbagai industri seperti perkilangan, utiliti, telekomunikasi dan hotel telah menunjukkan minat yang mendalam dalam menggunakan sistem dan peralatan cekap tenaga dalam aktiviti mereka. Daripada 17 projek yang diluluskan pada tahun 2012, lapan projek adalah di bawah sektor pengilang, manakala sembilan lagi merupakan sektor hospitaliti, utiliti dan kesihatan. Projek-projek ini diluluskan dengan insentif cukai untuk menjalankan projek kecekapan dan penjimatan tenaga dengan pelaburan berjumlah RM1 bilion yang merupakan peningkatan besar berbanding dengan RM21.9 juta yang dicatatkan pada tahun 2011. Pelaburan domestik merupakan 74 peratus daripada jumlah pelaburan diluluskan. Pelaburan ini dijangka akan mewujudkan 10,391 peluang pekerjaan.

Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)

AKTIVITI R&D TERMASUK REKABENTUK

perindustrian (produk dan pembangunan proses termasuk merekabentuk dan prototaip) dan perkhidmatan penyelidikan yang disediakan pusat rekabentuk, syarikat R&D kontrak, syarikat R&D dan syarikat penyelidikan atau institut R&D yang diperakukan.

Sebanyak sembilan projek R&D telah diluluskan dengan insentif cukai pada tahun 2012. Daripada jumlah ini, lima projek adalah untuk menjalankan aktiviti R&D kontrak bagi industri penjagaan kesihatan dan teknologi air hijau, manakala empat projek lain adalah bagi aktiviti R&D *in-house*. Jumlah pelaburan bernilai RM243.2 juta, di mana RM157.9 juta (65%) adalah daripada pelabur asing dan RM85.3 juta (35%) daripada pelabur domestik. Sebanyak 322 peluang pekerjaan adalah dijangka akan diwujudkan dengan pelaburan ini.

Perkhidmatan Logistik Bersepadu (ILS)

AKTIVITI PERKHIDMATAN LOGISTIK BERSEPADU (ILS) merangkumi penghantaran, pergudangan, pengangkutan dan perkhidmatan bernilai ditambah lain yang berkaitan seperti pengedaran, perolehan dan pengurusan rantaian bekalan. Untuk menggalakkan pelaburan di dalam bidang ini, syarikat ILS yang diluluskan pada masa ini ditawarkan satu pilihan samada menjadi syarikat Taraf Perintis (PS) atau

menikmati insentif di bawah skim Elaun Cukai Pelaburan (ITA). Insentif ini diperkenalkan untuk mewujudkan satu industri logistik yang efisen dan kompetitif serta menggalakkan integrasi dan persepaduan pelbagai pengantara pengangkutan di sepanjang rantaian bekalan logistik di Malaysia. Insentif ini juga menggalakkan syarikat Malaysia untuk berkembang dan meneroka dalam perkhidmatan bernila ditambah tinggi untuk membolehkan mereka bersaing di peringkat global.

Setakat ini, sebanyak 33 syarikat dengan jumlah pelaburan bernilai RM2.6 bilion telah diberikan insentif ini. Daripada jumlah syarikat ini, tujuh syarikat telah melabur dalam projek baharu dan 26 syarikat telah melabur dalam projek pembesaran. Pada tahun 2012, dua syarikat telah diluluskan insentif ILS untuk projek pembesaran mereka dengan jumlah pelaburan bernilai RM160.2 juta. Di mana projek utama adalah sebuah projek pembesaran oleh GD Express Sdn Bhd (GDEX) merupakan sebuah syarikat kurier yang beroperasi di lebih 103 cawangan seluruh Malaysia dan juga jaringan antarabangsa. Syarikat ini telah melabur lebih daripada RM9 juta untuk menaiktaraf hab infrastrukturnya, proses teknikal, trak, cawangan serantau dan kemudahan pergudangan. Dengan status ILS, GDEX kini bertindak sebagai hab logistik bersepadu untuk kumpulannya dan menyediakan aktiviti bernilai ditambah seperti pembungkusan, pengedaran dan pembangunan perisian. Projek pembesaran ini akan melibatkan pelaburan bernilai RM26 juta.

Syarikat Berstatus MSC

PADA TAHUN 2012, SEBANYAK 213 SYARIKAT telah diberikan Status MSC dengan jumlah pelaburan diluluskan bernilai RM2.9 bilion. Pelaburan domestik berjumlah RM2.2 bilion (75.9%) manakala pelaburan asing berjumlah RM703.6 juta (24.1%). Sebanyak 15,376 peluang pekerjaan adalah dijangka akan diwujudkan oleh syarikat baharu MSC ini. Pada tahun 2011, sebanyak 215 syarikat telah diberikan Status MSC dengan jumlah pelaburan diluluskan bernilai RM2.5 bilion.

Hartanah (Perumahan)

HARTANAH MERANGKUMI INDUSTRI perumahan (tidak termasuk bangunan komersil) di Malaysia. Pada tahun 2012, sebanyak 1,704 projek hartanah telah diluluskan dengan jumlah pelaburan bernilai RM58.8 bilion, lebih tiga kali ganda daripada jumlah diluluskan pada tahun 2011 (RM17.3 bilion bagi 1,422 projek). Pelaburan domestik bernilai 97.7 peratus (RM57.4 bilion) daripada jumlah tersebut.

Utiliti

SUBSEKTOR UTILITI TERMASUK PENJANAAN, pengaliran dan pengagihan tenaga dan air. Ia merangkumi penjana Tenaga Bebas (IPP) dan juga penjana berkaitan kerajaan seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB), Syarikat SESCO Bhd.

(SESCO) dan Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB). Perkhidmatan bekalan air adalah diuruskan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB).

Pada tahun 2012, pelaburan diluluskan dalam subsektor ini berjumlah RM12.6 bilion di mana keseluruhannya adalah domestik. Pelaburan ini melebihi dua kali ganda jumlah yang dicatatkan pada tahun 2011 (RM6.1 bilion). Subsektor ini kekal sebagai penyumbang utama kepada pelaburan dalam sektor perkhidmatan.

Hotel dan Pelancongan

SEBANYAK 79 PROJEK DILULUSKAN PADA tahun 2012 dengan jumlah pelaburan bernilai RM8.9 bilion dalam subsektor hotel dan pelancongan. Pelaburan domestik berjumlah RM8.6 bilion (96.6%) manakala pelaburan asing bernilai RM320.6 juta (3.4%). Sebagai perbandingan, pelaburan diluluskan dalam subsektor hotel dan pelancongan bagi keseluruhan tahun 2011 bernilai RM1.9 bilion, di mana kebanyakannya merupakan pelaburan domestik.

Pengangkutan

SUBSEKTOR PENGANGKUTAN MERANGKUMI pengangkutan maritim, penerbangan serta pembinaan dan penyelenggaraan lebuhraya.

Pada tahun 2012, sebanyak 60 projek telah diluluskan dengan pelaburan bernilai RM6.8

bilion. Pelaburan domestik berjumlah RM6.6 bilion (97.1%) dan pelaburan asing bernilai RM231.5 juta (2.9%). Sebagai perbandingan, pelaburan diluluskan dalam subsektor pengangkutan pada tahun 2011 berjumlah RM11.7 bilion. Jumlah pelaburan pada tahun 2012 terutamanya dalam subsektor maritim dengan 13 projek bernilai RM3.5 bilion. Baki 45 projek diluluskan adalah dalam subsektor penerangan dengan pelaburan berjumlah RM3 bilion.

Telekomunikasi

SUBSEKTOR TELEKOMUNIKASI MERANGKUMI kemudahan jaringan, perkhidmatan jaringan, perkhidmatan aplikasi (termasuk perkhidmatan aplikasi kandungan), pos dan penyiaran. Pada tahun 2012, jumlah pelaburan dalam subsektor ini bernilai RM6.6 bilion, di mana

kesemuanya adalah pelaburan domestik. Sebagai perbandingan, pelaburan diluluskan dalam subsektor telekomunikasi pada tahun 2011 bernilai RM9.1 bilion.


Perdagangan Pengedaran

SUBSEKTOR PERDAGANGAN PENGEDARAN

meliputi perdagangan borong dan runcit; pasaraya besar/pasaraya, gedung membeli-belah dan jualan langsung; franchais; dan projek diluluskan di bawah Akta Pembangunan Petroleum (PDA), 1974.

Pada tahun 2012, sebanyak 2,676 projek telah diluluskan dalam subsektor ini dengan pelaburan berjumlah RM4.9 bilion (sila lihat Graf 39). Pelaburan domestik berjumlah RM2.9

Graf 39 Pelaburan dalam perdagangan pengedaran, 2012 (RM juta)



bilion (59.2%) manakala pelaburan asing bernilai RM2 bilion (40.8%).

Perkhidmatan Kewangan

PELABURAN DALAM PERKHIDMATAN

kewangan merangkumi perbankan, insurans dan pasaran modal (modal teroka, pengurusan dana, penasihat pelaburan dan pembrokeran).

Pada tahun 2012, sebanyak 55 projek telah diluluskan dalam subsektor perkhidmatan kewangan dengan pelaburan berjumlah RM4.5 bilion. Pelaburan domestik bernilai RM3.7 bilion (82.2%) manakala pelaburan asing bernilai RM831.4 juta (17.8%). Perbankan telah menarik jumlah pelaburan terbesar dalam subsektor ini (RM3.2 bilion atau 66.7%) diikuti dengan insurans (RM1.2 bilion). Pelaburan dalam perbankan Islam berjumlah RM1.7 bilion.

Perkhidmatan Pendidikan

PERKHIDMATAN PENDIDIKAN MERANGKUMI

Kolej/universiti swasta, institusi pendidikan


swasta dan pusat kemahiran. Sebanyak 485 projek telah diluluskan bagi penubuhan institusi pendidikan pada tahun 2012 yang melibatkan pelaburan bernilai RM936.6 juta. Pelaburan domestik berjumlah RM910.3 juta (97%) manakala pelaburan asing bernilai RM26.3 juta (3%).

Jadual 27 Pelaburan dalam perkhidmatan pendidikan, 2012

JENIS INSTITUSI	BIL. PROJEK	NILAI PELABURAN (RM JUTA)
Kolej /universiti	24	795.8
Institusi pendidikan swasta	425	95.8
Pusat kemahiran	36	45
JUMLAH	485	936.6

Perkhidmatan Kesihatan

PERKHIDMATAN KESIHATAN MERANGKUMI hospital dan klinik swasta. Pada tahun 2012, kelulusan diberikan kepada enam hospital atau klinik swasta melibatkan pelaburan bernilai RM340 juta di mana kesemuanya adalah pelaburan domestik.





Transformasi Berterusan

*Cabaran dan peluang di
tahun akan datang*





**Transformasi
Berterusan**

**Pelaburan asing akan
terus memainkan
peranan penting dalam
aspirasi Negara tetapi
pelaburan domestik
adalah tonggak kepada
pelan transformasi
Malaysia**

Asas ekonomi negara kekal kukuh walaupun dalam keadaan ekonomi global yang mencabar. Berdasarkan perangkaan awal UNCTAD mengenai aliran FDI global yang

dikeluarkan pada 23 Januari 2013, aliran global FDI telah menurun sebanyak 18 peratus pada tahun 2012 kepada anggaran US\$1.3 trilion iaitu satu paras yang menghampiri kepada jurang yang telah dicapai pada tahun 2009 yang disebabkan oleh ketidakkuahan ekonomi makro dan ketidakpastian dasar kepada para pelabur. Aliran FDI untuk pembangunan ekonomi kekal berdaya tahan pada tahun 2012 mencapai jumlah US\$680 bilion, paras kedua tertinggi yang pernah direkodkan. UNCTAD telah mengunjurkan bahawa aliran masuk FDI boleh meningkat secara sederhana kepada US\$1.4 trillion pada tahun 2013 dan US\$1.6 trillion pada tahun 2014 dengan keadaan ekonomi global mengalami pemulihan yang tidak sama rata untuk dua tahun akan datang.

Seiring dengan keadaan ekonomi global yang mencabar pada tahun 2012, Malaysia masih mampu untuk menarik satu tahap pelaburan yang besar dengan jumlah pelaburan diluluskan bernilai RM162.4 bilion di dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan sektor utama berbanding RM154.6 bilion pada tahun 2011. Pelaburan domestik terdiri dari satu pelaburan yang besar berjumlah RM127.6 bilion (78%) manakala pelaburan asing berjumlah RM34.8 bilion (22%) daripada pelaburan diluluskan pada tahun 2012.

Bergerak ke hadapan, Malaysia akan menghadapi pelbagai cabaran yang disebabkan dengan faktor luaran dan domestik. Bagi faktor luaran, pertumbuhan ekonomi dunia telah diramalkan untuk meningkat sebanyak 3.5 peratus pada tahun 2013 oleh IMF dengan mengambil kira pengecutan prospek dari ekonomi maju dan

Walaupun dalam keadaan persekitaran global yang mencabar, Malaysia telah menarik jumlah pelaburan diluluskan bernilai RM162.4 bilion pada tahun 2012.

membangun. Kelembapan pertumbuhan dalam ekonomi US dan krisis hutang Eropah berterusan adalah dijangka akan terdapat kesan ke atas kebanyakan rakan dagang dalam Asia termasuk Malaysia. Ekonomi negara akan juga dipengaruhi oleh perkembangan terkini yang boleh memberi kesan kepada keputusan pelaburan seperti dasar gaji minima dan persaraan, pemansuhan subsidi secara progresif ke atas utiliti serta cadangan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST).

Dengan mengambilkira pembangunan kemasyarakatan dan ekonomi makro global dan serantau, Kerajaan telah membuat keputusan untuk melaksanakan pendekatan ekosistem bagi menggalakkan pelaburan swasta dalam ekonomi. MIDA akan menganggap satu peranan penting dalam menghubungkan keperluan modal insan pelabur yang berpotensi dan memanfaatkan kompetitif baharu untuk Malaysia sebagai sasaran produk khususnya, teknologi dan perkhidmatan untuk mengisi jurang melalui rantaian nilai ekonomi.



Di samping itu, fokus akan diberikan kepada mega trend dan pembangunan sasaran produk maju berteknologi dan beraplikasi seperti risikan tiruan, robotik, percetakan 3D dan teknologi pengeluaran pintar dan mudah lentur.

Selain daripada mensasarkan pelaburan baru dan pelaburan semula, MIDA juga akan menggiatkan kerjasama dengan agensi berkaitan dalam bidang modal insan, infrastruktur, utiliti dan R&D untuk menambahbaik aktiviti pelaburan di Malaysia. Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai strategi untuk mempercepatkan pelaburan termasuk meliberalisasi beberapa subsektor

perkhidmatan, peningkatan kerjasama sektor awam-swasta, menggiatkan pembangunan serantau dan pembangunan pertumbuhan bidang khusus. Pelaksanaan langkah ini, dan pelaksanaan Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Rancangan Malaysia Kesepuluh yang berterusan adalah dijangkakan untuk meningkatkan aliran masuk pelaburan pada tahun 2013 dan tahun seterusnya.

Di samping usaha untuk menggiatkan intensiti aliran masuk FDI ke Malaysia, prospek pelaburan domestik terus kekal positif. Inisiatif strategik telah diperkenalkan pada bulan Julai tahun 2012 adalah satu pemangkin yang tepat pada masanya untuk pelaburan

domestik di mana dana dan insentif telah diwujudkan kepada pelabur dalam bidang dan aktiviti terpilih. Melangkah ke hadapan, MIDA akan menggandakan usahanya untuk mengerakkan pelaburan langsung domestik melalui pelbagai cara seperti dengan memanfaatkan dan meningkatkan peluang penyumberan luar, peningkatan kapasiti dan memperbaiki keupayaan inovatif syarikat domestik melalui pembangunan R&D dan sumber insan. MIDA juga akan menggalakkan perolehan teknologi dan piawaian antarabangsa dan mempromosikan pengkomersilan hasil dapatan R&D, terutamanya yang memanfaatkan sumber tempatan.

Malaysia telah diletakkan sebagai negara ke-12 paling mesra niaga di dunia oleh Bank Dunia dalam *Doing Business Report 2013* di hadapan Jerman (ke-20), Jepun (ke-24) dan Switzerland (ke-28). Ini merupakan kedudukan tertinggi dicapai negara semenjak Bank Dunia dan *International Finance Corporation* memulakan kompilasi kedudukan tahunan pada tahun 2005. Malaysia juga diletakkan sebagai negara ke-25 berdaya saing dunia oleh *World Economic Forum* dalam *Global*

Competitiveness Report 2012-2013, yang juga mengiktiraf bahawa negara telah menjangkau daripada ekonomi yang dipacu kecekapan kepada ekonomi yang dipacu inovasi. Kejayaan ini menunjukkan kemajuan Malaysia ke arah menjadi sebuah negara maju dan pastinya meningkatkan usaha Malaysia dalam menarik FDI global.



8.83
0.84
9.84
10.78
10.43
10



Lampiran



Lampiran 1 Projek Perkiliangan Yang Diluluskan, 2012 Dan 2011

	BARU		PEMBESARAN / PELBAGAIAN		JUMLAH	
	2011	2012	2011	2012	2011	2012
Bilangan	473	512	331	334	804	846
Peluang Pekerjaan	42,522	56,758	34,109	43,775	76,631	100,533
Jumlah Modal Pelaburan Dicadangkan (RM Juta)	26,837.4	33,096.0	14,215.0	22,990.8	41,052.4	56,086.8
<i>Domestik (RM juta)</i>	14,210.2	12,930.3	5,996.8	9,007.6	20,207.0	21,937.9
<i>Asing (RM juta)</i>	12,627.2	20,165.7	8,218.2	13,983.2	20,845.4	34,148.9

Lampiran 2 Projek Perkiliangan Baharu Yang Diluluskan Mengikut Saiz Modal Pelaburan, 2012 Dan 2011

Saiz Modal Pelaburan	2012			2011				
	Bilangan	Pelaburan Domestik (RM Juta)	Pelaburan Asing (RM Juta)	Jumlah Pelaburan (RM Juta)	Bilangan	Pelaburan Domestik (RM Juta)	Pelaburan Asing (RM Juta)	Jumlah Pelaburan (RM Juta)
Kurang Daripada RM2.5 Juta	71	74.0	20.2	94.2	95	106.8	14.0	120.8
RM 2.5 Juta - <RM 5.0 Juta	77	209.0	56.8	265.8	96	269.8	74.9	344.7
RM 5.0 Juta - <RM 10.0 Juta	94	514.6	162.8	677.4	111	599.1	198.5	797.6
RM 10.0 Juta - <RM 50.0 Juta	165	2,181.4	1,466.7	3,648.1	142	1,765.1	986.5	2,751.6
RM 50.0 Juta- <RM 100.0 Juta	31	1,208.6	824.9	2,033.5	21	675.3	812.1	1,487.4
RM 100.0 Juta - <RM 500.0 Juta	23	1,248.0	3,260.2	4,508.2	33	3,291.7	3,401.4	6,693.1
RM 500.0 Juta - <RM 1.0 billion	6	695.6	3,699.2	4,394.8	7	2,411.3	2,286.5	4,697.8
RM 1.0 billion & Ke Atas	6	8,078.9	3,136.5	11,215.4	7	3,811.2	12,391.8	16,203.0
JUMLAH	473	14,210.1	12,627.3	26,837.4	512	12,930.3	20,165.7	33,096.0

Lampiran 3 Projek Perkilangan Yang Diluluskan Mengikut Industri, 2012 Dan 2011

Industri	2012					2011				
	Bilangan	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Domestik (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)	Jumlah Pelaburan (RM juta)	Bilangan	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Domestik (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)	Jumlah Pelaburan (RM juta)
Kelengkapan Pengangkutan	85	11,669	5,931.9	1,848.7	7,780.6	110	9,727	4,911.8	1,066.3	5,978.1
Kimia & Produk Kimia	73	2,740	766.3	5,671.2	6,437.5	69	2,976	1,729.5	3,220.6	4,950.1
Produk Petroleum (Termasuk Petrokimia)	14	1,274	4,660.6	1,376.8	6,037.4	15	405	1,712.8	968.5	2,681.2
Produk Elektrik & Eletronik	112	18,163	734.7	3,252.0	3,986.7	129	42,688	1,357.7	18,703.7	20,061.4
Produk Logam Asas	37	4,129	1,859.1	1,934.0	3,793.1	38	6,653	6,329.3	3,587.4	9,916.7
Pengilangan Makanan	67	7,062	2,281.4	1,118.0	3,399.5	64	5,438	1,125.9	2,567.9	3,693.8
Pengilangan Jentera	84	5,25	607.0	1,243.1	1,850.1	74	3,936	492.8	251.4	744.2
Produk Getah	20	2,414	131.7	1,218.6	1,350.3	19	4,248	538.3	91.2	629.5
Produk Logam Fabrikasi	61	6,218	624.1	605.4	1,229.5	63	4,153	619.8	804.7	1,424.5
Produk Plastik	57	3,910	401.7	707.3	1,109.0	55	3,032	394.7	271.0	665.7
Peralatan Pengukuran & Sainsifik	16	807	738.4	177.1	915.5	11	1,616	78.1	356.4	434.5
Kertas, Percetakan & Penerbitan	27	1,991	274.2	597.4	871.6	37	2,100	214.9	318.7	533.6
Produk Galian Bukan Logam	21	1,126	321.9	310.0	631.9	25	1,852	1,099.5	1,464.0	2,563.5
Tekstil & Produk Tekstil	31	1,674	143.0	328.0	471.0	14	1,356	55.0	236.1	291.1
Kayu & Produk Kayu	34	1,638	257.6	149.8	407.4	45	3,194	910.7	83.4	994.0
Perabot & Kelengkapan	53	5,316	314.3	81.4	395.6	60	5,479	251.5	54.6	306.1
Minuman & Tembakau	4	1,071	126.9	220.6	347.6	4	149	14.1	25.4	39.5
Kulit & Produk Kulit	3	93	15.6	0.3	15.9	—	—	—	—	—
Pelbagai	5	211	16.6	5.7	22.4	14	1,531	101.5	77.7	179.2
JUMLAH	804	76,631	20,207.0	20,845.4	41,052.4	846	100,533	21,937.9	34,148.9	56,086.8

Lampiran 4 Projek Perkhidangan Yang Diluluskan Dengan Pelaburan RM100 Juta Dan Ke Atas, 2012

Industri	BARU				PEMBESARAN / PELBAGAIAN				JUMLAH			
	Bil.	Pelaburan Domestik (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)	Jumlah Pelaburan (RM juta)	Bil.	Pelaburan Domestik (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)	Jumlah Pelaburan (RM juta)	Bil.	Pelaburan Domestik (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)	Jumlah Pelaburan (RM juta)
Kelengkapan Pengangkutan	8	3,463.3	1,271.9	4,735.2	6	1,225.2	388.4	1,613.6	14	4,688.5	1,660.3	6,348.8
Produk Petroleum (Termasuk Petrokimia)	3	4,500.0	1,166.4	5,666.4	1	102.5	—	102.5	4	4,602.5	1,166.4	5,768.9
Kimia & Produk Kimia	5	153.6	1,934.2	2,087.8	4	197.9	3,017.2	3,215.1	9	351.5	4,951.4	5,302.9
Produk Logam Asas	6	997.1	1,824.8	2,821.9	2	351.0	—	351.0	8	1,348.1	1,844.8	3,172.9
Produk Elektrik & Eletronik	2	—	1,722.8	1,722.8	6	—	730.0	730.0	8	—	2,452.8	2,452.8
Pengilangan Makanan	1	111.5	42.5	154.0	10	1,265.2	476.5	1,741.7	11	1,376.7	519.0	1,895.7
Produk Getah	1	—	891.9	891.9	1	—	128.1	128.1	2	—	1,020.0	1,020.0
Peralatan Pengukuran & Saintifik	2	695.6	106.0	801.6	—	—	—	—	2	695.6	106.0	801.6
Pengilangan Jentera	3	—	496.6	496.6	1	—	173.1	173.1	4	—	669.7	669.7
Kertas, Percetakan & Penerbitan	1	—	193.0	193.0	2	37.2	278.9	316.1	3	37.2	471.9	509.1
Produk Plastik	1	—	287.8	287.8	1	—	141.6	141.6	2	—	429.4	429.4
Minuman & Tembakau	—	—	—	2	84.8	220.6	305.4	2	84.8	220.6	305.4	305.4
Produk Logam Fabrikasi	1	—	114.5	114.5	1	112.9	9.2	122.1	2	112.9	123.7	236.6
Tekstil & Produk Tekstil	—	—	—	1	—	182.3	182.3	1	—	182.3	182.3	182.3
Produk Galian Bulkan Logam	1	101.5	43.5	145.0	—	—	—	—	1	101.5	43.5	145.0
JUMLAH	35	10,022.5	10,095.9	20,118.4	38	3,376.7	5,745.9	9,122.6	73	13,399.2	15,841.8	29,241.0

Lampiran 5 Projek Perkiraan Baharu Dan Pembesaran/Pelbagai Yang Diluluskan Mengikut Industri, 2012 Dan 2011

Industri	2012						2011					
	Bil.	Baru	Jumlah Pelaburan (RM juta)	Bil.	Pembesaran / Pel.	Jumlah Pelaburan (RM juta)	Bil.	Baru	Jumlah Pelaburan (RM juta)	Bil.	Pembesaran / Pel.	Jumlah Pelaburan (RM juta)
Kelengkapan Pengangkutan	48	5,605.7	37	2,174.9	85	7,780.6	58	2,034.4	52	3,943.8	110	5,978.1
Kimia & Produk Kimia	37	2,678.3	36	3,759.1	73	6,437.5	32	3,452.7	37	1,497.3	69	4,950.1
Produk Petroleum (Termasuk Petrokimia)	8	5,812.5	6	225.0	14	6,037.4	5	124.5	10	2,556.7	15	2,681.2
Produk Elektrik & Eletronik	49	2,546.1	63	1,440.6	112	3,986.6	56	11,233.7	73	8,827.7	129	20,061.4
Produk Logam Asas	26	3,261.7	11	531.4	37	3,793.1	22	7,308.6	16	2,608.1	38	9,916.7
Pengilangan Makanan	30	760.8	37	2,638.7	67	3,399.5	50	2,795.8	14	898.0	64	3,693.8
Pengilangan Jentera	61	1,302.3	23	547.8	84	1,850.1	44	360.3	30	383.9	74	744.2
Produk Getah	7	992.9	13	357.4	20	1,350.3	11	197.8	8	431.7	19	629.5
Produk Logam Fabrikasi	38	542.2	23	687.3	61	1,229.5	51	1,098.0	12	326.4	63	1,424.5
Produk Plastik	31	604.4	26	504.6	57	1,109.0	32	465.9	23	199.8	55	665.7
Peralatan Pengukuran & Sainsifik	9	884.2	7	31.3	16	915.5	5	178.6	6	255.9	11	434.5
Kertas, Percetakan & Penerbitan	18	528.2	9	343.4	27	871.6	22	175.6	15	358.0	37	533.6
Produk Galian Bulkan Logam	9	402.6	12	229.3	21	631.9	15	2,318.5	10	245.0	25	2,563.5
Tekstil & Produk Tekstil	23	233.9	8	237.1	31	471.0	8	59.8	6	231.3	14	291.1
Kayu & Produk Kayu	25	385.0	9	22.4	34	407.4	36	882.2	9	111.8	45	994.0
Perabot & Kelingkapans	47	248.9	6	146.7	53	395.6	51	231.1	9	75.0	60	306.1
Minuman & Tembakau	1	11.0	3	336.6	4	347.6	3	39.5	1	-	4	39.5
Kulit & Produk Kulits	2	14.2	1	1.7	3	15.9	-	-	-	-	-	-
Pelbagai	4	22.4	1	-	5	22.4	11	138.9	3	40.3	14	179.2
JUMLAH	473	26,837.4	331	14,215.0	804	41,052.4	512	33,096.0	334	22,990.8	846	56,086.8

Lampiran 6 Projek Perkhidangan Yang Diluluskan Dengan Hakmilik Majoriti Rakyat Malaysia* Mengikut Industri , 2012 Dan 2011

Industri	2012					2011				
	Bil.	Jumlah Pelaburan (RM juta)	Pembesaran / Pel	Jumlah	Bil.	Jumlah Pelaburan (RM juta)	Bil.	Jumlah Pelaburan (RM juta)	Pembesaran / Pel	Jumlah
Kelengkapan Pengangkutan	40	4,436.7	32	1,677.0	72	6,113.7	50	1,250.6	43	3,574.7
Produk Petroleum (Termasuk Petrokimia)	3	4,519.4	3	134.5	6	4,653.9	3	20.6	4	1,354.0
Pengilangan Makanan	27	625.7	23	1,892.7	50	2,518.4	38	1,039.0	3	39.9
Produk Logam Asas	21	1,838.7	11	531.4	32	2,370.1	13	5,411.9	12	1,503.3
Produk Elektrik & Eletronik	32	599.9	17	165.6	49	765.5	31	1,265.9	21	301.9
Peralatan Pengukuran & Sainsifik	5	710.6	2	27.8	7	738.4	3	22.1	3	45.8
Kimia & Produk Kimia	20	380.8	17	344.8	37	725.6	25	886.3	23	918.3
Produk Logam Fabrikasi	26	251.1	12	384.8	38	635.8	36	570.2	6	95.2
Pengilangan Jentera	32	345.1	16	277.7	48	622.8	31	219.4	16	284.4
Produk Galian Bulkan Logam	6	257.8	8	135.3	14	393.1	8	1,089.2	4	9.6
Produk Plastik	19	237.5	16	130.4	35	367.9	25	263.2	9	67.6
Perabot & Kelengkapan	43	224.6	4	122.5	47	347.1	46	199.1	8	53.8
Kayu & Produk Kayu	18	252.1	9	22.4	27	274.5	30	846.9	8	84.4
Kertas, Percetakan & Penerbitan	12	197.5	6	25.0	18	222.4	14	110.2	7	110.3
Tekstil & Produk Tekstil	19	156.4	4	12.3	23	168.7	4	21.9	3	30.1
Produk Getah	4	22.4	6	121.3	10	143.6	8	130.5	7	430.4
Minuman & Tembakau	1	11.0	1	31.2	2	42.2	1	5.0	1	- **
Kulit & Produk Kulit	2	14.2	1	1.7	3	15.9	-	-	-	-
Pelbagai	3	17.1	-	-	3	17.1	7	98.7	-	7
JUMLAH	333	15,098.6	188	6,038.0	521	21,136.6	373	13,450.7	178	8,903.6
									551	22,354.3

* Projek-projek dengan ekuiti dimiliki oleh rakyat Malaysia melebihi 50 peratus

** Projek pembesaran/pelbagai tanpa modal panggalian tambahan.

Lampiran 7 Projek Yang Diluluskan Bagi Industri Sokongan Kejuruteraan Mengikut Subsektor, 2012

Sub-Sektor	Baru			Pembesaran/Pelbagai				Jumlah				
	Bil.	Pelaburan Domestik (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)	Jumlah Pelaburan (RM juta)	Bil.	Pelaburan Domestik (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)	Jumlah Pelaburan (RM juta)	Bil.	Pelaburan Domestik (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)	Jumlah Pelaburan (RM juta)
Acuan, Alatan & Dai	8	44.7	43.0	87.7	3	10.0	87.6	97.6	11	54.7	130.6	185.3
Pemesinan	13	56.5	62.2	118.7	7	2.7	118.4	121.1	20	59.2	180.6	239.8
Hentakan Logam	3	6.1	0.0	6.1	2	1.5	24.4	25.9	5	7.6	24.4	32.0
Pembentukan Logam	2	68.4	2.6	71.0	2	42.3	0.1	42.4	4	110.7	2.7	113.4
Kejuruteraan Pemukaan	4	32.7	34.8	67.5	-	-	-	0.0	4	32.7	34.8	67.5
Penempaan	2	1.4	1.6	3.0	-	-	-	0.0	2	1.4	1.6	3.0
Jig & Lekapan	-	-	-	1	-	0.3	0.3	0.3	1	0.0	0.3	0.3
JUMLAH	32	209.8	144.2	354.0	15	56.5	230.8	287.3	47	266.3	375.0	641.3

Lampiran 8 Projek Yang Diluluskan Bagi Industri Elektrik & Elektronik Mengikut Subsektor, 2012

Sub-Sektor	Baru			Pembesaran/Pelbagai				Jumlah				
	Bil.	Pelaburan Domestik (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)	Jumlah Modal Pelaburan (RM juta)	Bil.	Pelaburan Domestik (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)	Jumlah Modal Pelaburan (RM juta)	Bil.	Pelaburan Domestik (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)	Jumlah Modal Pelaburan (RM juta)
Elektronik Pengguna	3	-	558.7	558.7	5	3.0	207.1	210.1	8	3.0	765.8	768.8
Komponen Elektronik	12	147.3	100.6	247.9	19	8.3	823.2	831.5	31	155.6	923.8	1,079.4
Elektronik Perindustrian	4	101.3	18.0	119.3	14	12.7	193.3	206.0	18	114.0	211.3	325.3
Produk Elektrik	30	324.1	1,296.1	1,620.2	25	137.9	55.0	192.9	55	46.0	1,351.1	1,813.1
JUMLAH	49	572.7	1,973.4	2,546.1	63	161.9	1,278.6	1,440.5	112	734.6	3,252.0	3,986.6

Lampiran 9 Projek Perkilangan Yang Diluluskan Dengan Penyertaan Asing Mengikut Sumber, 2012 Dan 2011

NEGARA	Bilangan	Pelaburan Asing (RM)	2011	
			Bilangan	Pelaburan Asing (RM)
Jepun	62	2,792,900,107	77	10,101,843,184
Saudi Arabia	2	2,648,021,433	1	2,170,930,000
Singapura	109	2,214,565,561	88	2,477,713,827
China	23	1,977,802,063	20	1,194,224,823
Korea Selatan	17	1,636,972,599	10	5,185,122,961
Perancis	7	1,436,231,317	5	177,455,180
Norway	2	1,141,520,001	1	7,800,000
India	12	903,232,183	5	247,558,022
Belanda	18	834,759,905	14	1,010,043,358
Jerman	15	693,342,814	13	1,951,184,609
United Kingdom	10	611,126,863	11	240,673,279
Switzerland	7	495,286,635	5	353,530,245
Thailand	11	445,947,652	3	241,533,800
USA	16	295,779,636	21	2,508,973,082
Denmark	3	222,335,933	2	156,709,783
British Virgin Islands	8	185,625,815	3	15,323,374
Taiwan	13	171,590,970	23	1,394,403,650
Sri Lanka	1	168,735,000	-	-
Hong Kong	7	90,388,472	10	394,929,855
Emeriah Arab Bersatu	3	88,100,000	-	-
Lain-lain	124	1,790,683,408	129	4,318,914,381
JUMLAH	***	20,845,448,377	***	34,148,867,413

*** Bilangan projek-projek yang diluluskan tidak dijumlahkan bagi mengelakkan pengiraan dua kali.

Lampiran 10 Projek Perkuliahan Yang Diluluskan Mengikut Negeri, 2012 Dan 2011



Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia

MIDA Sentral, No 5, Jalan Stesen Sentral 5
Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: (603) 2267 3633 • Faks: (603) 2274 7970
Emel: investmalaysia@mida.gov.my
Laman Web: www.mida.gov.my